

**NILAI PENDIDIKAN MENERUSI KARYA *TANGON-TANGON*  
MASYARAKAT KADAZANDUSUN: SATU TINJAUAN  
PENGKAEDAHAN MELAYU**

**LOVELIN FO  
C20A1024**

UNIVERSITI

---

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN**

**DENGAN KEPUJIAN**

**2024**

---

KELANTAN



Universiti Malaysia  
KELANTAN

**NILAI PENDIDIKAN MENERUSI KARYA *TANGON-TANGON*  
MASYARAKAT KADAZANDUSUN: SATU TINJAUAN  
PENGKAEDAHAN MELAYU**

Oleh:

**LOVELIN FO**

Tesis Dikemukakan Bagi Memenuhi Kehendak Ijazah Sarjana  
Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

UNIVERSITI

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024  
KELANTAN

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana- mana Universiti atau Institusi.

<input type="checkbox"/>	TERBUKA	Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
<input type="checkbox"/>	SEKATAN	Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Dari tarikh _____ sehingga _____
<input type="checkbox"/>	SULIT	(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
<input type="checkbox"/>	TERHAD	(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut.

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan

000323-12-2388

No. Kad Pengenalan

Tarikh: 21 Februari 2024



Tandatangan Penyelia

Ts. Dr. Mohd Saipuddin bin Suliman

Nama Penyelia

Tarikh: 25 Februari 2024

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu dengan rasa keinsafan saya ingin mengucapkan syukur kepada Tuhan yang Maha Esa dengan kesempatan serta kurnia-Nya, maka dapatlah saya menyiapkan tugas ini dengan jayanya walaupun melalui pelbagai kekangan dan rintangan.

Saya dengan rendah diri ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang membantu saya untuk menyiapkan tugas ini terutamanya pensyarah saya sendiri iaitu Ts. Dr. Mohd Saipuddin bin Suliman. Beliau banyak memberi tunjuk ajar serta maklumat yang diperlukan berkaitan projek penyelidikan ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih diberikan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi pertolongan dan bimbingan sehingga saya berjaya menyiapkan tugas ini dalam tempoh waktu yang telah ditetapkan.

Saya amat berbesar hati serta ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan kerana banyak memberi kerjasama sepanjang saya menyiapkan tugas ini. Dengan bantuan dan maklumat yang diberikan dapatlah saya menyiapkan projek penyelidikan ini.

Saya dengan rasa cinta dan kasih sayang ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya iaitu Chai Mui Fo serta Normia Mulitong. Mereka banyak memberi nasihat dan membantu saya dari segi sokongan kewangan serta kemudahan yang diperlukan bagi menyiapkan tugas ini. Mereka juga sentiasa memberi sokongan moral agar projek penyelidikan ini berjalan lancar dan dilakukan dengan jayanya.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang memberi kerjasama dan pertolongan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung semasa saya menjalankan penyelidikan ini. Tanpa pertolongan dan bantuan daripada mereka semestinya saya tidak akan dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan baik. Akhir kata, ribuan terima kasih diucapkan untuk semua.

Lovelin Fo,  
Kampung Jambutan Laya-laya,  
Jalan Teringai, 89100,  
Kota Marudu, Sabah.  
No. Tel: 0105813655  
E-mail: [lovelinchai2302@gmail.com](mailto:lovelinchai2302@gmail.com)

## ISI KANDUNGAN

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
PENGESAHAN TESIS.....	i
PENGHARGAAN.....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iii-v
ABSTRAK.....	vii
<i>ABSTRACT</i> .....	v
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1 Pengenalan.....	1-4
1.2 Latar Belakang.....	5-6
1.3 Pernyataan Masalah.....	7-8
1.4 Persoalan Kajian.....	9
1.5 Objektif Kajian.....	9
1.6 Kepentingan Kajian.....	9-10
1.7 Batasan Kajian.....	11
1.8 Definisi Istilah dan Konsep.....	13-16
1.9 Organisasi Kajian.....	17
1.10 Kesimpulan.....	18
<b>BAB 2: KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan.....	19
2.2 Pengkajian berkaitan karya-karya Minah Sintian.....	23-24
2.3 Pengkajian berkaitan Cerita Rakyat.....	25-30

2.4 Pengkajian berkaitan teori Pengkaedahan Melayu .....	31-40
2.5 Pengkajian berkaitan budaya Kadazandusun.....	41-47
2.6 Kesimpulan.....	48
<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan.....	49
3.2 Reka bentuk kajian.....	50
3.3 Kaedah Kajian.....	51-52
3.3.1 Sumber Internet	
3.3.2 Kaedah Kepustakaan	
3.3.3 Kaedah Analisis Tekstual	
3.4 Teori Pengkaedahan Melayu .....	53-60
3.4.1 Sejarah Ringkas	
3.4.2 Pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu	
3.5 Kerangka Kajian.....	61
3.6 Kesimpulan .....	62
<b>BAB 4: ANALISIS KAJIAN</b>	
4.1 Pengenalan .....	63
4.2 Pengkelasan Jenis <i>Tangon-Tangon</i> .....	64-67
4.3 Nilai Pendidikan.....	67-103
i. Nilai Kerajinan	
ii. Nilai Keberanian	
iii. Nilai Rasional	
iv. Nilai Kerjasama	
v. Nilai Hemah Tinggi	
4.7 Kesimpulan.....	104

**BAB 5: KESMIPULAN**

5.1 Pengenalan.....	105
5.2 Rumusan Kajian.....	106-107
5.3 Implikasi Kajian.....	108-110
5.4 Cadangan daripada Hasil Kajian.....	111-115
5.5 Kesimpulan.....	116
RUJUKAN .....	117-123
LAMPIRAN.....	124



## **Nilai Pendidikan Menerusi Karya *Tangon-Tangon* Masyarakat Kadazandusun: Satu Tinjauan Pengkaedahan Melayu**

### **ABSTRAK**

Pendidikan merupakan sebuah nilai yang akan membentuk keperibadian masyarakat kearah yang lebih baik menerusi cerita rakyat yang diceritakan oleh para penglipur lara pada zaman dahulu. Cerita rakyat merupakan sebuah tutur kata yang disampaikan secara lisan dari zaman dahulu sehingga pada hari ini. Penyelidikan ini dijalankan bagi tujuan untuk mengemukakan jenis-jenis cerita rakyat dalam *tangon-tangon* Kadazandusun dan membincangkan nilai – nilai pendidikan yang terdapat dalam cerita rakyat Kadazandusun berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu. Metodologi yang digunakan menerusi kajian ini adalah reka bentuk kualitatif seperti kaedah sumber Internet, kaedah kepustakaan kaedah dan analisis tekstual. Rentetan itu, analisis kajian ini diterapkan dalam pendekatan moral menerusi Teori Pengkaedahan Melayu. Pendekatan Moral merupakan satu kejadian atau objek sama seperti pendekatan gunaan namun kejadian ini berlandaskan moral yang tidak lagi sesuai dengan pengalaman seseorang. Nilai pendidikan yang terdapat dalam cerita rakyat yang dikaji oleh pengkaji adalah nilai kerajinan, keberanian, rasional, kerjasama dan juga hemah yang membentuk setiap perwatakan dalam cerita rakyat turut menjadi teladan kepada masyarakat serta mengangkat sastera lisan dalam perkembangan kesusasteraan kontemporari di Malaysia. Diharapkan kajian ini mampu memberi perubahan kepada pihak tertentu seperti masyarakat Kadazandusun serta individu berkaitan kepentingan teks kesusasteraan dalam menyampaikan nilai pendidikan kepada masyarakat seterusnya menyumbang kepada keharmonian kehidupan masyarakat di Malaysia.

**Kata kunci:** Nilai Pendidikan, *Tangon-tangon*, Kadazandusun, Teori Pengkaedahan Melayu, Pendekatan Moral.



***The Value of Education Through tangon-tangon  
Kadazandusun: An Overview of Malay Methodology***

**ABSTRACT**

*Education is a value that will shape the personality of the community for the better through the folk stories told by comforters of the sick in the past. Folklore is a spoken word that has been transmitted orally from ancient times until today. This research was conducted for the purpose of presenting the types of folk tales in Kadazandusun tangon-tangon and discussing the educational values found in Kadazandusun folk tales based on Malay Methodology Theory. The methodology used in this study is a qualitative design such as Internet resource methods, bibliographic methods and textual analysis. Following that, the analysis of this study is applied in a moral approach through the Malay Methodology Theory. Moral approach is an event or object just like the applied approach but this event is based on morality which no longer fits with a person's experience. The educational value found in the folklore studied by the researcher is the value of craft, bravery, rationality, cooperation and also cunning which make up every character in the folklore also serves as an example to the community and elevates oral literature in the development of contemporary literature in Malaysia. It is hoped that this study will be able to bring change to certain parties such as the Kadazandusun community as well as individuals related to the importance of literary texts in conveying the value of education to the community and further contributing to the harmony of community life in Malaysia.*

*Keywords: Value of Education, Tangon-tangon, Kadazandusun, Theory of Malay Methodology, Moral Approach*

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Kajian menerusi genre sastera merupakan salah satu penyumbang besar dalam menyampaikan maklumat penting berkaitan dengan sastera, nilai-nilai moral dan juga nilai pendidikan kepada orang ramai di seluruh Malaysia menggunakan medium yang pelbagai misalnya melalui sastera lisan. Dalam konteks ini, sastera lisan ialah kesusasteraan yang melibatkan percakapan antara satu sama lain bagi mengembangkan cerita rakyat kepada pendengar generasi kepada pendengar generasi lain. Antara contohnya adalah mitos, legenda, cerita rakyat dan puisi rakyat. Rentetan itu, menerusi dunia sastera ramai masyarakat yang lebih gemar menjadikan sastera lisan seperti cerita rakyat sebagai salah satu bahan bacaan utama bagi mengisi masa lapang mahupun menimba ilmu pengetahuan dalam genre kesusasteraan. Walaupun pada masa dahulu cerita rakyat ini disampaikan majoriti secara lisan secara turun-temurun namun mengikuti arus kemajuan negara yang semakin canggih, cerita rakyat ini bukan sahaja disampaikan secara bersemuka malah dibukukan agar orang ramai diseluruh dunia mampu membaca cerita rakyat tidak kira dari kaum apa sahaja. Bukan itu sahaja, cerita rakyat juga merupakan satu kisah yang mudah difahami terutamanya golongan kanak-kanak. Hal ini kerana, secara umumnya cerita rakyat ini dibuat khas untuk kanak-kanak bagi membentuk karakter yang mempunyai nilai moral apabila meningkat dewasa nanti.

Pada pandangan Aripin (1996), cerita rakyat ini ialah satu medium yang berfungsi untuk menghibur masyarakat terutamanya golongan kanak-kanak serta berperanan sebagai medium untuk mendidik masyarakat agar mampu menjalani kehidupan hariannya dengan lancar. Pernyataan diatas menjelaskan bahawa cerita rakyat ini bukan sahaja disampaikan secara suka-suka namun ia juga mampu memberi kesedaran dan membentuk perwatakan terutamanya kanak-kanak dalam kehidupan harian mereka. Perkara ini mampu masyarakat amalkan atau teladani menerusi watak-perwatakan dalam sebuah cerita rakyat yang disampaikan sama ada secara lisan mahupun bertulis. Dalam pada itu, pengkaji telah menjalankan penyelidikan yang berkaitan dengan cerita rakyat namun dalam masyarakat Kadazandusun di Sabah ataupun lebih dikenali sebagai *tangon-tangon*.

Suku kaum Bumiputera asli terbesar di Sabah ialah Kadazandusun. Menerusi satu kepercayaan, kaum ini berasal daripada suku Bunun di Taiwan. Etnik Kadazandusun ini bertutur dalam pelbagai bahasa dan dialek serta berpegang kepada pelbagai budaya tradisional. Menurut kajian Persatuan Kebudayaan Kadazandusun Sabah (2019), Kadazandusun ini terdiri daripada 27 suku. Antaranya, Dusun Liwan, Dusun Tindal, Dusun Pahu, Dusun Lotud, Bagahak, Dusun Labuk, Dusun Kimaragang, Tagahas, Tangara, Dusun, Rungus, Orang Sungai, Kujiau, Tambanuo, dan sebagainya adalah beberapa dari mereka. Bagi memberikan suara yang lebih kuat kepada 14 puak yang bercakap kumpulan bahasa yang sama, Tun Fuad Stephens, Huguan Siou (Pemimpin Tertinggi) Kadazan yang pertama, mula-mula mencadangkan menggunakan istilah "Kadazan." Ramai orang Dusun bersetuju dengan ini, tetapi ada yang mencari lebih autonomi, maka gelaran

Kadazandusun dipilih sebagai kompromi. Suku kaum Dusun, yang merangkumi kira-kira satu pertiga daripada penduduk Sabah merupakan kumpulan etnik terbesar. Suku kaum Dusun merupakan petani tradisional yang mengusahakan tanaman padi dan huma. Mereka boleh ditemui di lembah bukit Ranau, Tambunan, dan Keningau serta Penampang, Papar, Tuaran, Kiulu, Tamparuli, Tenghilan, dan Kota Belud di pantai barat.

Rentetan itu, masyarakat Kadazandusun juga mempunyai cerita rakyat tersendiri atau lebih dikenali sebagai *tangon-tangon*. Menurut Minah Sintian (2015), *tangon-tangon* ialah istilah dalam bahasa dusun yang bermaksud cerita rakyat yang disampaikan oleh penyampai dan berlaku penambahan plot dalam sebuah cerita yang disampaikan yang telah diturunkan dari satu generasi ke generasi seterusnya. Cerita rakyat ini lazimnya berbentuk tutur yang berfungsi sebagai medium untuk menggambarkan tingkah laku yang berkaitan dengan hidup yang disepadukan dengan kehidupan masyarakat. Dalam masyarakat Kadazandusun, cerita rakyat ataupun *tangon-tangon* ini lahir dalam masyarakat Kadazandusun yang bersifat universal dan primitif.

Selain itu, pendidikan adalah salah satu perkara yang penting terhadap individu. Hal ini kerana, peribadi seorang individu itu dapat dikembang kearah kebaikan. Bukan itu sahaja, pendidikan ini juga mampu menyedarkan masyarakat terutamanya generasi sekarang agar lebih fokus kepada perkara yang membawa kearah kebaikan bukannya keburukan. Menerusi kajian ini, terdapat pelbagai nilai pendidikan yang akan dianalisis oleh pengkaji dalam membuktikan bahawa cerita rakyat atau *tangon-tangon* ini salah warisan nenek moyang yang sangat bermanfaat

kepada generasi sekarang terutamanya nilai pendidikan yang terdapat dalam watak perwatakan dalam setiap cerita rakyat kadazan Dusun yang disampaikan oleh penyampai bagi membentuk diri individu agar menjadi anak yang lebih baik.

Sehubungan dengan itu, kajian ini akan membincangkan tentang nilai pendidikan yang terdapat *tangon-tangon* atau cerita rakyat dalam himpunan buku *Tinimungan Tangon Kadazandusun* (Himpunan Cerita Rakyat Kadazandusun) yang dihimpunkan oleh Minah Sintian dan Rosliah Kiting pada tahun 2016. Penyelidikan ini juga dianalisis dengan menggunakan pendekatan Moral menerusi teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang. Disamping itu kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan maklumat dan data yang tepat dan lengkap dan sahih iaitu kaedah sumber Internet, kajian kepustakaan dan analisis tekstual. Nilai pendidikan ini juga penting dikaji oleh pengkaji kerana nilai ini mampu membentuk perwatakan masyarakat terutamanya kanak-kanak yang sedang meningkat dewasa.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Menerusi kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada cerita rakyat dalam masyarakat Kadazandusun dan menganalisis nilai pendidikan dalam beberapa *tangon-tangon* Kadazandusun dalam teks himpunan cerita Kadazandusun. Sisyono (2008), berpendapat bahawa *tangon-tangon* ini ialah cerita-cerita yang sedia ada, lahir, hidup dan tidak kira sama ada masyarakat berkenaan mengenal abjad atau tidak, cerita rakyat ini diturunkan secara turun-temurun pada zaman dahulu. Bukan itu sahaja, cerita rakyat ini telah diturunkan secara lisan, tanpa nama, mengandungi kelangsungan hidup, dan telah diturunkan dalam kolektif tertentu untuk masa yang sangat lama.

Peribumi Sabah mempunyai khazanah sastera lisan yang banyak dan kaya dengan nilai estetika. Sebahagian besar daripada daripada khazanah ini masih dalam bentuk sastera lisan. Khazanah ini menggambarkan kehidupan masa lampau masyarakat yang penuh dengan unsur-unsur didaktik selari dengan kehidupan masyarakat kolektif. Meskipun hidup dalam keadaan yang penuh dengan kedaifan iaitu tanpa sebarang alat untuk merakam sastera lisan namun mereka mampu menggunakan seni bahasa untuk tujuan mewariskannya kepada generasi seterusnya. Pendidikan tidak formal melalui teknik bercerita yang dibumbui dengan seni bahasa yang indah ternyata mampu menarik perhatian anak cucu mereka dengan genre-genre sastera sebagai hiburan dan juga untuk mendidik.

Cerita rakyat atau *tangon-tangon* merupakan sebuah cerita rekaan oleh penyampai ataupun lebih dikenali sebagai penglipur lara pada zaman dahulu yang disampaikan sehingga sekarang dari generasi ke generasi yang amat disukai oleh orang ramai terutamanya golongan kanak-kanak yang membina teladan kanak-kanak

apabila meningkat dewasa nanti. Danandjaya (2007), juga mengatakan bahawa cerita rakyat merupakan komponen budaya kolektif yang telah disebar secara meluas dan kemudian disampaikan dari generasi dahulu sehingga hari ini, baik dari segi tradisional dalam pelbagai versi, baik dalam bentuk lisan atau teladan yang diikuti dengan gerakan dan isyarat atau kaedah lain yang dapat membantu mengingat cerita rakyat ini.

Selain itu, cerita rakyat (*tangon-tangon*) ini berasal daripada tradisi pada zaman dahulu yang digelar sebagai hiburan yang telah disampaikan secara lisan namun ada juga yang disampaikan melalui tulisan terutamanya zaman sekarang yang semakin maju dengan adanya teknologi semua masyarakat boleh membacanya sama ada melalui Internet ataupun google. Cerita rakyat salah satu khazanah yang ditinggalkan nenek moyang secara turun-temurun yang mencerminkan dari segi nilai-nilai atau adat budaya asal cerita untuk disampaikan kepada masyarakat terutamanya kanak-kanak bagi tujuan untuk membentuk sifat perwatakan kanak-kanak agar tumbuh dengan nilai moral yang tinggi.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Kadazandusun merupakan sebuah suku kaum yang sangat besar di negeri Sabah yang kaya dengan cerita rakyat ataupun *tangon-tangon* dalam istilah Kadazandusun yang diwarisi secara turun-temurun. Hal ini kerana, kebanyakan masyarakat di Sabah boleh bertutur dan memahami bahasa yang diguna pakai oleh suku kaum Kadazandusun di Sabah terutamanya dalam menyampaikan cerita rakyat Kadazandusun yang tersendiri. Oleh itu, tujuan utama kajian ini dijalankan bagi menyelesaikan permasalahan kajian agar cerita rakyat Kadazandusun dapat



diteruskan secara turun-temurun dari generasi ke generasi lain. Oleh terdapat beberapa isu yang dikaji berdasarkan objektif kajian ini dimana pengekal cerita rakyat atau *tangon-tangon* ini dapat dikekalkan oleh penyampainya.

Antara isu yang akan dibahas dalam kajian ini adalah cerita rakyat (*tangon-tangon*) Kadazandusun yang semakin dilupakan oleh masyarakat terutamanya suku kaum Kadazandusun sendiri. Isu ini telah disokong oleh Zafirah Zaidi (2021), yang mengatakan bahawa, halangan yang pembangunan negara yang semakin maju terutamanya dalam penggunaan teknologi. Hal ini dapat dikaitkan dengan kecanggihan teknologi zaman sekarang kerana dengan adanya alatan elektronik seperti telefon bimbit. Alatan elektronik yang lengkap dengan pelbagai aplikasi permainan ini akan menyebabkan masyarakat terutamanya golongan kanak-kanak lebih berminat dengan permainan berbanding daripada duduk dan mendengar cerita rakyat yang disampaikan oleh nenek atau datuk mereka. Oleh itu, sudah jelas bahawa keadaan ini menyebabkan cerita rakyat ini semakin terancam dan pupus dalam generasi yang seterusnya jika dibiarkan begitu.

Permasalahan yang seterusnya ialah isu yang diketengahkan dalam kajian ini ialah mengenai sifat masyarakat sekarang yang tidak mempunyai nilai pendidikan dalam diri masing-masing. John Dewey (2012), mengatakan bahawa pendidikan merupakan asa untuk individu dalam meneruskan kehidupannya. Hal ini kerana nilai pendidikan ini mampu mengatur dan menolong manusia menambahkan lagi nilai pengetahuan yang ada pada diri individu, iaitu nilai pendidikan yang tinggi dalam diri individu itu mampu menjadikan hidup masyarakat lebih selamat, berguna dan bertambah tinggi lagi nilai pengetahuannya. Oleh itu, pengkaji dapat



menyimpulkan bahawa antara permasalahan yang akan diketengahkan oleh pengkaji menerusi kajian ini adalah berkaitan nilai pendidikan yang kurang diaplikasikan oleh masyarakat Kadazandusun itu sendiri. Maka dengan itu, menerusi cerita rakyat ataupun *tangon-tangon* masyarakat dapat menerapkan nilai pendidikan dalam diri masyarakat. Selain itu, kajian lepas berkaitan dengan tajuk penyelidikan pengkaji iaitu *tangon-tangon* atau cerita rakyat dalam kaum Kadazandusun ini juga kurang dikaji oleh pengkaji lepas terutamanya berkaitan dengan nilai pendidikan yang terdapat dalam cerita rakyat. Dalam konteks ini, kajian ini dijalankan bagi mengkaji nilai-nilai pendidikan yang terdapat dalam cerita rakyat ini menerusi watak-perwatakan dan plot cerita dalam *tangon-tangon* Kadazandusun. Oleh itu, dengan adanya kajian ini pengkaji mengharapkan agar masyarakat terutamanya kanak-kanak dapat membentuk jati diri masing-masing dengan baik.

Oleh itu, pengkaji berharap agar masalah kajian yang berkaitan cerita rakyat (*tangon- tangon*) dapat membuka minda pemikiran masyarakat bukan sahaja kaum Kadazandusun namun semua masyarakat Malaysia mengetahui wujudnya cerita rakyat Kadazandusun yang mampu memupuk nilai pendidikan dalam diri masyarakat agar mampu membentuk jati diri yang baik.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Terdapat beberapa persoalan yang telah dikenal pasti oleh pengkaji dalam melakukan kajian ini antaranya ialah:

**1.4.1** Apakah jenis *tangon-tangon* (cerita rakyat) dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Sabah?

**1.4.2** Bagaimanakah nilai-nilai pendidikan dianalisis menerusi *tangon-tangon* (cerita rakyat) Kadazandusun menggunakan teori Pengkaedahan Melayu?

#### **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini dilakukan oleh pengkaji untuk memenuhi objektif-objektif utama yang telah ditetapkan antaranya ialah:

**1.5.1** Mengelaskan jenis *tangon-tangon* (cerita rakyat) menerusi teks Himpunan Cerita Kadazandusun yang dipilih.

**1.5.2** Menganalisis nilai-nilai pendidikan menerusi *tangon-tangon* (cerita rakyat) Kadazandusun menggunakan teori Pengkaedahan Melayu.

#### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian ini kepada individu adalah untuk mewujudkan nilai pendidikan dalam diri individu yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat ataupun lebih dikenali sebagai *tangon-tangon* dalam bahasa kadazandusun di Sabah yang semakin dilupakan oleh masyarakat Kadazandusun di Sabah. Diharapkan melalui kajian ini, setiap individu mempunyai kesedaran tentang kepentingan cerita rakyat agar tidak

pupus dan dilupakan begitu sahaja. Tambahan lagi dengan kemajuan teknologi zaman sekarang yang semakin canggih dan salah satu faktor cerita rakyat ini semakin dilupakan.

Kajian ini juga penting bagi menambah ilmu pengetahuan masyarakat terutamanya Kadazandusun terhadap cerita rakyat ataupun *tangon-tangon* yang diturunkan oleh nenek moyang pada zaman dahulu. *Tangon-tangon* ini merupakan salah satu khazanah peninggalan nenek moyang yang harus diketahui atau dijaga oleh generasi yang seterusnya. Hal ini kerana, terdapat pelbagai manfaat yang akan diperoleh oleh pendengar cerita rakyat ini. Cerita rakyat ini mampu membentuk jati diri seseorang agar menjadi orang yang berguna pada masa hadapan. Ini berlaku apabila seseorang itu menerapkan atau mengamalkan nilai pendidikan yang ada pada watak- perwatakan dalam sebuah *tangon-tangon*. Dalam konteks ini, semua cerita *tangon-tangon* ini menunjukkan teladan yang baik serta boleh dicontohi oleh masyarakat Kadazandusun.

Selain itu, kepentingan kajian kepada negara adalah menggalakkan semua orang mampu menilai himpunan cerita rakyat yang disampaikan oleh nenek moyang yang setiap cerita rakyat ini terutamanya *tangon-tangon* Kadazandusun. Hal ini kerana, cerita rakyat ini mempunyai banyak nilai pendidikan dalam cerita rakyat disampaikan oleh penyampai. Nilai pendidikan ini mampu dinilai menerusi watak dan perwatakan dalam cerita rakyat tersebut. Hal ini kerana, melalui perwatakan hero atau heroin dalam cerita rakyat itu mampu dijadikan contoh kepada pendengar mahupun membaca cerita rakyat ini untuk menjalani kehidupan hariannya yang mencabar.

Tambahan itu, kepentingan kajian yang telah ditemui oleh pengkaji ini adalah kajian ini juga penting kepada pembelajaran dalam mata pelajaran kesusasteraan yang diajar oleh guru-guru di sekolah mahupun kerajaan ataupun swasta. Hal ini kerana, cerita rakyat ini merupakan salah satu aspek dalam kesusasteraan yang dipelajari oleh orang yang mengambil subjek kesusasteraan ini. Bukan itu sahaja, Hasil kajian ini boleh menjadi bahan rujukan kepada mana-mana pihak yang akan menjalankan penyelidikan yang berkaitan dengan cerita rakyat Dusun di Sabah. Oleh itu, pengkaji mengharapkan agar kajian ini bermanfaat kepada semua pihak untuk kegunaan penyelidikan dalam sebuah karya.

### **1.7 Batasan Kajian**

Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji memfokuskan beberapa batasan kajian yang bersesuaian agar tidak melangkaui sasaran batasan kajian penyelidikan ini. Kajian ini dijalankan hanya terhadap dan menumpukan dari aspek kesusasteraan sahaja tanpa melibatkan perkara yang tidak berkaitan dengan perkara lain. Dalam konteks ini, batasan kajian ini hanya menyentuh sastera lisan iaitu cerita rakyat daripada masyarakat Kadazandusun di Sabah tanpa menyentuh cerita rakyat kaum lain di Sabah. Kajian ini juga hanya terbatas serta memberikan tumpuan terhadap teks *TinimunganTangon Kadazandusun* (Himpunan Cerita Kadazandusun) dan turut membataskan kepada menganalisis mengenai nilai pendidikan yang terkandung dalam watak dan perwatakan serta jalancerita dalam cerita rakyat Kadazandusun ini. Dalam kajian ini, pengkaji hanya membataskan kepada 5 nilai sahaja kerana minimum cerita rakyat ini hanya 5 nilai sahaja. Teks himpunan cerita rakyat ini merupakan koleksi khazanah sastera rakyat yang mengandungi 23 buah cerita yang

dikumpulkan daripada pelbagai subtenik keluarga Kadazandusun. Namun, pengkaji memilih 15 buah cerita sahaja kerana 15 buah sahaja yang mempunyai banyak nilai-nilai yang dibincangkan. Cerita rakyat ini terdiri daripada cerita binatang, mitos, asal-usul dan penghibur lara. Ia didokumenkan dalam bentuk dwibahasa iaitu bahasa Kadazandusun dengan mengekalkan dialek-dialek Liwan, bundu, Dusun, Labuk, Dusun Sungai, Kimarangang dan juga Bahasa Melayu untuk memudahkan pengkaji memahami apabila membuat kajian tentang teks ini. Justifikasi, pengkaji memilih teks *Tinimungan Tangon Kadazandusun* (Himpunan Cerita Kadazandusun) sebagai fokus kajian ini kerana teks ini merupakan himpunan cerita rakyat Kadazandusun yang memaparkan nilai pendidikan.

## **1.8 Definisi Istilah dan Konsep**

Menurut kamus bahasa Melayu, istilah dan konsep ini adalah perkataan individu, kata majmuk atau rumusan berbilang kata yang mempunyai makna tertentu apabila digunakan dalam situasi tertentu. Ini mungkin berbeza daripada cara perkataan itu digunakan dalam bahasa biasa atau situasi lain. Mouly (1963), pula mengatakan definisi penyelidikan adalah satu cara bagi menyelesaikan masalah menerusi kutipan data yang disusun dengan baik dan sistematik dalam mengumpulkan data yang akan dianalisis oleh para penyelidik dalam membuat sebuah kajian. Oleh itu, hal ini dapat dinyatakan bahawa penyelidikan merupakan sebuah proses pengumpulan data yang diperlukan dalam sebuah kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

### **1.8.1 Pendidikan**

Mansur dan Muslich (2011), mengatakan bahawa definisi pendidikan ini sebagai medium yang boleh membentuk peradaban masyarakat di seluruh dunia bagi menggalakkan masyarakat menikmati perkembangan dunia serta memberi pengajaran masyarakat terutamanya generasi sekarang yang sudah jauh terpesong ke arah yang tidak baik. Hal ini akan memberikan kesedaran kepada generasi sekarang agar sentiasa menjaga perilaku dalam melakukan pelbagai perkara yang akan memberikan manfaat dalam sebuah perkara yang positif. Dalam konteks ini, pendidikan ini satu aspek yang penting dalam usaha membangunkan serta mengembangkan individu dan masyarakat terutamanya kanak-kanak. Dimana, karakter kanak-kanak ini harus dibangunkan dan dibentuk ke arah yang lebih baik

sesuai dengan kemajuan peradaban dunia ini. Hal ini demikian kerana, cerita rakyat ini salah satu alat yang menjadi hiburan masyarakat serta bahan mendidik masyarakat agar mempunyai karakter yang baik dan sosial kehidupan yang dikawal.

### **1.8.2 *Tangon-Tangon* (Cerita Rakyat)**

*Tangon-tangon* ini merupakan istilah yang menterjemahkan maksud cerita rakyat kepada dialek bahasa Dusun. Dalam masyarakat Kadazandusun, *tangon-tangon* atau cerita rakyat ini adalah salah satu karya sastera tradisional yang sebelum ini disampaikan secara lisan dan berperanan sebagai alat hiburan dan pendidikan kepada sebuah masyarakat. *Tangon-tangon* ini kaya dengan tamadun yang tinggi dan memainkan peranan penting dalam menentukan identiti masyarakat Kadazandusun. Dimana menurut Mohd Taib Osman (1976), cerita rakyat juga dikenali sebagai kesusasteraan lisan dari segi seni pertuturan atau kesusasteraan ekspresif yang merujuk kepada semua jenis bahasa, termasuk bahasa kampung yang mempunyai kualiti estetik dan dicipta oleh masyarakat dan kampung khususnya Normaliza Abd Rahim (2014), juga berpendapat bahawa cerita rakyat ini ialah sebuah warisan tradisi dalam sastera yang diturunkan oleh nenek moyang pada zaman dahulu hingga generasi sekarang yang masih diminati orang ramai. Oleh yang demikian, cerita rakyat ataupun *tangon-tangon* ini sudah terbukti sebuah karya sastera yang unggul yang dihasilkan oleh masyarakat terutamanya masyarakat Kadazandusun yang banyak dengan khazanah cerita lisan yang mengandungi nilai pendidikan pada setiap watak dan perwatakan dalam cerita rakyat yang dikaji.



### **1.8.3 Teori Pengkaedahan Melayu**

Teori Pengkaedahan Melayu adalah satu gagasan teori yang dihasilkan oleh Hashim Awang. Menurut Hashim Awang (2002), teori ini juga dinamakan sebagai “*grounded theory*” atau “teori berlandas” yang terhasil dari penyelidikan yang bersifat kualitatif. Teori ini mempunyai rumusan atau formula yang berupaya prinsip-prinsip umum yang bukan sahaja meliputi karya atau teks sastera malah semua perkara yang mempunyai hubung kait dengan kesusasteraan Melayu. Justeru itu, teori ini juga diketengahkan dalam kalangan masyarakat kerana atas dasar cara hidup dan sikap masyarakat Melayu, kebudayaan dan kepercayaan setempat iaitu masyarakat tersebut yang mewujudkan karya-karya Melayu yang bermutu tinggi.

### **1.8.4 Pendekatan Moral**

Konsep pendekatan Moral ini digunakan dalam sebuah sastera seperti sastera lisan kerana karya sastera yang mempunyai nilai moral yang tinggi misalnya watak dan perwatakan dalam sebuah cerita rakyat. Pada pandangan M. Atar Semi (1993), konsep pendekatan ini mampu memotivasi kanmasyarakat melalui tema, pemikiran, falsafah dan pesan. Rentetan itu, Pendekatan Moral ini juga medium sastera dalam menggerakkan masyarakat ke arah budi pekerti yang terpuji dan menjadikan sastera sebagai panutan. Bukan itu sahaja, pendekatan ini juga menempatkan karya sastera lebih dari suatu seni.



## **1.9 Organisasi Kajian**

Dalam penyelidikan ini, terdapat tiga bab yang akan dikaji oleh pengkaji. Pembahagian organisasi kajian ini dilaksanakan bagi membantu kajian berjalan dengan lancar, teratur dan baik.

### **1.9.1 Bab Satu**

Bab satu mengandungi beberapa pecahan yang terdiri daripada pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, metodologi kajian, definisi istilah dan konsep, organisasi kajian yang bakal dilakukan dan kesimpulan.

### **1.9.2 Bab Dua**

Bab dua ini merangkumi tentang kajian literatur yang membincangkan tinjauan sorotan kajian lepas daripada pelbagai sumber kukuh seperti kajian berkaitan dengan nilai pendidikan dalam cerita rakyat dalam masyarakat Kadazandusun, penggunaan pendekatan Moral menerusi teori Pengkaedahan Melayu.

### **1.9.3 Bab Tiga**

Bab tiga akan membincangkan berkaitan metodologi yang akan diguna pakai sepanjang menjalankan penyelidikan ini. Pengkaji akan menggunakan reka bentuk bersifat kualitatif iaitu menerusi kaedah sumber Internet, kajian kaedah kepustakaan dan kaedah analisis tekstual. Pengkaji juga menggunakan kaedah analisis teks dengan menggunakan buku *Tinimungan tangon Kadazandusun* (Himpunan Cerita Kadazandusun).

#### **1.9.4 Bab Empat**

Bab empat ini merupakan keseluruhan analisis dan hasil dapatan kajian, secara amnya bab ini akan membincangkan berkaitan dengan jenis-jenis nilai pendidikan yang terdapat dalam cerita rakyat Kadazandusun yang dianalisis oleh pengkaji. Selain itu, bab ini juga membahaskan berkaitan dengan nilai pendidikan yang terdapat dalam cerita Kadazandusun ini berdasarkan teori Pendekatan Moral berdasarkan teori Pengkaedahan Melayu.

#### **1.9.5 Bab Lima**

Bab lima ini ialah penutup keseluruhan kajian ini bagi menjawab persoalan kajian yang diketengahkan. Bab ini terdiri daripada rumusan perbincangan, implikasi kajian ini dan cadangan kajian akan datang juga dirumuskan dalam bab akhir ini.

### 1.10 Kesimpulan

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang diperlukan pada masa terkini kerana masyarakat sudah kurang peduli tentang cerita rakyat yang ditinggalkan pada zaman dahulu. Dalam konteks ini, kajian ini penting kerana nilai pendidikan menerusi cerita rakyat (*tangon-tangon*) masyarakat Kadazandusun ini boleh membentuk jati diri masyarakat. Melalui bab satu ini, pengkaji telah menjelaskan tentang tujuan kajian ini dan mencari permasalahan kajian yang menimbulkan banyak persoalan pengkaji dalam mengkaji kajian ini. Pelbagai persoalan yang wujud juga menyebabkan pengkaji memikirkan tujuan kajian ini iaitu mengelaskan jenis *tangon-tangon* (cerita rakyat) dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Sabah dan juga menganalisis nilai-nilai pendidikan menerusi *tangon-tangon* (cerita rakyat) Kadazandusun menggunakan teori Pengkaedahan Melayu. Maklumat yang telah dikumpul oleh pengkaji telah didapati menerusi sumber Internet, kepustakaan dan juga analisis teks yang dipilih oleh pengkaji. Maka dengan itu, melalui penerangan dan penjelasan bab satu ini dapat membantu pengkaji menjalankan kajian ini dengan baik dan teratur.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Kajian literatur adalah salah satu aspek yang penting dalam sebuah kajian penyelidikan bagi meneliti pernyataan masalah sebuah kajian yang dijalankan. Hal ini kerana, menerusi kajian literatur ini sebuah kajian yang dilaksanakan akan lebih teratur dan sistematik dalam menyelesaikan permasalahan kajian yang akan dikaji. Melalui konteks ini, pengkaji mencari dan meneliti kajian-kajian lepas yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian yang akan dikaji oleh pengkaji. Menerusi penilaian kajian lepas dari orang lain ini, pengkaji mampu menjadikan kajian itu sebagai rujukan bagi menghasilkan kajian penyelidikan yang lebih baik. Kajian literatur merupakan sebuah cara untuk mengenali, mentafsir dan menilai hasil penyelidikan kajian lepas bagi penelitian yang jelas dan sistematik bagi sebuah kajian yang hendak dijalankan. Hal ini juga akan membantu pengkaji agar lebih cerdik dalam menangani permasalahan kajian yang akan dikaji. Rentetan itu, setiap penelitian yang dilakukan perlu dicatat dengan teratur dan sistematik bagi memudahkan pengkaji merujuk apabila memerlukan kemudian. Kajian-kajian lepas yang akan dikaji oleh pengkaji adalah berkaitan dengan cerita rakyat dari suku kaum Kadazandusun di Sabah dalam pelbagai bahasa seperti Dusun, Rungus dan sebagainya. Kajian lepas ini juga akan dijalankan menerusi penilaian pendekatan Moral menerusi teori Pengkaedahan Melayu. Melalui penelitian kajian lepas ini, pengkaji akan mengambil kajian sama

ada dari dalam negara atau luar negara. Secara keseluruhannya, setelah pengkaji telah membuat banyak penilaian menerusi kajian lepas dari orang lain, pengkaji mendapati terdapat beberapa kajian yang hampir sama dengan kajian pengkaji sebelum ini.

## **2.2 Pengkajian Berkaitan Karya-Karya Minah Sintian**

Pengkaji telah membuat beberapa sorotan kajian lepas, pertama ialah kajian Minah Sintian & Norazimah Zakaria pada tahun 2016, yang bertajuk *Unsur Pemikiran Kreatif Masyarakat Melayu Tradisi Melalui Teks Sastera Tulisan dan Lisan Terpilih*. Terdapat dua objektif kajian ini dijalankan iaitu mengenal pasti unsur-unsur pemikiran kreatif yang terdapat dalam pantang larang, peribahasa dan sejarah Melayu serta menghuraikan peranan unsur-unsur pemikiran kreatif dalam pembinaan jati diri pelajar. Dalam konteks ini, pengkaji menggunakan tiga kaedah teknik pemikiran kreatif antaranya ialah analogi alam, analogi peribadi dan teknik yang terakhir ialah analogi fantasi. Misalnya, penggunaan analogi fantasi ini dapat dilihat menerusi kreativiti orang Melayu dalam teks Sejarah Melayu. Melalui dapatan kajian yang dijalankan oleh penulis ini, pengkaji mendapati bahawa setiap orang Melayu telah diajarkan agar sentiasa menjauhkan diri daripada melakukan perlakuan yang salah di sisi undang-undang Islam. Hal ini kerana, dalam perkembangan dunia terutamanya pergaulan sosial yang bebas menyebabkan penganut Islam terutamanya remaja mudah terpengaruh dengan perlakuan yang bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Antara perbezaan kajian ini dengan kajian pengkaji ialah dari segi penggunaan kaedah dalam menganalisis dapatan kajian ini.

Kajian pengkaji lepas ini menggunakan kaedah teknik analogi manakala kajian pengkaji menggunakan pendekatan Moral menerusi teori Pengkaedahan Melayu bagi menganalisis kajian yang dilakukan.

Minah Sintian pada tahun 2016, membuat kajian yang bertajuk *Penggunaan Tatabahasa Kadazandusun dalam Kalangan Guru Bahasa Kadazandusun*. Objektif kajian ini ialah mengkaji penggunaan bahasa Kadazandusun dalam kalangan pelajar sekolah menengah di negeri Sabah. Objektif lain kajian ini ialah mengenal pasti penggunaan tatabahasa Kadazandusun dari segi penggunaan kata nama, kata kerja, kata tugas, kata majmuk dan kata ganda nama dalam kalangan golongan guru Bahasa Kadazandusun. Dalam konteks ini, kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu kaedah soal selidiki yang melibatkan 70 orang responden yang mengajar di sekolah yang dipilih. Responden ini melibatkan guru-guru yang mengajar subjek Kadazandusun di sekolah menengah yang dipilih untuk menjalankan kajian ini. Menerusi penelitian dapatan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa guru-guru dilihat agak keliru dengan penggunaan Kadazandusun ini. Hal ini kerana, guru-guru yang mengajar subjek bahasa Kadazandusun ini masih kurang menguasai sepenuhnya tentang penggunaan kata kerja sebagai penanda fokus dan juga kata kerja sebagai penanda masa. Oleh itu, penggunaan tatabahasa ini sangat penting dalam membantu guru menyampaikan pengajaran dengan baik, menarik, berkesandan bermakna. Selain itu, terdapat perbezaan kajian ini dengan kajian pengkaji iaitu dari segi menggunakan kaedah metodologi dalam mengkaji kajian. Kajian pengkaji lepas ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan soal selidik kepada 70 orang manakala, kaedah yang digunakan kajian pengkaji adalah kaedah kualitatif menerusi kajian kepustakaan dan kajian kaedah tekstual.

Selain itu, Minah binti Sintian pada tahun 2017 juga telah menulis sebuah kajian yang bertajuk *Variasi Leksikal dalam Dialek Keluarga Dusun di Sabah*. Kajian ini dijalankan bagi tujuan perbandingan kata serumpun antara dialek Bunduliwan dengan dialek lain keluarga Dusun, serta pemeriksaan sifat leksikal yang membezakan dialek keluarga Dusun. Objektif lain kajian ini ialah merumuskan kekerabatan bahasa antara dialek dalam keluarga Dusun. Kajian ini dijalankan menerusi metodologi kualitatif iaitu data dikutip menerusi kaedah kepustakaan dan kerja lapangan terutamanya menerusi analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Kajian ini juga menggunakan pendekatan Sociolinguistik dengan bersandarkan teori Leksikostatistik bagi memenuhi objektif kajian ini. Melalui kajian ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat kata kognat dan bukan kognat antara dialek Bunduliwan dengan dialek-dialek lain. Hal ini kerana, terdapat pelbagai dialek yang digunakan di Sabah yang menyebabkan negeri Sabah ini sangat unik. Perbezaan antara kajian ini dengan kajian pengkaji ini dapat dilihat menerusi penggunaan pendekatan, hal ini kerana kajian pengkaji menggunakan pendekatan Moral manakala kajian pengkaji lepas ini menggunakan pendekatan Sociolinguistik sebagai kaedah menganalisis kajian.

Kajian Cyrene Riman Junis & Minah Sintian pada tahun 2019, bertajuk *Unsur Jenaka dalam Pengajaran Bahasa Kadazandusun: Satu Pengenalan*. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan strategi jenaka yang munasabah dalam pengajaran di kelas bagi mencerikan kelas. Hal ini juga mampu membantu mengurangkan tekanan para pelajar semasa dalam kelas. Terdapat tiga objektif dalam kajian ini, antaranya ialah melihat peranan amalan jenaka antara guru dan pelajar semasa dalam kelas serta pandangan pelajar dalam pengamalan jenaka



semasa mengajar dalam kelas. Seterusnya, kajian ini dijalankan menerusi kaedah kuantitatif menerusi borang soal selidik seramai 30 responden. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa jenis - jenis jenaka dalam pembelajaran Bahasa Kadazandusun iaitu cerita lucu, pantun jenaka, komen lucu, kaedah penceritaan yang dramatik, sindiran dan penggunaan bahan kartun dan karikatur. Oleh itu, kajian ini dapat disimpulkan bahawa penggunaan jenaka dalam kelas ini mampu mewujudkan keseronokan dalam kelas. Menerusi pengamatan pengkaji dalam kajian pengkaji lepas ini, pengkaji mendapati bahawa kajian ini menggunakan metodologi kajian menerusi kaedah kuantitatif dengan mengedarkan sebanyak 30 soal selidik kepada pelajar yang berkenaan manakala kajian pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif menerusi kajian sumber Internet dan kepustakaan.

Sementara itu, Minah Sintian & Saripah Banseng pada tahun 2016, telah menjalankan sebuah kajian yang bertajuk *Pelestarian Alam Sekitar dari Perspektif Tempatan Masyarakat Kadazandusun di Kawasan Banjaran Gunung Kinabalu*. Kajian ini dijalankan bagi tujuan untuk membantu melindungi alam sekitar serta mempelajari tentang pandangan tempatan melalui adat resam dan kepercayaan orang Kadazandusun yang tinggal di sekitar banjaran gunung Kinabalu. Selain itu, pengkaji mendapati bahawa kajian ini dijalankan dengan menggunakan metode kaedah kualitatif melalui kajian lapangan dan kepustakaan bagi mendapatkan dan mengumpulkan data. Dalam konteks ini, kajian lapangan ini dijalankan di dua buah kampung dengan menggunakan temu bual bagi mendapatkan data dan maklumat yang lebih sahih dan tepat. Menerusi kajian lepas ini, pengkaji mendapati bahawa masyarakat Kadazandusun ini mengamalkan amalan dan kepercayaan dalam



pelestarian alam sekitar. Rentetan itu, kaum Kadazandusun ini mengadakan upacara *Gawai*, *pobobor do boros* (mempunyai kaitan dengan mantera). Upacara *Gawoi* ini diadakan bagi membersihkan kawasan yang hendak dibangunkan untuk bercucuk tanam. Setelah siap menjalankan upacara *Gawoi* ini, *Bobolian* akan meminta *Kinorohingan* (Tuhan yang Esa) memberikan mimpi kepada keluarga pemilik tanah bagi tujuan untuk meramal bencana yang akan dihadapi oleh pemilik tanah sepanjang menjalankan pertanian. Oleh itu menerusi keseluruhan kajian ini, kajian ini didapati mempunyai perbezaan dengan kajian pengkaji. Salah satunya dari segi skop kajian ini iaitu etnik Kadazandusun, hal ini kerana kajian pengkaji lepas ini mengkaji amalan etnik Kadazandusun di Sabah manakala kajian pengkaji mengkaji berkaitan dengan cerita rakyat etnik Kadazandusun.

### **2.3 Pengkajian Berkaitan Cerita Rakyat**

Pengkaji juga membuat sorotan kajian lepas yang berkaitan dengan cerita rakyat iaitu kajian Ezra Alfandy M Duin pada tahun 2013, dengan tajuk kajiannya *Cerita Rakyat Dusun Yanak-Anak OmI Kogiu dalam Stail Broadway*. Kajian bertujuan untuk menganalisis muzikal teater dalam cerita rakyat Dusun iaitu “*Yanak - Anak Om I Kogiu*”. Dalam konteks ini, pemilihan cerita rakyat Dusun sebagai satu usaha bagi mengangkat cerita rakyat Dusun ke peringkat yang seterusnya agar generasi sekarang terdedah dengan cerita rakyat yang semakin dilupakan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui kepustakaan serta kajian lapangan seperti mengadakan temu bual kepada orang yang tertentu yang pakar dalam cerita rakyat. Menerusi dapatan kajian ini, pemilihan komposer dari negara

Amerika pada era kegemilangan muzik teater yang dikenali sebagai “*Golden Age of Musicals*” terhasil sekitar abad perkembangan muzik *Broadway* dalam penyampaian cerita rakyat ini menyedarkan generasi kini tentang kepentingan cerita rakyat yang ada dunia ini tidak kira dari kaum yang berlainan. Kajian ini mempunyai perbezaan dari segi genre dalam Cerita rakyat atau *tangon-tangon* Kadazandusun yang hendak dikaji. Hal ini kerana, kajian pengkaji lepas ini mengkaji genre muzik menerusi cerita rakyat Kadazandusun manakala kajian pengkaji mengkaji nilai pendidikan yang boleh diteladani oleh masyarakat dalam cerita rakyat.

Di samping itu, Norazimah Zakaria & Rusniyati Mahiyaddin pada tahun 2016 telah menghasilkan sebuah penyelidikan yang bertajuk *Cerita Rakyat Mitos dalam Dua Dunia*. Tujuan kajian ini mengenal pasti universal iaitu persamaan dan perbezaan dalam mitos yang berlainan budaya menerusi cerita rakyat ini. Kajian ini juga menggunakan metodologi kajian iaitu kaedah kepustakaan dan dan juga menggunakan bahan-bahan rujukan sebagai sumber data bagi melaksanakan kajian ini. Kajian ini juga dijalankan berdasarkan teori Sosiologi bagi menganalisis mitos dalam cerita dua dunia. Dapatan kajian ini mengatakan bahawa dengan adanya kajian seperti ini orang ramai akan mengenal pasti antara persamaan dan perbezaan unsur mitos yang terdapat dalam cerita rakyat misalnya cerita dua dunia walaupun terdapat pelbagai budaya. Menerusi sorotan kajian lepas ini, pengkaji telah mendapati bahawa terdapat perbezaan antara kajianpengkaji lepas ini dengan kajian pengkaji iaitu jenis cerita dari kaum berlainan, hal ini menunjukkan bahawa kajian ini menggunakan cerita rakyat dari kaum Melayu manakala kajian pengkaji ini menggunakan cerita rakyat dari kaum Kadazandusun.

Salah satu kajian lepas yang bertajuk *World-View dan Sistem Politik Masyarakat Melayu:Penelitian Terhadap Cerita Rakyat Melayu* yang dikaji oleh pengkaji adalah kajian oleh Roslina Abu Bakar dan Arba'ie Sujud pada tahun 2013. Kajian ini dijalankan bagi memenuhi objektif kajian ini iaitu mengenal pasti dan juga membincangkan tentang *Worldview* serta sistem politik melalui cerita rakyat negeri Johor. Dalam konteks ini, kajian juga turut mengkaji tradisi masyarakat Melayu menerusi cerita rakyat serta hanya memfokuskan kepada pihak pemerintah seperti Raja. Kajian ini juga dikaji menerusi kaedah kualitatif menggunakan cara kepustakaan dan juga analisis teks untuk mendapatkan maklumat yang sahih dan tepat. Kajian ini juga menggunakan teori Sosiologi. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan gaya penyampaian cerita rakyat dalam sebuah komuniti menerusi hierarki sosial dengan mengikuti kedudukan yang tertinggi dalam sebuah pemerintahan. Pengkaji juga mendapati bahawa kajian iniberbeza dengan kajian pengkaji menerusi penggunaan teori dalam menganalisis dapatan kajian. Kajian pengkaji lepas ini menggunakan teori Sosiologi manakala kajian pengkaji menggunakan teori Pengkaedahan Melayu sebagai kaedah kajian pengkaji.

Kajian Shaiful Bahri Md Radzi pada tahun 2015, yang bertajuk *Si Tanggang Moden dan Perubahan Makna dalam Cerita Bermotifkan Anak Derhaka*. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti dan mengkaji perubahan makna dalam cerita rakyat yang memiliki sifat anak derhaka. Kajian ini dijalankan melalui kaedah kuantitatif iaitu menerusi borang soal selidik bagi mendapatkan data yang tepat dan sahih. Dalam konteks ini, terdapat 30 helai borang soal selidik telah diedarkan untuk mendapatkan data dan maklumat berkaitan dengan tajuk ini. Hal ini dilakukan bagi menelitiperspektif orang Melayu terhadap cerita rakyat yang bertajuk *Si Tanggang*

serta mengkaji isu polemik yang telah ada dalam cerita rakyat. Dapatkan kajian ini juga menunjukkan bahawa ibu bapa dalam masyarakat Melayu menerapkan gaya pembelajaran yang baik agar anak-anak menjaga kelakuan dengan orang yang lebih tua. Pengkaji juga mendapati bahawa kajian pengkaji lepas ini mempunyai perbezaan dengan kajian pengkaji, hal ini kerana kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif manakala kajian pengkaji menggunakan kaedah kualitatif sebagai kaedah menganalisis kajian yang dijalankan.

Selain itu, pengkaji juga membuat sorotan kajian lepas menerusi kajian Mohd Firdaus CheYaacob, *et al.* pada tahun 2017, yang bertajuk *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu*. Kajian tersebut dihasilkan bagi tujuan mengenal pasti serta menganalisis nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat masyarakat Melayu. Kaedah yang diterapkan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif menerusi kajian kepustakaan bagi mendapatkan data dan sumber yang sahih dan tepat untuk dijadikan rujukan. Kajian ini juga dijalankan menerusi teori Pengkaedahan Melayu sebagai landasan dalam menilai nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat. Dapatan kajian ini juga menemui bahawa terdapat nilai-nilai moral yang telah diamalkan oleh masyarakat Melayu terdahulu melalui cerita-cerita rakyat yang telah dipilih. Selain itu, terdapat perbezaan antara kajian ini dengan kajian pengkaji iaitu dari segi penggunaan teori dalam kajian pengkaji lepas ini. Kajian pengkaji menggunakan pendekatan Moral dalam menganalisis kajian, manakala kajian pengkaji lepas ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu dengan pendekatan Gunaan.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Siti Nurul Suhadah pada tahun 2020, telah membuat satu kajian yang bertajuk *Akal Budi dalam Cerita Rakyat Penduduk*

*Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan.* Kajian tersebut dijalankan bagi tujuan mengkaji akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan. Dalam konteks ini, kajian telah menggunakan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan Masyarakat sebagai deduktif kajian. Kajian ini turut menggunakan kaedah kualitatif menerusi kajian lapangan dan kepustakaan bagi mendapatkan maklumat yang sahih dan tepat. Melalui hasil dapatan yang terdapat pada kajian ini, pengkaji mendapati bahawa dalam naratif lisan terkandung elemen akal budi seperti beranikerana benar, rasional dan daya usaha yang menjadi medium keperibadian masyarakat setempat sehingga kini. Melalui penelitian kajian ini, terdapat perbezaan kajian ini dengan kajian pengkaji dari segi pengkajian cerita rakyat dari etnik yang berbeza. Hal ini kerana, kajian pengkaji lepas ini mengkaji cerita rakyat dari kaum Melayu dan kajian pengkaji dari kaum Kadazandusun di Sabah.

Kajian yang dihasilkan oleh Shaiful Bahri Mohd Radzi & Jacqueline Karimon pada tahun 2021, iaitu *Merungkai Rahsia Mistik Kehidupan Etnik Murut Paluan dalam Mitos Tumbuhan.* Objektif kajian ini ialah menganalisis cerita rakyat menerusi mitos tumbuhan Pokok Paluon yang dibuat oleh Aki Kinapuno. Kajian ini dihasilkan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu cara analisis kajian menerusi jurnal *International Journal of the Malay World and Civilisation* bagi mendapatkan data yang sahih. Kajian ini juga menemu bual seorang pakar tentang berkaitan dengan kajian ini. Menerusi hasil kajian ini, pengkaji menyimpulkan bahawa Aki mempunyai kemampuan yang luar biasa dan sanggup mengorbankan penghuni langit lain bagi memujuk semangat tumbuhan *sucu* yang telah menghilangkan diri agar kembali agar kelangsungan hidup manusia tetap berjalan

seperti biasa. Antara perbezaan kajian ini dengan kajian pengkaji dapat dilihat menerusi cerita rakyat dari pelbagai bangsa. Hal ini kerana, kajian pengkaji lepas ini menggunakan cerita rakyat dari bangsa murut di Sabah, manakala kajian pengkaji mengkaji ceritarakyat Kadazandusun di Sabah.

Kajian Nor Muhammad Shahir pada tahun 2022, yang bertajuk Unsur Mitos dalam teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan juga telah dikaji oleh pengkaji untuk dijadikan rujukan kajian ini. Tujuan kajian ini dilakukan bagi memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan kepujian di Universiti Malaysia Kelantan. Objektif kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti unsur mitos dan menganalisis unsur mitos yang terdapat dalam cerita rakyat teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Kajian ini dijalankan menerusi kaedah kualitatif menerusi kepustakaan dan rujukan teks. Kajian juga menggunakan teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Firasat. Dalam konteks ini, dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa hampir semua cerita rakyat Melayu mempunyai mitos. Hal ini kerana, mitos ini sangat menarik bagi dijadikan hiburan malahan mampu menjadi medium pendidikan kepada masyarakat. Pengkaji juga mendapati bahawa kajian ini berbeza dengan kajian pengkaji dari segi penggunaan teori. Kajian pengkaji lepas ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu manakala kajian pengkaji menggunakan pendekatan Moral untuk menganalisis kajian ini.

Seterusnya, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim pada tahun 2014, telah menjalankan sebuah kajian bertajuk *Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni*. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji nilai-nilai murni yang menjadi landasan Kanak-kanak dalam membentuk



moral dalam kehidupannya. Justeru itu, kajian ini juga dijalankan menerusi kaedah kualitatif dengan cara analisis teks buku yang bertajuk Buku *Koleksi Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* sebagai satu medium pembinaan moral dalam masyarakat. Kajian ini juga turut menggunakan teori Pengkaedahan Melayu sebagai sandaran utama dalam bagi menganalisis nilai murni dalam cerita rakyat yang telah dipilih. Dalam konteks ini, dapatan kajian mendapati bahawa nilai murni dalam cerita rakyat ini mampu membina jati diri dalam diri kanak-kanak dari kecil lagi dengan baik dan mampu memimpin negara pada masa akan datang. Kajian juga menunjukkan perbezaan dari segi penggunaan buku, hal ini kerana pengkaji menggunakan teks Tinimungan Tangon Kadazandusun (Himpunan Cerita Kadazandusun) manakala kajian pengkaji lepas ini menggunakan teks Himpunan 366 Cerita Rakyat.

Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Nor Muhammad & Sharifudin Yusop pada tahun 2015, telah memurnikan sebuah kajian yang bertajuk *Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu*. Objektif kajian ini adalah untuk menilai jati diri dalam cerita rakyat yang dipilih dalam kajian. Bukan itu sahaja, kajian ini juga bertujuan mengangkat semula nilai-nilai dalam cerita rakyat. Kaedah yang digunakan semasa menjalankan kajian ini adalah kaedah kualitatif menerusi kepustakaan dan juga temu bual bagi mendapatkan data dan maklumat yang sahih dan tepat. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori Ekologi Budaya melalui adaptasi alam untuk memperkemaskan analisis kajian ini. Kajian ini juga membuktikan bahawa terdapat cerita rakyat yang mampu membina semangat jati diri dalam kalangan masyarakat sehingga hari ini. Melalui penelitian kajian ini, pengkaji mendapati teori

yang digunakan dalam kajian pengkaji lepas ini adalah berbeza dengan kajian pengkaji. Perbezaan kajian pengkaji lepas ini dengan kajian pengkaji dapat dilihat menerusi penggunaan teori yang digunakan dalam menganalisis data. Kajian pengkaji lepas ini menggunakan teori Ekologi manakala pengkaji menggunakan pendekatan Moral bagi menganalisis dapatan kajian.

#### **2.4 Pengkajian Berkaitan Teori Pengkaedahan Melayu**

Kajian oleh Mastura Binti Othman pada tahun 2021 yang bertajuk *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Novel Srengenge Karya Shahnon Ahmad: Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Objektif kajian ini dijalankan bagi mengkaji nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel *Srengenge* menerusi teori Pengkaedahan Melayu. Kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ini ialah kaedah kajian kualitatif seperti kajian kepustakaan dan sumber Internet. Kajian ini juga menggunakan teori Pengkaedahan Melayu untuk menganalisis data yang diperoleh. Hasil daripada kajian ini membuktikan bahawa novel ini mempunyai nilai-nilai kemanusiaan yang memberikan pengajaran kepada masyarakat agar sentiasa menjaga adab dalam kehidupan harian. Kajian ini lepas ini juga mempunyai perbezaan dengan kajian pengkaji, antaranya adalah dari segi pendekatan yang digunakan dalam menganalisis kajian. Hal ini kerana, kajian pengkaji lepas ini menggunakan pendekatan firasat manakala kajian pengkaji menggunakan pendekatan Moral dalam kajian pengkaji.

Nur Hanis Binti Mohd Ramlee juga telah menyediakan sebuah kajian pada tahun 2022, yang bertajuk *Unsur Patriotisme dalam novel Leftenan Adnan Wira*



*Bangsa: Satu Kajian Berdasarkan Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu.*

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji unsur patriotisme yang terkandung novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*. Objektif lain kajian ini adalah menganalisis kepentingan unsur patriotisme kepada masyarakat. Kajian ini turut menggunakan kaedah kualitatif melalui kaedah kepustakaan, analisis teks dan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan Moral sama seperti kajian pengkaji. Kajian juga menunjukkan bahawa terdapat unsur patriotisme dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* yang dapat menyedarkan masyarakat untuk terus mengekalkan kedamaian dan keamanan negara. Bagi perbezaan kajian pengkaji ini dengan kajian pengkaji ialah dari segi pemilihan genre teks. Kajian pengkaji lepas telah menggunakan teks genre patriotisme manakala, pengkaji telah menggunakan teks yang bergenre asal-usul dan juga cerita mitos namun begitu kedua-dua kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu dengan memilih pendekatan Moral untuk menganalisis data yang diperolehi.

Pengkaji juga telah membuat sorotan kajian lepas yang disediakan oleh Jumali HJ. Selamat pada tahun 2009. Kajian beliau bertajuk *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Menjaras Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah*. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji kehidupan masyarakat terutamanya remaja dalam lingkungan sosialnya dan juga ketakwaan mereka kepada Allah. Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji lepas ini dalam mengumpulkan data kajian ialah kaedah kualitatif menerusi analisis teks *Menjaras Ribut*. Kajian ini juga menggunakan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan Dakwah, teori ini digunakan kerana ianya bersesuaian dengan tajuk pengkaji lepas ini. Melalui dapatan kajian ini, maka terbuktilah bahawa novel mampu memberi teladan yang

baik kepada masyarakat terutamanya remaja untuk terus taat kepada Agama Islam. Selain itu, kajian pengkaji lepas ini juga mempunyai perbezaan dengan kajian pengkaji. Antara perbezaan ialah kajian pengkaji menggunakan pendekatan Moral dalam menilai nilai pendidikan dalam *tangon-tangon* Kadazandusun manakala kajian pengkaji lepas ini menggunakan pendekatan dakwah dalam menganalisis novel *Menjaras Ribut*.

Sebuah kajian yang dihasilkan oleh Nadia Ishak dan Kamariah Kamarudin pada 2019 yang bertajuk *Aspek Dakwah dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini bertujuan untuk memanfaatkan pendekatan dakwah bagi karya agama serta membincangkan kesusasteraan Islam. Objektif lain kajian ini adalah untuk menganalisis peranan dakwah dalam kehidupan seorang Muslim dan mempromosikan nilai-nilai Islam melalui sastera. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan dakwah, khususnya pendekatan keagamaan dalam teori Pengkaedahan Melayu seperti yang dikemukakan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Hasil kajian membuktikan bahawa dakwah berupaya menimbulkan daya tarikan kepada masyarakat lain terhadap agama Islam dan menjadi alat untuk pengembangan agama Islam. Kajian lepas ini juga mempunyai perbezaan dengan kajian pengkaji dari segi aspek yang akan dikaji dalam sebuah kajian namun masih menggunakan teori yang sama. Kajian pengkaji lepas ini menganalisis nilai agama dalam novel yang dipilih manakala kajian pengkaji mengkaji nilai pendidikan dalam cerita rakyat Kadazandusun.

Florina Jumil & Norjietta Julita pada tahun 2017, telah membuat sebuah kajian yang bertajuk *Nilai Murni dalam Tangon-tangon Masyarakat Etnik*

*Kadazandusun*. Kajian ini dijalankan bagi tujuan mengkaji nilai-nilai moral dalam cerita rakyat kaum Kadazandusun. Kajian ini dijalankan menerusi pendekatan Moral. Dalam penggunaan pendekatan Moral, terdapat beberapa konsep yang terlibat apabila membuat sebuah penelitian karya dari segi tema, pemikiran dan falsafah. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah kualitatif iaitu menerusi kepustakaan untuk mendapatkan maklumat yang sahih. Secara ringkasnya, dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa watak dan perwatakan yang terdapat dalam cerita rakyat atau *tangon-tangon* Kadazandusun ini mampu membentuk jadi diri masyarakat ke arah yang lebih baik. Hal ini kerana, terdapat pelbagai nilai murni dan nilai pendidikan dalam cerita rakyat Kadazan Dusun yang boleh dijadikan teladan. Terdapat persamaan kajian ini dengan kajian pengkaji iaitu dari segi pendekatan yang digunakan iaitu pendekatan Moral, namun skop kajian yang berbeza. Hal ini kerana kajian pengkaji mengkaji nilai pendidikan manakala kajian ini mengkaji nilai-nilai murni yang terdapat dalam *tangon-tangon* Kadazandusun.

Kajian lepas yang dilakukan oleh Dingding Haerudin pada tahun 2016, yang bertajuk *Mengkaji Nilai-Nilai Moral Melalui Karya Sastera*. Kajian ini dijalankan dengan tujuan bagi mengkaji nilai-nilai moral yang terdapat dalam karya sastera. Dalam konteks ini, kajian ini mengenal pasti nilai-nilai moral yang ada pada cerita rakyat bertajuk *Kemelut Hidup*. Kajian juga menggunakan kaedah kualitatif dengan cara menganalisis data menerusi teks *Kemelut Hidup*. Kaedah ini digunakan bagi meneliti nilai-nilai moral dalam teks. Rentetan itu, kajian ini juga menggunakan pendekatan Moral dalam menganalisis kajian ini. Pendekatan Moral berperanan meningkatkan harkat dan martabat sebagai manusia yang berfikir, berbudaya dan

berketuhanan. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan nilai-nilai moral yang ada dalam karya sastera mampu melahirkan manusia yang mempunyai jati diri yang mantap. Perbezaan kajian ini dengan kajian pengkaji adalah dari segi pemilihan teks yang hendak dikaji. Hal ini kerana, kajian pengkaji lepas ini menggunakan teks *Kemelut Hidup* manakala kajian menggunakan *Tinimungan Tangon Kadazandusun (Himpunan Cerita Kadazandusun)* sebagai bahan kajian.

Sebuah kajian lepas yang bertajuk *Nilai Moral dalam Novel Merpati Biru Karya AchmadMunif: Kajian Sosiologi Sastera* oleh Warih Budiarti pada tahun 2010. Kajian ini membincangkan tentang gambaran masyarakat yang ada dalam novel *Merpati Biru*. Objektif lain kajian ini ialah untuk menjelaskan fungsi sastera pada novel *Merpati Biru*. Kaedah yang digunakan dalam melakukan kajian ini ialah kaedah kualitatif menerusi kajian kepustakaan dan juga analisis teks iaitu novel *Merpati Biru* serta kajian ini juga menggunakan pendekatan Moral dalam menjalankan kajian ini. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat nilai-nilai moral dalam novel dipilih yang mampu dijadikan teladan pada hari ini. Oleh itu, perbezaan kajian Warih Budiarti dengan kajian pengkaji ini boleh dilihat dari segi pemilihan jenis buku fiksi untuk analisis data. Hal ini kerana, kajian pengkaji lepas ini memilih novel untuk dijadikan analisis kajian manakala kajian pengkaji memilih cerita rakyat atau cerita dongeng untuk menganalisis data.

Prima Wuri Handayani pada tahun 2016, telah menulis sebuah kajian yang bertajuk *Dekonstruksi Moralitas Tokoh dalam Karya Sastera*. Tujuan kajian ini dikaji bagi mengenal pasti moral dan etika tokoh dalam penulisan karya sastera. Hal ini kerana, kebanyakan penulis karya ini tidak mengutamakan moral dan etika dalam menulis karya sehingga menyinggung sesetengah pihak. Kajian ini juga

mendapatkan data dan maklumat kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi memperolehi maklumat dan juga pengumpulan maklumat dengan cara kajian kepustakaan dan analisis teks sebagai rujukan. Penelitian ini juga menggunakan pendekatan Moral untuk mengkaji sastera yang terdapat dalam cerita rakyat. Pendekatan Moral ini juga menitikberatkan ajaran moral kepada orang ramai. Secara keseluruhannya, kajian pengkaji lepas ini telah merumuskan bahawa terdapat pengarang mahupun penulis tidak menitikberatkan tentang moral dan etika semasa menghasilkan karya sastera. Perbezaan kajian ini dengan kajian pengkaji boleh dilihat menerusi asal cerita rakyat. Hal ini kerana. Kajian pengkaji lepas ini mengkaji cerita rakyat dari negara sebarang iaitu Indonesia manakala, kajian pengkaji mengkaji cerita rakyat Kadazandusun dari negara Malaysia.

Sebuah kajian yang berkaitan dengan pendekatan Moral telah dilakukan oleh Mohamad Saleeh Rahamad pada tahun 2015 yang bertajuk *Analisis Pendekatan Moral dalam Karya Sastera*. Dalam konteks ini, kajian ini dilakukan bagi tujuan menganalisis keperluan pendekatan Moral kepada kajian mahupun masyarakat. Objektif lain kajian ini ialah mengkaji konsep awal pendekatan Moral. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan cara mengumpulkan data menerusi kepustakaan. Pengumpulan data ini dilakukan menerusi kepustakaan dan juga sumber Internet bagi mendapatkan maklumat yang banyak dan tepat. Kajian juga menyatakan bahawa pendekatan Moral ini dianggap pendekatan yang tertua muncul dalam dunia iaitu sejak zaman Greek lagi. Menerusi dapatan kajian ini, pendekatan Moral merupakan satu pendekatan kritikan sastera yang masih relevan walaupun terdapat teori-teori moden yang muncul dalam dunia kritikan sastera. Terdapat perbezaan kajian pengkaji lepas ini dengan kajian pengkaji, kajian pengkaji lepas ini

hanya mengkaji pendekatan Moral berbanding dengan kajian pengkaji yang mengaplikasikan pendekatan Moral dalam cerita rakyat yang dipilih.

Sebuah kajian lepas yang ditulis oleh Che Abdullah Che Ya pada tahun 2018, yang bertajuk *Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dalam Bedar Sukma Bisu*. Kajian ini dikaji bagi tujuan menilai faktor persekitaran seperti alam sekitar dan kepercayaan dalam mempengaruhi kehidupan harian watak dalam novel yang dipilih. Data kajian ini dikumpul berlandaskan kaedah kajian kualitatif serta analisis kandungan menerusi teks. Selain itu, kajian ini juga menggunakan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan Moral. Hasil penelitian kajian ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu berpegang teguh kepada ajaran Islam tetapi masih terikat dengan kepercayaan dan amalan masing-masing. Kajian ini turut mengesahkan bahawa pendekatan Moral ini dapat dijadikan sandaran untuk mengesahkan manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dalam karya sastera. Perbezaan yang terdapat dalam kajian pengkaji lepas ini dengan kajian pengkaji boleh dilihat menerusi penggunaan teori. Kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu manakala kajian pengkaji menggunakan pendekatan Moral untuk menganalisis kajian yang dilakukan.

Kajian yang dilakukan oleh Hera Aprilia, Nur Nisai Muslihah & Inda Puspita pada tahun 2022, dalam kajian yang bertajuk *Analisis Struktur Novel Ethile Karya Benny Arnas Melalui Pendekatan Moral*. Objektif kajian ini bertujuan untuk menganalisis struktur *Ethile* dalam karya Benny Arnas menerusi pendekatan Moral. Kajian ini dilakukan menerusi kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks. Teknik analisis data iaitu pemerolehan data, persembahan data, membuat kesimpulan dan pengesahan. Kajian ini juga menggunakan pendekatan



Moral dalam menganalisis dapatan data. Dapat disimpulkan bahawa novel *Ethile* karya Benny Arnas mempunyai semua bahagian struktur dari segi pendekatan Moral, berdasarkan analisis petikan yang paling dominan yang terdapat dalam aspek struktur watak dari segi hubungan antara manusia dengan Tuhan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara kajian pengkaji iaitu dari segi jenis teks yang dipilih. Kajian ini menggunakan teks novel *Ethile* Karya Benny Arnas, manakala kajian pengkaji menggunakan teks cerita rakyat iaitu *Tinimungan Tangon Kadazandusun* dalam memenuhi objektif kajian ini.

Seterusnya, Aprilina & Ida Wahyuliana pada tahun 2019 telah menyediakan sebuah kajian yang bertajuk *Pendekatan Moral Upaya Perlindungan Hak Anak dari Dampak Perkembangan Teknologi*. Tujuan kajian ini dijalankan bagi mengkaji kaedah yang berkesan untuk melindungi anak-anak daripada terkenal kesan negatif perkembangan teknologi. Kaedah kajian ini adalah kuantitatif iaitu menerusi soal selidik bagi mengumpulkan data dan maklumat yang tepat dan lengkap dari orang ramai berkenaan tajuk kajian. Justeru itu, kajian ini juga dijalankan berdasarkan pendekatan Moral bagi menganalisis dapatan kajian ini. Hasil daripada kajian ini, pengkaji menyimpulkan bahawa melindungi kepentingan kanak-kanak ialah hal yang sangat penting, kerana kanak-kanak adalah penerus generasi yang seterusnya dalam memimpin negara kearah yang aman dan damai. Perbezaan yang dapat dilihat menerusi kajian ini dari segi penggunaan metodologi, kajian pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan mengedarkan soal selidik bagi mengumpulkan data manakala kajian pengkaji lepas ini menggunakan kaedah kuantitatif menerusi kepustakaan dan analisis data.



Julia Santi, Rusmana Dewi & Agung Nugroho pada tahun 2022, dalam kajian lepas yang bertajuk *Kajian Psikologi Tokoh Utama Kumpulan Cerpen Bertarung Dalam Sarung Karya Alfian Dippahatang melalui pendekatan Moral*. Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan unsur psikologi watak utama iaitu *id*, *ego*, dan *superego* berdasarkan pendekatan Moral. Penyelidikan ini merupakan jenis kajian deskriptif kualitatif dengan kaedah analisis kandungan. Teks penelitian yang digunakan ialah teks cerpen *Bertarung dalam Sarung karya Alfian Dippahatang*. Teknik pengumpulan data yang digunakan ialah kaedah kepustakaan. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa aspek *superego* adalah aspek paling banyak yang terdapat dalam watak utama himpunan cerpen *Bergaduh dalam Sarung Alfian Dippahatang*. Kajian juga menunjukkan perbezaan antara kajian ini dengan kajian pengkaji dari segi penggunaan teks sastera yang digunakan. Kajian pengkaji lepas ini menggunakan cerpen *Bertarung Dalam Sarung Karya Alfian Dippahatang* manakala teks yang digunakan oleh pengkaji dalam kajiannya ialah *Tinimungan Tangon Kadazandusun*.

Kajian yang disediakan oleh Nasha Azreena Binti Mohd Jaihan pada tahun 2023 yang diberi tajuk *Nilai-Nilai Moral dan Pembentukan Akhlak dalam Gurindam Jiwa Penawar Duka karya Ami Masra: Pendekatan Moral*. Objektif kajian ini ialah mengkaji nilai moral serta pembinaan akhlak yang tinggi dalam *Gurindam Jiwa Penawar Duka karya Ami Maska*. Objektif lain kajian ini ialah menganalisis nilai-nilai moral dan pembentukan akhlak berlandaskan pendekatan Moral dalam gurindam yang dipilih. Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan yang telah dianalisis dengan teratur. Selain itu, kajian ini juga dianalisis menerusi pendekatan Moral

yang terdapat dalam gurindam yang dipilih. Melalui kajian ini, pengkaji mendapati gurindam *Jiwa Penawar Duka* ini mempunyai nilai-nilai moral antaranya ialah nilai menghormati, nilai kejujuran, nilai kerajinan dan sebagainya. Kajian ini menggunakan gurindam berbeza dengan kajian pengkaji yang hendak mengkaji berkaitan dengan cerita rakyat namun menggunakan pendekatan yang sama iaitu pendekatan Moral. Beza kajian dengan kajian pengkaji dapat dilihat melalui pengkajian nilai yang berbeza. Hal ini kerana, kajian pengkaji lepas ini mengkaji nilai-nilai moral dalam gurindam *Jiwa Penawar Duka* karya Ami Masra manakala, kajian pengkaji mengkaji nilai pendidikan dalam cerita rakyat atau *tangon-tangon* Kadazandusun.

Seterusnya, Syaidul Azam Kamarudin & Arbai' e Sujud pada tahun 2017, telah menghasilkan sebuah kajian yang bertajuk. Objektif utama kajian ini adalah meneliti identiti Melayu dalam kumpulan puisi A. Aziz Deraman menggunakan teori Pengkaedahan Melayu yang dikembangkan oleh Hashim Awang, berdasarkan pendekatan gunaan, firasat dan dakwah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan analisis teks untuk mengkaji identiti Melayu dalam kumpulan puisi A. Aziz Deraman iaitu *Suara Gunung Kehidupan dan Gelora Nurani*. Kajian ini mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang berdasarkan pendekatan gunaan, firasat dan dakwah. Dapat kajian ini juga mengatakan bahawa kumpulan puisi A. Aziz Deraman iaitu *Suara Gunung Kehidupan dan Gelora Nurani* mencerminkan identiti Melayu berdasarkan teori Pengkaedahan Melayu yang dikembangkan oleh Hashim Awang. Dalam konteks ini, kajian lepas ini juga mempunyai perbezaan dengan kajian pengkaji dari segi teks sastra Melayu yang digunakan. Kajian pengkaji lepas ini menggunakan teks

sastera iaitu puisi manakala pengkaji menggunakan cerita lisan yang disampaikan oleh masyarakat Kadazandusun di Sabah.

## **2.5 Pengkajian Berkaitan Budaya Kadazandusun**

Pengkaji juga telah membuat sorotan berkaitan dengan budaya Kadazandusun di Sabah, kajian yang disediakan oleh Sharifah Darmia Binti Sharif pada tahun 2020 yang bertajuk *Pengaruh Budaya dalam Keharmonian Etnik di Sabah*. Objektif kajian ini mengkaji tentang pengaruh budaya Kadazandusun dalam keharmonian etnik lain di Sabah. Kajian ini juga dijalankan menggunakan kaedah kajian kualitatif menerusi kaedah kepustakaan dan arkid bagi mendapatkan sumber maklumat yang sahih dan tepat. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat banyak perbezaan budaya, agama di Sabah, namun itu tidak menjadi penghalang bagi mewujudkan keharmonian masyarakat di Sabah. Hal ini kerana, masyarakat Sabah mempunyai sifat saling menghormati dan meraikan budaya yang mencerminkan keharmonian masyarakat yang pelbagai. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati ada perbezaan antara kajian pengkaji lepas ini dengan kajian pengkaji ialah dari segi genre kajian. Kajian pengkaji lepas ini mengkaji budaya Kadazandusun manakala, kajian pengkaji mengkaji nilai pendidikan dalam cerita rakyat atau *tangon-tangon* Kadazandusun di Sabah.

Satu kajian yang dijalankan oleh Minah Sintian pada tahun 2019, yang diberi tajuk *Amalan memotong Kepala dalam Masyarakat Tradisional Kadazandusun: Survival atau Budaya*. Kajian ini dilakukan bagi mengkaji kebenaran tentang amalan memotong kepala dalam masyarakat tradisional dan Kadazandusun.

Objektif lain kajian ini ialah bagi menganalisis serta ringkas berkaitan dengan mantera yang digunakan oleh orang pakar menjalankan upacara pemujaan kepala yang telah dikering sehingga menjadi tengkorak. Bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan sahih berkaitan dengan kajian ini, beliau menggunakan kaedah rujukan kepustakaan, Internet dan temu bual sebanyak dua responden sahaja. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa amalan ini telah diamalkan oleh masyarakat Kadazandusun sejak dahulu lagi. Amalan ini diamalkan oleh masyarakat di Sabah bagi tujuan memperjuangkan kehidupan ataupun survival. Namun begitu amalan ini kurang diamalkan pada masa kini kerana perubahan masa dan bagi keharmonian hidup manusia. Kajian lepas ini mempunyai perbezaan dengan kajian pengkaji dari segi kaedah kajian. Kajian pengkaji lepas menggunakan temu bual manakala kajian pengkaji menggunakan kajian kepustakaan dan sumber Internet untuk mencari maklumat berkaitan dengan tajuk kajian.

Kajian yang disediakan oleh Asmiaty Amat & Norsuhaila Sulaiman pada tahun 2019 iaitu *Analisis Kepercayaan Etnik Kadazandusun Sabah dalam Antologi Tangan*. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis unsur kepercayaan yang menjadi amalan etnik Kadazandusun dalam Anologi cerpen tangan. Kajian ini juga dianalisis menerusi aplikasi pendekatan Antropologi sastera, hal ini kerana pendekatan ini sesuai untuk mengkaji pengekalan jati diri etnik Kadazandusun di Sabah menerusi unsur kepercayaan masyarakat terhadap *bobolian* dalam masyarakat yang dikaji. Dapatan kajian menerusi analisis pendekatan Antropologi sastera menunjukkan bahawa pengarang di Sabah masih menerapkan dan mengekalkan unsur kepercayaan di Sabah sebagai satu identiti etnik Kadazandusun di Sabah. Pendekatan dalam kajian ini antara perbezaan yang ketara dengan kajian pengkaji. Hal ini kerana

kajian pengkaji lepas ini menggunakan pendekatan Antropologi manakala kajian pengkaji menggunakan pendekatan Moral untuk menganalisis kajian yang dijalankan.

Minah Sintian pada tahun 2016, telah membincang sebuah kajian berkaitan *budaya Kadazandusun menerusi Nilai-Nilai Kearifan Lokal dalam Cerita Rakyat Kadazandusun*. Tujuan kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti nilai-nilai kearifan dan lokal dan juga menganalisis fungsi cerita rakyat kepada masyarakat Kadazandusun. Kaedah yang digunakan semasa melakukan kajian ini adalah kaedah kajian kepustakaan dan analisis teks untuk mendapatkan maklumat. Teks yang digunakan dalam menganalisis nilai-nilai kearifan ini ialah teks *Tanong Om Susuzan do Kadazandusun* dalam buku *Tinimungan Tangon Kadazandusun* (Himpunan Cerita Kadazandusun). Oleh itu, kajian ini dapat disimpulkan bahawa nilai-nilai kearifan yang terkandung dalam cerita rakyat (*tangon-tangon*) mampu menjaga keharmonian kehidupan manusia dengan alam dengan baik. Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian pengkaji dari segi penggunaan teks iaitu *Himpunan Cerita Rakyat* namun berbeza dari segi jenis nilai yang dikaji. Hal ini kerana, kajian ini mengkaji nilai kearifan lokal dalam cerita rakyat Kadazandusun manakala kajian pengkaji mengkaji nilai pendidikan dalam cerita rakyat Kadazandusun.

Kajian yang dihasilkan oleh Halina Sendera Mohd Yakin pada tahun 2020, yang bertajuk *Impak Modernisasi dan Pengkomersilan Terhadap Keaslian Makanan Tradisi dan Identiti Budaya Etnik Kadazandusun di Sabah*. Objektif kajian ini dijalankan bagi mengkaji kesan modenisasi serta pengkomersialan terhadap makanan seperti tuhu dan bambangan. Selain itu, kajian ini juga

menggunakan kaedah kuantitatif iaitu mengedarkan borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat yang lengkap dan sahih. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa pengkomersilan dan modenisasi mampu memberi impak kepada keaslian makanan tradisi etnik Kadazandusun dan amalan pemakanan ini juga masih diamalkan oleh masyarakat etnik Kadazan dusun. Antara perbezaan kajian lepas ini dengan kajian pengkaji adalah dari segi penggunaan kaedah metodologi yang digunakan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu soal selidik bagi mendapatkan maklumat yang lengkap dan sahih manakala kajian pengkaji menggunakan kaedah kualitatif menerusi kajian kepustakaan dan sumber Internet.

Yunus Sauman Sabin, Adnan Jusoh, Muhammad Rermizi Hasni & Zuliskandar Ramli pada tahun 2018, telah menghasilkan sebuah kajian yang bertajuk *Penemuan Terkini Bukti Kebudayaan Megalitik dan Pengebumian Tempayan di Sabah*. Objektif kajian ini adalah untuk menunjukkan penemuan baharu megalitik di sebuah kawasan pegunungan yang di diami oleh masyarakat Kadazandusun yang dikenali sebagai Kampung Bundu Gulu di daerah Tuaran, Sabah. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan melakukan temu bual terhadap individu yang bertanggungjawab dalam menjaga kawasan tersebut. Pengkaji juga melakukan kaedah kajian lapangan untuk memperoleh data yang tepat dan sahih. Kajian ini mendapati bahawa lima lokasi yang terdapat batu megalit dan kubur tempayan yang berjaya ditemui. Perbezaan yang terdapat dalam kajian ini dengan kajian pengkaji ialah dari segi metodologi kajian. Hal ini kerana, kajian pengkaji lepas ini hanya menggunakan kaedah temu bual bagi mendapatkan data dan maklumat yang diperlukan manakala kajian pengkaji hanya menggunakan analisis tekstual untuk mendapatkan maklumat yang lengkap.



Kajian yang diketengahkan oleh Budi Anto Mohd Tampring pada tahun 2018, yang bertajuk *Mikorot dalam Konteks Kebudayaan Etnik Dusun di Sabah: Analisis dari Perspektif Hubungan Etnik*. Tujuan kajian ini dijalankan untuk menganalisis makna dan konsep mikorot dalam budaya etnik Dusun dan juga mengkaji cara ritual bagi pelaksanaan mikorot. Objektif lain kajian ini ialah untuk mengenal pasti implikasi mikorot dan kekangannya dalam masyarakat. Kaedah yang digunakan untuk mengkaji kajian ini ialah kaedah kualitatif seperti temu bual untuk mendapatkan maklumat dan analisis data. Selain itu, kaedah pemerhatian juga digunakan dalam kajian ini dengan cara membuat pemerhatian upacara ritual mikorot yang dilakukan di kawasan kajian ini dijalankan. Kajian ini membuktikan bahawa amalan mikorot salah satu penyebab keharmonian antara etnik Dusun dengan etnik lain di negeri Sabah. Kajian pengkaji lepas ini berbeza dengan kajian pengkaji, hal ini kerana kajian ini mengkaji budaya dalam Kadazandusun manakala kajian pengkaji mengkaji nilai pendidikan dalam cerita rakyat Kadazandusun.

Seterusnya, kajian daripada Ceroliza Matin pada tahun 2021, yang diberi tajuk *Kerelevanan Huguan Siou dalam Konteks Kesatuan Masyarakat Kadazandusun*. Objektif kajian ini dijalankan adalah mengkaji kerelevanan *Huguan Siou* dalam persatuan masyarakat Kadazandusun di Sabah. Kajian ini dijalankan menerusi kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian di kawasan kajian ini dijalankan. Kedua-dua kajian ini dijalankan bagi memastikan data dan maklumat yang diperolehi sahih dan tepat untuk dianalisis. Dalam menganalisis kajian ini, pendekatan yang digunakan ialah Disiplin Sejarah. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa Huguan Siou ataupun Pemimpin Agung ini mampu memupuk perpaduan dalam masyarakat Kadazandusun di Sabah.



Perbezaan kajian ini dengan kajian pengkaji dapat dilihat menerusi pendekatan yang digunakan dalam kajian. Kajian pengkaji lepas ini menggunakan pendekatan Disiplin Sejarah manakala kajian pengkaji menggunakan pendekatan Moral dalam menganalisis kajian ini.

Kajian yang telah dihasilkan oleh Jamail Masador, et al., pada tahun 2021, yang berjudul *Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang di Sabah*. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetengahkan unsur-unsur kepahlawanan yang terdapat dalam cerita rakyat suku Kimaragang di Sabah. Pendekatan yang digunakan untuk melengkapkan kajian ini adalah pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian lapangan serta temu bual. Data yang diperoleh akan dianalisis dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan Alamiah yang mengandungi unsur-unsur kepahlawanan yang terkandung dalam cerita rakyat iaitu keberanian menentang musuh, sanggup berkorban dan semangat perjuangan yang tinggi. Kajian ini mendapatibahawa nilai kepahlawanan amat penting dalam setiap individu. Hal ini dikatakan demikian kerana kehidupan masyarakat kini yang kucar kacir perlu untuk mengangkat martabat serta menjaga maruah diri. Kajian ini mempunyai perbezaan dengan kajian pengkaji dari segi penggunaan teori. Kajian pengkaji lepas ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan Alamiah manakala kajian pengkaji menggunakan pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan Moral dalam menganalisis kajian ini.

Kajian lepas yang dihasilkan oleh Noviatin Syarifuddin pada tahun 2016, yang bertajuk *Manifestasi Legenda Kepahlawanan Monsopiad Sebagai Identiti Etnik Kadazandusun: Citra dari Kacamata Peribumi Penampang, Sabah*. Kajian

dijalankan bagi tujuan untuk mengkaji dan menganalisis kefahaman isu mengenai Legenda Kepahlawanan *Monsopiad* sebagai elemen indentiti etnik Kadazandusun. Selain itu, tujuan lain kajian ini dijalankan bgai mengenal pasti fungsi legenda pada masa kini. Reka bentuk metodologi kajian ini dijalankan melalui kaedah kualitatif menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian di kawasan yang kajian yang ditentukan. Dalam konteks ini, kajian telah menemu bual lapan orang yang terpilih dalam kalangan etnik Kadazandusun untuk mendapat data dan maklumat berkaitan dengan kajian. Kajian dijalankan menggunakan teori Sosiologi bagi menguatkan lagi hujah pengkaji. Hasil kajian mendapati bahawa etnik Kadazandusun yang melalui fungsi penyesuaian identiti masih mengamalkan adat dan kepercayaan tradisi dalam beberapa elemen kehidupan. Perbezaan kajian ini dengan kajian pengkaji dapat dilihat melalui teori yang digunakan. Hal ini kerana, kajian pengkaji lepas ini menggunakan teori Sosiologi untuk menganalisis maklumat yang diperoleh manakala, kajian pengkaji ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu.

## **2.6 Kesimpulan**

Rumusannya, nilai pendidikan merupakan salah satu nilai yang penting dalam diri masyarakat terutamanya kanak-kanak yang sedang meningkat dewasa. Hal ini kerana pembentukan jati diri seseorang itu biarlah dari kecil bak kata pepatah “melentur buluh biarlah dari rebungunya”. Cerita rakyat ialah salah satu hiburan kanak-kanak dari kecil yang mempunyai nilai-nilai pendidikan sekaligus membentuk jati diri kanak-kanak. Nilai pendidikan bukan sahaja membentuk jati diri seseorang ia juga mampu mengangkat martabat individu dalam masyarakat

agama, bangsa dan juga negara.

Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa kajian berkaitan nilai pendidikan menerusi cerita rakyat atau *tangon-tangon* dalam Kadazandusun ini masih kurang dikaji oleh orang ramai terutamanya menggunakan pendekatan Moral menerusi teori Pengkaedahan Melayu, hal ini terbukti menerusi sorotan kajian lepas pengkaji dalam kajian literatur ini. Berdasarkan kajian literatur ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa cerita rakyat etnik Kadazandusun ini mengandungi banyak nilai pendidikan yang terdapat dalam watak-perwatakan *tangon-tangon* yang dipilih.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Bab tiga ini membincangkan mengenai penggunaan kaedah yang menjadi medium dalam menjalankan kajian pengkaji. Bahagian ini akan membincangkan tentang kaedah kajian dan teori yang digunakan untuk menganalisis nilai pendidikan dalam cerita rakyat ataupun *tangon-tangon* masyarakat Kadazandusun di Sabah. *Tangon-tangon* ini telah dihimpunkan oleh Minah Sintian dan Rosliah Kiting dalam sebuah teks yang bertajuk *Tinimungan Tangon Kadazandusun* (Himpunan Cerita Kadazandusun). Bahagian ini juga akan menerangkan kaedah bagaimana pengkaji dalam mencapai objektif dan tujuan utama kajian ini dijalankan melalui pendekatan yang dipilih oleh pengkaji. Selain itu, bahagian ini juga membantu pengkaji dalam mengenal pasti metodologi yang diguna pakai dalam kajian ini agar menerapkan pengkajian kajian yang lebih teratur dan sistematik. Kajian ini menjalankan beberapa kaedah dalam menganalisis kajian antaranya ialah pembacaan data dengan merujuk teks *Tinimungan Tangon Kadazandusun* (Himpunan Cerita Kadazandusun) dan juga Internet bagi mendapatkan maklumat dan data yang lebih tepat dan sahih. Selain itu, bahagian ini juga membincangkan pendekatan Moral menerusi teori Pengkaedahan Melayu.

### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Tujuan reka bentuk kajian ini dihasilkan adalah untuk menjelaskan hala tuju sebuah kajian agar dapat dilakukan menerusi landasan yang tepat serta tersusun mengikut piawaian yang betul. Kajian ini menggariskan tentang tata cara penyelidikan yang bersifat kualitatif yang merujuk terhadap kaedah kepustakaan, analisis teks dan sumber Internet. Sepanjang menjalankan kajian ini, reka bentuk kajian juga menunjukkan gambaran secara ringkas mengenai struktur dan kaedah yang digunakan ketika menjalankan kajian ini. Dalam konteks ini, struktur kajian ini akan tertumpu terhadap objektif kajian yang akan dicapai dan salah satu panduan untuk menganalisis nilai pendidikan dalam cerita rakyat dalam teks *Himpunan Cerita Rakyat Kadazandusun*. Bukan itu sahaja, struktur ini juga akan membantu hasil kajian ini mudah difahami serta penyampaian kajian jelas dan teliti. Menurut Kerlinger (1970), reka bentuk kajian ialah sebuah kaedah untuk menyusun data yang dikumpul berdasarkan perancangan yang sistematik dan teratur terhadap sebuah kajian untuk mencapai tujuan utama kajian yang dijalankan. Reka bentuk kajian ini bertujuan untuk mengetahui hala tuju kajian yang dijalankan supaya mengikut landasan yang tersusun dan tepat.

### **3.3 Kaedah Kajian**

Kajian yang dijalankan merupakan kajian mengenai nilai pendidikan dalam teks *Tinimungan Tangon Kadazandusun* dihimpun oleh Minah Sintian dan Roslian Kiting. Kajian ini dilakukan menerusi kaedah kualitatif. Teks ini mengandungi 23 cerita rakyat yang akan diteliti dan dianalisis yang berkaitan dengan nilai pendidikan

yang telah diketengahkan oleh penulis. Kajian ini terdiri daripada cerita binatang, mitos, asal-usul dan penglipur lara. Pembacaan teks ini akan dijalankan oleh pengkaji bertujuan bagi mengetahui inti pati serta data yang terdapat dalam teks. Menerusi pembacaan teks yang dilakukan, pengkaji akan mengenal pasti nilai pendidikan yang diketengahkan oleh penyampai cerita rakyat ini dan akan menganalisis nilai pendidikan yang diterapkan dalam cerita rakyat dalam teks yang digunakan. Bagi menguatkan lagi hujah berdasarkan kajian teks ini, pengkaji juga telah menjalankan kajian kepustakaan dan Internet. Semua cerita rakyat yang dipilih dalam buku *Tinimungan tangon Kadazandusun* oleh pengkaji untuk dijadikan analisis kajian ini akan memberikan fokus kepada nilai pendidikan yang wujud dalam watak-perwatakan dalam sebuah cerita. Kajian ini juga akan menggunakan pendekatan Moral sebagai asas nilai pendidikan yang wujud dalam cerita rakyat ini.

### **3.3.1 Sumber Internet**

Kaedah kualitatif yang pertama yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat yang lebih berkualiti dan sahih adalah menerusi sumber Internet. Sebelum menganalisis maklumat dan data yang diperolehi, pengkaji juga telah menapis dengan teliti sumber Internet yang dijadikan bahan rujukan kajian. Pengkaji juga telah merujuk pelbagai laman sesawang untuk dijadikan bahan rujukan berkaitan dengan kajian pengkaji, antara laman sesawang yang dikaji ialah *Google Scholar*, *Academia*, Dewan Bahasa dan Pustaka. Menerusi kajian ini, pengkaji memperoleh banyak maklumat dan hasil kajian lepas penyelidik terdahulu yang didapati melalui sesawang yang digunakan. Bukan itu sahaja, bagi mengelakkan data dan maklumat yang diperolehi tidak sahih dengan kajian, pengkaji telah mengambil langkah lebih

teliti bagi menjaga kesahihan dan ketepatan maklumat yang diperolehi dari sumber Internet.

### **3.3.2 Kaedah Kepustakaan**


Pengkaji telah menjalankan kajian ini melalui perpustakaan bagi mencari bahan yang berkaitan dengan kajian. Pengkaji telah membuat rujukan berkaitan dengan di Perpustakaan Kampus Bachok, Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Kaedah ini dijalankan menerusi meneliti secara terperinci terhadap dokumen yang mempunyai hubung kait dengan tajuk kajian pengkaji seperti jurnal, tesis, buku, artikel, majalah dan juga dokumen bertulis yang lain. Melalui semua dokumen yang diperolehi oleh pengkaji ini, data dan maklumat yang berkaitan akan dianalisis dan diteliti kesahihan sesebuah dokumen itu sebelum digunakan dalam kajian. Menurut Mohd Shaffie (1991), kaedah kepustakaan ialah satu kaedah yang digunakan oleh setiap penyelidik untuk mengkaji sebuah kajian dengan tujuan untuk memperoleh data dan bukti menerusi dokumen dan rekod- rekod kajian pengkaji lepas. Hal ini kerana, pengkaji akan memperoleh data berkaitan dengan nilai pendidikan dalam cerita rakyat dalam masyarakat Kadazandusun.

### **3.3.3 Kaedah Analisis Tekstual**

Bagi melakukan kajian ini, pengkaji telah memilih sebuah teks yang sesuai iaitu *Tinimungan tangon Kadazandusun* (Himpunan Cerita Rakyat Kadazandusun) sebagai bahan analisis data. Teks ini mempunyai 23 cerita rakyat yang terdiri daripada mitos, asal-usul dan penglipur lara yang yang dihimpunkan oleh Minah Sintian dengan Roslian Kiting pada tahun 2016. Menerusi teks ini, pengkaji hanya



mengambil 15 cerita untuk dijadikan analisis. Analisis teks ini juga perlu diberikan tumpuan yang baik supaya tidak melanggar etika semasa menjalankan penulisan kajian ini. Hal ini juga akan membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat bagi melengkapkan hujah dalam sebuah analisis data. Data dan maklumat yang diambil daripada cerita yang dipilih boleh disampaikan dalam bentuk tulisan, rajah, simbol dan gambar. Hal ini bagi memudahkan pengkaji untuk menganalisis teks yang digunakan.



Rajah 3.1: Kaedah analisis teks berdasarkan kajian kualitatif teks *Tinimungan Tangon Kadazandusun* (Himpunan Cerita Kadazandusun).

### 3.4 Teori Pengkaedahan Melayu

Bagi menjalankan sebuah kajian, pengkaji akan menggunakan satu teori dalam menganalisis sebuah kajian yang akan digunakan sepanjang menjalankan kajian. Teori ialah satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji mahupun penyelidik dalam menganalisis sebuah kajian yang dijalankan. Teori ini juga mampu mengukuhkan

lagi hujahan atau data yang diketengahkan oleh pengkaji untuk menganalisis kajian. Dalam konteks ini, teori ini bertujuan untuk menjelaskan semua perkara fakta yang berkaitan dengan tingkah laku atau fenomena semula jadi yang berlaku di sekeliling kita. Menurut Bacharach (1989), teori ini dapat dijelaskan sebagai sistem konstruk (konsep) dan proposisi (hubungan antara konstruk ini). Di bawah andaian dan syarat sempadan tertentu, konstruk dan proposisi ini akan memberikan penjelasan yang tepat, sistematik dan logik yang berkaitan dengan kejadian yang menarik. Oleh itu, penggunaan teori dalam sebuah kajian ini satu perkara yang penting dalam mengulas isi kajian beserta dengan permasalahan yang terdapat dalam sebuah kajian. Rentetan itu, kajian ini mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pengkaedahan alamiah iaitu pendekatan Moral untuk menyokong hujah pengkaji dalam menganalisis teks yang digunakan oleh pengkaji iaitu teks *Tinimungan tangon Kadazandusun* (Himpunan Cerita Rakyat Kadazandusun).

Hashim Awang merupakan pengasas kepada teori Pengkaedahan Melayu ini pada tahun 1989. Menurut Hashim Awang (2002), teori ini digelar sebagai “*grounded theory*” (teori berlandas) yang dibentuk oleh penyelidikan hasil daripada kajian berdasarkan kaedah kualitatif. Teori Pengkaedahan Melayu ini juga terdiri daripada kaedah yang akan menggunakan dasar prinsip berkaitan dengan teks sastera dan karya yang dihasilkan oleh penulis mahupun pengarang karya dalam kesusasteraan Melayu.

### 3.4.1 Sejarah Ringkas

Secara ringkasnya, sejarah kemunculan teori Pengkaedahan Melayu dalam bidang Kesusasteraan Melayu bermula apabila Hashim Awang telah mengemukakan dan membentangkan teori ini pada tahun 1989 dalam sebuah seminar yang bertempat di sebuah universiti iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia. Di samping itu, Hashim Awang telah memperkenalkan teori ini kerana sedar bahawa teori Barat ini tidak berapa sesuai untuk menganalisis karya Melayu. Pernyataan ini telah disokong oleh Sahlan Mohd Saman (1999), beliau mengatakan bahawa dalam sebuah kajian yang berkaitan dengan sastera Melayu memang wujud namun ia mempunyai kelemahan- kelemahan yang tertentu. Hal ini kerana, penggunaan teori barat ini tidak sepenuhnya asli, sesuai, sah dan kukuh disebabkan penggunaan semua teori yang digunakan merupakan hasil daripada ciptaan tokoh barat yang sememang tidak sesuai dengan budaya Melayu yang lebih mementingkan kepada pengkaedahan Melayu yang sah dan asli. Oleh itu bagi mengekalkan keperibadian sendiri mengenai teori-teori Melayu, penapisan dan pembatasan untuk teori ini harus diadakan bagi menjaga nilai-nilai masyarakat yang berbeza daripada Barat.

Selain itu, teori Pengkaedahan Melayu juga ditengahkan dalam kalangan masyarakat kerana atas dasar cara dan sikap hidup, kebudayaan dan kepercayaan setempat iaitu masyarakat Melayu yang melahirkan karya-karya Melayu yang bermutu. Bukan itu sahaja, berdasarkan keperibadian sifat masyarakat yang unik dan akrab dengan alam telah menyebabkan sesuatu kepekaan dan sensitiviti terhadap segala peristiwa dan fenomena di sekeliling mereka.

### **3.4.2 Pengaplikasian Pengkaedahan Melayu**

Bagi menganalisis hujah dalam teks ini, teori yang diaplikasikan oleh pengkaji ialah teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Menerusi teori yang digunakan oleh pengkaji ini, teori Pengkaedahan Melayu ini terdiri kepada dua pengkaedahan iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Setiap pengkaedahan ini dibahagikan kepada beberapa pendekatan yang tersendiri bagi menganalisis sebuah teks, misalnya pengkaedahan alamiah ini dipecahkan kepada tiga pendekatan yang dikenali sebagai pendekatan Moral, pendekatan gunaan dan pendekatan firasat. Manakala, pengkaedahan keagamaan boleh dibahagikan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan seni, masyarakat dan juga pendekatan dakwah. Sehubungan dengan itu, pengkaji menggunakan dan memilih pengkaedahan alamiah menerusi pendekatan Moral untuk menganalisis analisis data dalam kajian ini. Pengkaji memilih pendekatan Moral kerana ianya bersesuaian dengan isi kajian iaitu nilai pendidikan yang terdapat cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji.

#### **3.4.2.1 Pengkaedahan Alamiah**

Menurut Hashim Awang (1994), pengkaedahan alamiah ialah hasil karya sastera yang berasaskan pengalaman, peristiwa, dan pengalaman peribadi penulis. Penulis menghasilkan sebuah karya sastera dengan menulis idea daripada pengalaman sendiri bagi memberikan pengajaran kepada masyarakat agar menjalani kehidupan mereka dengan lebih baik dan memupuk jati diri yang tinggi. Selain itu,

pengkaedahan alamiah ini juga salah satu sebab alam semulajadi yang menyebabkan berlakunya latar kehidupan masyarakat Melayu bagi tujuan untuk memenuhi keperluan manusia dalam bentuk pengalaman, pengajaran, pekerjaan dan juga kebajikan. Hal ini dapat disimpulkan bahawa pengkaedahan alamiah adalah sebuah pengkaedahan yang berdasarkan sikap hidup masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai satu pelengkap dalam kehidupan mereka. Pengkaedahan alamiah ini terbahagi kepada tiga pendekatan iaitu, pendekatan gunaan dan juga pendekatan firasat.

### **1. Pendekatan Moral**

Kajian ini akan menggunakan satu pendekatan sahaja untuk menganalisis dapatan kajian ini iaitu pendekatan Moral. Hashim Awang (1994), telah mendefinisikan bahawa pendekatan Moral satu kejadian atau objek sama seperti pendekatan gunaan namun kejadian ini berlandaskan moral yang tidak lagi sesuai dengan pengalaman seseorang. Pernyataan ini menjelaskan bahawa pendekatan Moral adalah sebuah perkara yang dilalui oleh manusia dalam kehidupannya dengan fenomena seperti budaya, agama, masyarakat dan ilmu pengetahuan yang terjadi dalam kehidupan manusia. Dalam konteks ini juga, keperibadian masyarakat juga boleh dibentuk menerusi sastera, hal ini demikian sastera salah satu penyumbang dan memberikan manfaat kepada masyarakat.

## **2. Pendekatan Gunaan**

Kamaruddin (2017), mentakrifkan pendekatan gunaan adalah satu bukti bahawa sastera salah satu daripada objek-objek alam seperti hasil ciptaan, alam ciptaan Tuhan dan sastera ialah sebuah ciptaan manusia yang dimanfaatkan oleh manusia itu sendiri. Hal ini kerana, pendekatan gunaan ini akan menilai dan menganalisis karya sastera yang dihasilkan manusia dari segi sesuatu objek yang dibuat sama seperti konsepnya dengan objek yang dicipta oleh Tuhan. Pendekatan gunaan ini juga sebuah objek yang dicipta kerana hikmah, sebab fungsi tujuan dalam menganalisis kajian tertentu. Maka dengan itu, ciptaan ini boleh diguna pakai dalam kehidupan manusia sama seperti objek alam yang lain.

## **3. Pendekatan Firasat**

Pendekatan firasat merupakan satu fenomena dan peristiwa alam yang mampumenciptakan pengalaman dalam kehidupan manusia sama seperti pendekatan Moral yang tercipta namun dalam pengalaman yang dilalui oleh manusia. Pendekatan firasat ini juga boleh dikaitkan dengan mimpi yang mengisahkan peristiwa alam yang mempunyai makna yang memerlukan tafsiran manusia. Hashim Awang (1994), juga berpendapat bahawa pendekatan gunaan ini juga merupakan sebuah proses yang mempunyai makna tafsiran lambing terkandung di dalamnya. Ini kerana, mimpi ialah satu pengalaman hidup yang penuh misteri. Hal ini disamakan dengan kesusasteraan kerana ia sama dengan suatu mimpi. Mimpi juga boleh diungkapkan sebagai suatu peristiwa alam yang mempunyai makna yang



kejadiannya hanya dapat dikerjakan melalui sebuah tafsiran.

#### **3.4.2.2 Pengkaedahan Keagamaan**

Pengkaedahan Melayu yang seterusnya ialah pengkaedahan keagamaan, pengkaedahan ini berlandaskan kepada keimanan yang didasari oleh akidah Islam yang berdasarkan al-Quran dan al-Hadis. Pengkaedahan ini dicipta untuk meningkatkan ketakwaan kepada-Nya. Menerusi pengkaedahan keagamaan ini, Hashim Awang telah menggariskan tiga pendekatan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan masyarakat dan juga pendekatan seni. Ketiga-tiga pendekatan akan menekankan tiga nilai utama Islam iaitu estetika, moral dan keagungan Allah.

##### **1. Pendekatan Dakwah**

Kamarudin (2017), menyatakan bahawa pendekatan dakwah merupakan satu wadah yang bertujuan untuk meningkatkan nilai-nilai ketakwaan umat Islam kepada Allah SWT. Hal ini kerana, sastera adalah sebuah medium yang boleh menjadi perantaraan dalam menyampaikan sifat-sifat kemuliaan dan kekuasaan Allah. Hashim Awang (2002), juga menyokong bahawa karya sastera mampu menjadi medium perkembangan agama Islam dan memaparkan kesucian agama Islam.

##### **2. Pendekatan Kemasyarakatan**

Seterusnya, pendekatan kemasyarakatan juga adalah satu perkara yang akan mengutamakan kebaikan dalam sebuah karya sastera. Tambahan itu,



Kamarudin (2017) mengatakan bahawa sastera merupakan satu persoalan yang menentengahkan keadilan dankebaikan dalam masyarakat. Oleh itu, teks mahupun karya sastera dianggap perkara yang suci kerana sastera adalah punca yang mendedahkan sebuah perkara dengan jelas, benar, ketidakadilan yang terjadi dalam sebuah komuniti masyarakat.

### **3. Pendekatan Seni**

Pendekatan seni pula merupakan satu cara untuk menilai aspek dalaman karya sastera itu supaya menghasilkan sebuah karya sastera yang lebih indah dari segala aspek. Dalam konteks ini, nilai keindahan yang dimaksudkan ialah nilai-nilai etika Islam yang tidak melanggar dengan syariat agama Islam. Bagi meneliti sebuah keindahan sastera, hal ini dapat dilakukan melalui bentuk jasmani dan rohaninya, pada gaya pemaparan, tema sebuah karya, watak-perwatakan, plot, gaya penceritaan dan juga penggunaan gaya bahasa.

### 3.5 Kerangka Kajian



Rajah 3.2: Kerangka kajian berkaitan nilai pendidikan menerusi *tangon-tangon* Kadazandusun.

### **3.6 Kesimpulan**


Secara keseluruhannya, bab tiga ini merupakan bab yang penting kerana metodologi kajian merupakan perkara asas yang perlu ada dalam sebuah kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Kaedah-kaedah yang digunakan sepanjang kajian ini berjalan dijelaskan dengan teliti oleh pengkaji dalam penyelidikan bagi menghasilkan sebuah kajian yang baik. Kaedah kajian ini juga berperanan dalam mencari data yang sah dan tepat dalam menyokong hujah-hujah dengan faktadalam sebuah kajian yang dijalankan. Hal ini kerana, sumber untuk mendapatkan maklumat dan data ini telah dikenal pasti serta ditapis kesahihannya menerusi metodologi analisis yang dipilih oleh pengkaji. Metodologi kajian ini berfungsi dalam menjelaskan data yang diperolehi dan pengkaji telah menggunakan pendekatan Moral dalam teori Pengkaedahan Melayu bagi mengkajinilai-nilai pendidikan yang terdapat dalam *tangon-tangon* Kadazandusun masyarakat di Sabah. Menerusi pendekatan yang digunakan, pengkaji juga mampu melancarkan proses analisis data dengan baik kerana data dan maklumat yang diperolehi tulen dan sah. Oleh itu, pengkaji dapat merumuskan bahawa bab ini adalah bab yang perlu ada dalam sebuah penyelidikan bagi menghasilkan kajian yang sistematik dan sah.

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Menerusi bab ini, pengkaji akan membincangkan analisis dan dapatan kajian yang terdapat dalam teks kajian iaitu *Tinimungan Tangon Kadazandusun* (Himpunan Cerita Kadazandusun) yang mengandungi 23 buah cerita rakyat yang dikumpulkan daripada subetnik di Sabah, namun pengkaji hanya memilih 15 buah cerita sahaja untuk dianalisis sebagai dapatan kajian. Teks ini juga dapat dikelaskan melalui cerita binatang, asal-usul, mitos dan juga penglipur lara. Melalui analisis teks ini, terdapat pelbagai nilai pendidikan dalam perwatakan setiap watak dalam cerita rakyat yang dipilih, antaranya ialah kerajinan, keberanian dalam menyelesaikan masalah, berfikiran rasional dalam menghadapi masalah, nilai kerjasama, serta berhemah tinggi dalam mengharungi kehidupan harian. Pengkaji juga akan mengaplikasikan teks yang dipilih menerusi teori pengkaedahan Melayu iaitu Pendekatan Moral.



Rajah 4.0: Kerangka teori Pengkaedahan Melayu yang akan digunakan dalam bab pengkaji.

KELANTAN

## 4.2 Pengkelasan Jenis *Tangon-Tangon*

Menerusi kajian ini, pengkaji telah melakukan pemilihan jenis-jenis cerita rakyat yang terpilih menerusi teks *Tinimungan Tangon Kadazandusun* (Himpunan Cerita Kadazandusun) yang diterbitkan oleh Universiti Malaysia Sabah, sebagai bahan dapatan kajian ini. Dalam konteks ini, pengkaji mendapati 23 jenis cerita dalam teks ini namun pengkaji hanya akan memilih 15 buah sahaja untuk di analisis. 15 buah cerita rakyat yang dipilih mengikut genre yang berbeza bagi memenuhi objektif kajian ini bagi mengenai pasti jenis-jenis cerita rakyat Kadazandusun dan juga menganalisis nilai pendidikan cerita rakyat menerusi pendekatan moral berdasarkan teori Pengkaedahan melayu. Pengkaji telah mengelaskan kajian ini kepada pelbagai jenis cerita rakyat seperti dalam jadual berikut:


Jadual 4.1: Jenis-jenis cerita rakyat yang telah digelaskan melalui teks Himpunan Cerita Kadazandusun yang dipilih oleh pengkaji.

Bil	Jenis cerita rakyat	Tajuk
1.	Cerita binatang	<i>Tutod om KaraSaai om Biik I Landang om I Mandatan</i>
2.	Mitos	<i>Yanakanak om Rogon GayoPotiukan Bootiza Rumpad Nipon Sugaring Tangkayau</i>
3.	Asal usul	<i>Buayo Sumiliu do TulunTadau om Wulan I Poinuun om I Poundapu Nontodon do Toru om Pongidu do Toru</i>
4.	Penglipur lara	<i>I Maki do Gobulan Kolibambang I Rara'a om Songinan o Payou</i>



Berdasarkan jadual di atas, pengkaji telah memilih 15 buah cerita rakyat daripada 23 cerita rakyat yang terdapat dalam teks *Tinimungan Tangon Kadazandusun* (Himpunan Cerita Kadazandusun). Menerusi 15 buah cerita rakyat Kadazandusun yang dipilih pengkaji mendapati terdapat empat jenis cerita rakyat iaitu cerita binatang, mitos, asal usul dan penglipur lara yang masing-masing menyelitkan unsur pendidikan. Dalam konteks ini, jadual di atas menunjukkan tiga buah cerita yang berkaitan dengan cerita binatang iaitu *Tutod om Kara*, *Saai om Biik dan I Landang om I Mandatan*. Manakala mitos pula mempunyai lima cerita rakyat iaitu *Yanakanak om Rogon Gayo*, *Potiukan*, *Bootiza*, *Rumpad Nipon dan Sugaring Tangkayau*. Bagi jenis cerita rakyat asal-usul pula, pengkaji mendapati empat cerita iaitu *Buayo Sumiliu do Tulun*, *Tadau om Wulan*, *I Poinuun om I Poundapu* dan *Nontodon do Toru om Pongidu do Toru* dan jenis cerita rakyat yang terakhir pula penglipur lara mempunyai tiga cerita yang bertajuk *I Maki do Gobulan*, *Kolibambangdan I Rara'a om Songinan o Payou*. Setiap tajuk ini menyelitkan nilai pendidikan dari segi nilai kerajinan, nilai keberanian, nilai kerjasama, nilai rasional dan juga nilai hemah tinggi. Nilai-nilai ini juga dianalisis menerusi pendekatan moral yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu.





Jumlah 15 teks yang dipilih

Rajah 4.0: Pengkelas jenis *Tangon-tangon*

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mendapati jumlah cerita binatang hanya 3 buah teks iaitu 20% sama dengan jumlah penglipur lara 3 buah teks iaitu 20% cerita daripada 15 teks yang dipilih daripada 23 teks cerita rakyat dalam Himpunan Cerita Kadazandusun. Manakala, mitos pula berjumlah 5 buah teks iaitu 27% berbanding dengan asal-usul hanya 4 teks yang terdapat dalam 15 teks Himpunan Cerita Kadazandusun. Oleh itu, secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan bahawa penyampai cerita rakyat pada zaman dahulu menggunakan beberapa jenis cerita untuk disampaikan seperti rajah di atas.

### **4.3 Nilai Kerajinan**

Nilai kerajinan dalam pendidikan merupakan sebuah kunci dalam menjayakan sebuah impian. Definisi kerajinan ialah sebuah usaha yang berterusan penuh tanpa mengekal erti putus asa dalam menghadapi sebuah masalah atau mencapai sebuah kejayaan. Kerajinan ini juga melibatkan semangat yang cekal, gigih, ketekunan, berdaya maju serta berdedikasi dalam melakukan sesuatu perkara yang mampu mencapai target yang diinginkan. Menurut Wiyadi (1991), kerajinan didefinisikan sebagai sesuatu yang perkara yang tercipta kerana atas dasar yang dimiliki oleh manusia dalam melakukan sebuah kemahuan yang hendak dicapai. Ini kerana manusia mempunyaisebuah kebolehan yang terampil dalam membuat dan mencapai sesuatu tujuan atau organisasi yangingin dicapai dengan usaha yang bersungguh-sungguh. Selain itu, Kadjim (2011), juga berpendapat bahawa kerajinan adalah satu usaha yang dilakukan dengan semangat yang gigih, cekal, berdedikasi serta berdaya maju dengan usaha yang berterusan sehingga mencapai tujuan yang dicapai dengan berjaya. Oleh itu, hal dapat disimpulkan bahawa apabila seorang perwatakan dalam sebuah cerita rakyat yang mempunyai usaha yang berterusan dalam mencapai sebuah kemahuan sehingga membuahkan hasil yang memuaskan hati. Oleh itu, hal dapat dirumuskan bahawa nilai kerajinan sebagai manusia yang ingin melakukan sesuatu perkara secara perkara secara bersungguh-sungguh, berterusan, tekun dan bersemangat untuk memperoleh suatu kejayaan terhadap cita-cita dan matlamat yang diinginkan dalam sebuah kehidupan. Sehubungan ini kajian ini akan membincangkan nilai kerajinan menerusi konsep kegigihan, daya usaha dan kecekalan dalam mencapai sebuah matlamat.

### 4.3.1 Kerajinan Menerusi Kecekalan

Nilai kerajinan melalui kecekalan ini membawa maksud kepada individu yang memiliki keteguhan hati, tahan menderita dan tabah untuk menghadapi dugaan dan cabaran dalam sebuah kehidupan. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016). Sikap kecekalan ini juga dapat disimpulkan sebagai individu atau watak dalam cerita rakyat itu dapat mengharungi pahit dan getir dalam kehidupan berbakalkan kecekalan teguh dengan hati yang tenang. Nilai kerajinan menerusi kecekalan ini dapat dilihat menerusi cerita rakyat Kadazandusun yang bertajuk *Yanakanak om Rongon Gayo*. Hal ini jelas tergambar dalam jadual di bawah:

Jadual 4.2: Contoh petikan cerita *Yanakanak Om Rongon Gayo* yang menyelitkan unsur kerajinan.

Nilai Pendidikan	Petikan Cerita Rakyat	
Nilai Kerajinan	Bahasa Kadazandusun	Bahasa Melayu
i. Kerajinan menerusi Kecekalan	<p><i>"I nopo di laid po, nga haro o songulun o tanak wagu pinungaranan do i Yanakanak. I Yanakanak nopo nga aparu do momukasip. Nongoi dau pataano i kasip do hiri'd puru id somok do tionon dau. Mogisuusuai po o kosulung do kasip di Yanakanak miagal ko' Tombolong, borud, om bosing. Tikid tatau ngoyon di Yanakanak susuyo' i kasip nga haru kassai o kosulung sundung pia do amu agumu".</i></p> <p>(Lombi Gungkat, 2016: 78)</p>	<p>"Pada zaman dahulu, tinggal pemuda bernama Yanakanak. Yanakanak seorang yang sangatrajin menjerat binatang. Dia memasang jeratnya di sebuah hutan yang berdekatan dengan tempat tinggalnya. Pelbagai jenis binatang yang masuk dalam jerat Yanakanak termasuk burung, tikus dan tupai".</p>

Menerusi petikan *Yanakanak om Rongon Gayo* ini, pengkaji dapat membuktikan bahawa watak dalam cerita ini iaitu Yanakanak mempunyai sikap rajin yang cekal dalam meneruskan kehidupannya. Walaupun hidup seorang dalam hutan, beliau mampu meneruskan hidupnya menerusi menjerat binatang walaupun kadang-kadang tidak mempunyai hasil jeratnya. Melalui cerita rakyat ini, pengarang telah memaparkan seorang anak yatim piatu yang telah ditinggalkan oleh keluarganya sebatang kera namun dengan sifatnya cekal dan rajin dia mampu menjalani hidupnya seperti masyarakat biasa. Oleh itu, pengkaji dapat merumuskan bahawa nilai kerajinan melalui kecekalan ini merupakan salah satu nilai pendidikan yang wajar dimiliki oleh setiap individu bagi menghadapi kehidupan yang penuh mencabar.

#### **4.3.2 Kerajinan Menerusi Daya Usaha**

Menurut Jumali Selamat (2001), daya usaha ini boleh didefinisikan sebagai satu sikap yang ada dalam diri manusia iaitu sikap ingin melakukan sesuatu perkara dengan bertindak penuh semangat dan bersungguh-sungguh untuk mengcapai mahupun menghasilkan sesuatu perkara yang berkualiti dan bermutu. Bukan itu sahaja, sikap daya usaha ini juga dapat dirumuskan sebagai nekad dan keinginan yang tinggi dalam diri manusia serta berusaha secara berterusan tanpa mengenal erti putus asa demi mencapai sebuah tujuan dan keinginan dalam sesuatu perkara. Sikap daya usaha ini boleh dilihat dalam himpunan cerita Kadazandusun yang bertajuk *I Maki do Gobulan* seperti petikan dalam jadual di bawah:

Jadual 4.3: Contoh petikan cerita *I Maki do Gobulan* yang menyelitikan unsur kerajinan.

Nilai Pendidikan	Petikan Cerita Rakyat	
Nilai Kerajinan	Bahasa Kadazandusun	Bahasa Melayu
ii. Kerajinan menerusi daya usaha	<p><i>“I tulun di kakal po mogigion siri nopo nga roitan do i odu om i Maki. Yolo nopo diti nga misasawo I odu nopo nga tondu di abagos kopio dommindahu. Ogumu no kaka o pounayan di Maki soira suhuon dob mindahu om kuroyon podii, i Odu kasasari di mindahu mongoi podium do taakanon.</i></p> <p><i>(Nangoi bin Sondudon, 2016: 50)</i></p>	<p>Adapun yang tinggal dikampung itu hanyalah Odu dan Maki. Mereka adalah pasangan suami isteri. Odu adalah seorang isteri yang sangat rajin ke kebun. Banyak alasan yang Maki berikan setiap kali disuruh ke kebun. Akhirnya Odu juga yang akan pergi mencari makanan.</p>

Berdasarkan petikan cerita *I Maki do Gobulan* mengisahkan seorang wanita yang bernama Odu isteri kepada seorang lelaki yang bernama Maki. Pasangan suami isteri ini hidup dalam kehidupan yang agak miskin umpama kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Kehidupan mereka yang miskin ini bertambah teruk apabila Maki sangat malas berkerja berbeza dengan isterinya rajin berkerja dengan sedaya upaya. Hal ini menyebabkan Odu terpaksa bekerja lebih kuat dengan daya upaya berterusan bagi mencari sesuap nasi untuk menyara suaminya. Contohnya, Odu terpaksa ke dalam hutan untuk mencari makanan dengan daya usaha yang berterusan tanpa mengharapkan suaminya yang pemalas. Oleh itu, disini pengkaji dalam menyimpulkan bahawa petikan dalam jadual di atas telah memaparkan kerajinan seorang individu menerusi daya usaha.

### 4.3.3 Kerajinan Menerusi Kegigihan

Seterusnya, kerajinan ini juga boleh dilihat menerusi sikap yang gigih dalam mencapai sebuah tujuan walaupun terdapat pelbagai rintangan yang dihadapi. Azura Abdullah (2000), telah menyatakan bahawa kegigihan ini merupakan perilaku seorang individu yang rajin, giat, tekun dan aktif dalam melakukan suatu perkara bagi mendapat hasil yang baik dan positif. Bukan itu sahaja, Jumali Selamat (2001), juga berpendapat bahawa kegigihan adalah asas dalam menghasilkan prestasi dan mutu kerjaya yang tinggi pada diri seseorang dalam menghadapi kehidupan pada masaini. Kegigihan ini juga merujuk kepada sikap individu yang mempunyai jati diri yang cekal, kuat, tabah dan juga tidak takut dengan cabaran untuk melakukan sesuatu perkara untuk memperolehi kejayaan yang diinginkan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016). Menerusi analisis pengkaji, terdapat watak dalam cerita ini iaitu *Rumpad Nipon* yang menunjukkan sifat kerajinan ini menerusi kegigihan dan ketekunan seperti petikan yang terdapat dalam jadual di bawah:

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Jadual 4.4: Contoh petikan cerita *Rumpad Nipon* yang menyelitkan unsur kerajinan.

Nilai Pendidikan	Petikan Cerita Rakyat	
Nilai Kerajinan	Bahasa Kadazandusun	Bahasa Melayu
<p>iii. Kerajinan menerusi Kegigihan</p>	<p><i>“Di nopo di guugulu po nga haro kaka o tulun do kusai do miadi-adi ii pungaranan do Tomou Langou om i Pidot Songsong do poingion id iso o kampung. Yolo nopo ngoduo ngakakal po do poimbilang. I tomou Langou om i Pidot Songsong nopo diti nga tanak wagu di okoris om aparu kopio. Minikiid toun nopo kaka yolo do mongumo.”</i></p> <p>(Moini Rubin, 2016: 45)</p>	<p>“Pada zaman dahulu, ada dua orang adik beradik lelaki bernama Tomou Langou dan Pidot Songsong tinggal di sebuah kampung. Mereka berdua masih bujang. Tomou Langou dan Pidot Songsong adalah jejaka yang kuat, dan amat rajin bekerja. Setiap tahun mereka akan membuka tanah untuk penanaman padi”.</p>

Menerusi contoh petikan jadual di atas, kita dapat melihat bahawa kisah cerita *Rumpad Nipon* ini mengisahkan tentang dua adik-beradik yang sangat rajin dengan penuh kegigihan dalam menanam padi sehingga menjadi kaya. Kegigihan mereka dalam membuka tanah untuk menanam padi telah membuahkan hasil yang sangat baik. Mereka telah bekerja siang dan malam tanpa menghiraukan kata-kata orang lain yang mengatakan mereka hanyalah remaja yang tidak mempunyai masa depan yang cerah kerana hanya mengerjakan padi sahaja. Menerusi kegigihan dan ketekunan mereka dalam bekerja telah membuahkan hasil yang sesuai dengan usaha kegigihan mereka sepanjang mengerjakan sawah padi. Maka dengan itu, individu yang ingin mencapai tujuan mereka haruslah rajin dengan penuh kegigihan seperti



yang ditunjukkan oleh bernama Tomou Langou dan Pidot Sonsong dalam cerita yang bertajuk *Rumpad Nipon*.

Rentetan daripada itu, nilai kerajinan menerusi ketiga-tiga konsep yang dibincangkan iaitu kerajinan menerusi kecekalan, daya usaha dan kegigihan ini bertunjangan kepada pendekatan moral yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini kerana, ketiga-tiga konsep ini menunjukkan teras kebajikan serta melibatkan alam sebagai sebuah kejadian yang bersifat pengalaman hidup. Hal ini dapat disokong menerusi pendapat Hashim Awang (2002), yang mengatakan bahawa pendekatan moral satu kejadian atau objek sama seperti pendekatan gunaan namun kejadian ini berlandaskan moral yang tidak lagi sesuai dengan pengalaman seseorang. Menerusi cerita ini, kita dapat melihat bahawa terdapat pelbagai pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh setiap watak dalam cerita yang dianalisis yang memperlihatkan bahawa perilaku setiap watak ini dinilai dari aspek yang positif dan negatif. Lantaran daripada itu, setiap perilaku yang ada dalam watak ini sama ada positif dan negatif akan menjadi teladan kepada pembaca yang membaca cerita ini. Dalam konteks ini, sudah terang lagi bersuluh bahawa setiap pengalaman, kejadian dan maklumat yang berlaku dalam cerita rakyat Kadazandusun ini dinilai secara positif oleh pembaca untuk panduan kehidupan harian.

#### **4.4 Nilai Keberanian**

Nilai keberanian merupakan salah satu nilai pendidikan yang harus ada dalam diri individu bagi mencapai tujuan yang ditetapkan begitu juga dalam sebuah watak perwatakan dalam sebuah cerita rakyat. Maksud nilai keberanian ialah individu

yang mempunyai kesanggupan bertindak dengan berani dalam menghadapi setiap dugaan dan cabaran dengan yakin dan tabah serta bersungguh-sungguh berjuang walaupun akan menanggung risiko besar (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Definisi ini disokong oleh Tajul Arifin Nordin & Nor'aini Dan (2016), mereka berpendapat bahawa keberanian ini merupakan sebuah sikap yang ada dalam diri individu iaitu memiliki kesanggupan seperti tidak merasa gusar dan ragu sama sekali semasa menghadapi masalah yang kecil mahupun besar. Hal ini dapat dirumuskan bahawa keberanian ini adalah sikap yang dimiliki oleh individu iaitu bersifat tabah, tidak mempunyai rasa takut menghadapi cabaran dengan pendirian yang teguh kepada prinsip hak dan benar. Individu yang mempunyai sikap berani ini seorang akan sanggup menanggung risiko yang akan datang serta mendukung kebenaran untuk membuktikan perkara yang diperjuangkan benar. Sehubungan dengan itu, menerusi nilai keberanian ini pengkaji akan membahaskan tentang keberanian yang ada dalam himpunan cerita Kadazandusun ini menerusi sikap mempertahankan diri, sikap kerana besar dan keberanian menerusi menghadapi masalah yang dihadapi.

#### **4.4.1 Keberanian Menerusi Sikap Mempertahankan diri**

Nilai keberanian menerusi nilai pendidikan ini dapat dibuktikan menerusi sikap mempertahankan diri individu semasa menghadapi masalah sama ada kecil mahupun besar. Sikap mempertahankan diri ini dimaksud sebagai kata 'mempertahankan' yang membawa maksud sebagai mengusahakan supaya kekal, mengikhtiarkan supaya tidak mudah berubah serta berpegang teguh kepada sebuah

prinsip untuk mencapai tujuan yang ditetapkan (Dewan bahasa edisi ke-3, 2016). Manakala, diri pula bermaksud satu tubuh manusia yang lengkap yang mampu bergerak dan berfikir dengan baik dengan kemampuan yang ada pada diri sendiri. Oleh itu, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa sikap mempertahankan diri ini ialah seseorang yang mempunyai nekad yang tinggi sehingga sanggup berjuang mati-matian demi mempertahankan sebuah hak yang wajar dipertahankan melalui suatu tindakan dan keputusan yang besar.

Hal ini dapat dilihat menerusi cerita Kadazandusun yang bertajuk *Yanakanak om Rogon Gayo* seperti dalam jadual di bawah berikut:

Jadual 4.5: Contoh petikan cerita *Yanakanak Om Rogon Gayo* yang menyelitkan unsur keberanian.

Nilai Pendidikan	Petikan Cerita Rakyat	
Nilai Keberanian	Bahasa Kadazandusun	Bahasa Melayu
i. Keberanian Menerusi Sikap Mempertahankan diri	<p>“<i>Soira do nokito di Yanakanak I susuput di molong-kolong podii karagangaon, suhuo’ no dau I Rogon Gayo do tumuntuad kaagu. Kotuntuand kopio I Rogon Gayo nga, maai no di Yanakanak pasandatai do popousur I susuput do hiri id busul di Rogo Gayo</i>”.</p> <p>(<i>Lombi Gungkat, 2016: 23</i>)</p>	<p>Setelah Yanakanak melihat besi pencucuk itu telah merah membara marak disuruhnya Rogon Gayo menunggeng sekali lagi. Sebaik sahaja Rogon Gayo menunggeng, dengan secepat kilat dan sekuat tenaga Yanakanak pun mencucuk sambil memutar mutarkan besi pencucuk itu ke punggung Rogon Gayo”.</p>

Berdasarkan petikan cerita Kadazandusun *Yanakanak om Rongon Gayo*, pengkaji mendapati bahawa nilai keberanian menerusi mempertahankan diri yang dimiliki oleh seorang pemuda yang bernama Yanakanak dalam cerita Kadazandusun ini. Hal dapat dibuktikan sepanjang perbualan Yanakanak dengan Rogon Gayo, Yanakanak terpaksa berbohong untuk mempertahankan dirinya daripada dimakan oleh Rogon Gayo itu. Yanakanak memberitahu Rogon Gayo bahawa besi yang panas ini mampu menghilangkan sakit punggung padahal besi tersebut boleh membawa maut namun hal ini terpaksa dilakukan oleh Yanakanak dengan penuh berani bagi mempertahankan dirinya Rogon Gayo. Pada akhirnya, keberanian yang ditunjukkan oleh Yanakanak telah menyelamatkan diri beliau serta membunuh Rogon Kaya yang menyebabkan tangkapan binatang hilang dimakan oleh Rogon Gayo. Menerusi situasi ini, kita juga dapat melihat bahawa Yanakanak berjuang secara mati-matian untuk mempertahankan dirinya. Misalnya, Yanakanak menusuk besi ke punggung Rogon Gayo sehingga Rogon Gayo itu mati dengan sekuat tenaga. Oleh itu, pengkaji dapat merumuskan bahawa keberanian ini mesti ada dalam diri setiap individu bagi mempertahankan diri agar tidak menjadi mangsa seperti yang ditunjukkan oleh watak Yanakanak dalam cerita *Yanakanak om Rongon Gayo* ini.

#### **4.4.2 Keberanian Menerusi Sikap kerana Benar**

Setiap manusia yang mempunyai keberanian dalam diri masing-masing sememangnya akan mempunyai sikap keberanian kerana benar. Bagi mempertahankan kebenaran yang kita buktikan kita juga haruslah mempunyai sebuah keberanian dalam diri masing-masing. Keberanian menerusi sikap benar ini

dapat didefinisikan sebagai manusia yang bertindak dengan tidak salah, betul mahupun tepat dalam sesuatu perkara yang dihadapi. Menurut Mark Twain (2001), keberanian adalah penolakan terhadap rasa takut, penguasaan rasa takut, bukan ketiadaan rasa takut. Ini bermakna bahawa individu tidak akan merasa takut apabila berada dipihak yang benar dan terbukti sah, hal ini akan menggalakkan individu akan bertindak kerana berada di pihak yang benar atau menegakkan kebenaran. Keberanian menerusi sikap kerana benar ini boleh dilihat melalui cerita Kadazandusun yang dianalisis oleh pengkaji bertajuk *I Rara'a om songinan o Payou* seperti petikan jadual berikut:

Jadual 4.6: Contoh petikan cerita *I Rara'a om songinan o Payou* yang menyelitikan unsur keberanian.

Nilai Pendidikan	Petikan Cerita Rakyat	
Nilai Keberanian	Bahasa Kadazandusun	Bahasa Melayu
ii. Keberanian menerusi sikap kerana benar	<p><i>“Kada kovodut sino! Au oku ii monongkuyaan do aiso no sakot siriid dumo dagai,” ka diri Rara'a kumaa di payou. “Oo, kaino no mongoi intong siri id dumo muju bang au ko no otumbayaan dogo,” ka diri payou do mangangat di Rara'a mongoi id dumo diolo”.</i></p> <p>(Jauyah Lantag, 2016:28)</p>	<p>“Jangan bohong! Aku tidak percaya rumput di huma kami telah tiada,” kata Rara'a kepada rusa itu. “Baiklah, jikalau tidak mempercayai aku, marilah mengikut aku melihat huma kalian,” kata rusa mengajak Rara'a pergi ke huma mereka. Setelah tiba di huma, mereka melihat semua rumput telah dicabut.”</p>

Jadual di atas menunjukkan satu contoh petikan yang dapat mempamerkan sikap keberanian seekor rusa berani kerana benar. Cerita yang bertajuk *I Rara'a om songinan o Payou* ini mengisahkan tentang seekor rusa yang menunjukkan sikap

beraninya kepada seorang gadis yang bernama Rara'a membawa ke huma milik keluarga gadis itu. Walaupun pada awalnya gadis itu tidak percaya dengan percakapan rusa itu, namun rusa itu berani membawa Rara'a ke huma kerana rumput huma milik Rara'a itu telah dicabut. Setelah tiba di huma itu, alangkah terkejutnya Rara'a melihat huma mereka tidak berumput lagi kerana dicabut oleh Rusa. Menerusi penerangan ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa rusa ini memaparkan sikap berani kerana benar. Rusa itu tidak hanya manis mulut bercakap namun membuktikan bahawa dia benar. Keberanian menerusi kebenaran ini seharusnya ada kepada diri setiap individu manusia mahupun binatang seperti dipaparkan oleh Rusa dalam cerita ini.

#### **4.4.3 Keberanian Semasa Menghadapi Masalah**

Keberanian ini juga sangat diperlukan manusia semasa menghadapi masalah kecil mahupun besar. Hal ini kerana, tanpa keberanian manusia akan terus lari daripada masalah tanpa menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi. Masalah merupakan sebuah perkara yang telah memberikan kesusahan atau keraguan kepada individu sehingga tidak mampu menjalankan kehidupan yang normal seperti orang lain. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016), masalah ini boleh ditakrifkan sebagai sesuatu perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran dan memerlukan penyelesaian yang baik. Bagi menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi manusia haruslah mempunyai keberanian yang tinggi dan keyakinan tinggi untuk menyelesaikan masalah, hal dapat dilihat menerusi jadual di bawah yang mengandungi petikan seperti berikut:



Jadual 4.7: Contoh petikan cerita bertajuk *Yanakanak om Rogon Gayo* yang menyelitikan unsur keberanian.

Nilai Pendidikan	Petikan Cerita Rakyat	
Nilai Keberanian	Bahasa Kadazandusun	Bahasa Melayu
iii. Keberanian semasa menghadapi masalah.	<p><i>“Ia I’ pama o munsamang tomod dino sulung kasip ku oi Ogon Gayo? Kada po dia.”</i>  <i>Kaka di Yanakanak do minomogunut di tobuk dau. Paakangan nogi da di Yanakanak I Dangol do hiri’d tulu di Rogon Gayo nga boros-boros no kaka I Rogon Gayo, “Atukoi, Yanakanak, kada oku po dia patayo. Mongoi kitopo hilo’ d walai ku mamalasu kito po di sulung diti kasip nu om mibai’kito do makan”</i></p> <p><i>(Lombi Gungkat, 2016:78)</i></p>	<p>“Engkau pula yang membedalhasil jerat aku ya, Ogon Gayo? Jaga engkau.” Kata Yanakanak sambil merenggur rambutnya. Ketika Yanakanak mengacu parangnya ke arah kepala Rogon Gayo, Rogon Gayo berkata, “Wahai Anakanak, janganlah engkau bunuh aku. Marilah ke rumahku dahulu dan merebus jeratmu dan beradu makan.”</p>

Jadual di atas merupakan satu petikan yang diambil dari cerita rakyat Kadazandusun yang bertajuk *Yanakanak om Rogon Gayo*, cerita ini menunjukkan keberanian seorang pemuda yang bernama Yanakanak yang berani menghadapi masalah yang dihadapinya walaupun nyawa beliau di hujung tanduk sudah. Hal ini kerana, Rogon Gayo itu boleh membahannya pada bila-bila masa sahaja, namun keberanian Yanakanak sepanjang menghadapi masalah ini telah menyelamatkan beliau daripada menjadi mangsa seperti binatang yang terkena perangkapnya yang habis dimakan oleh Rogon Gayo. Keberanian yang ada dalam diri Rogon Gayo ini terpamer apabila Yanakanak tenang menghadapi Rogon Gayo. Contohnya, Yanakanak tetap berbicara dengan Rogon Gayo dengan berani sehingga Rogon Gayo takut dengan keberanian beliau. Maka dengan itu,



pengkaji dapat merumuskan bahawa sebesar apapun masalah yang kita hadapi kita harus berani menghadapinya seperti yang dilakukan Yanakanak semasa berhadapan dengan Rogon Gayo yang sepuluh ganda besar dari Yanakanak.

Secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan bahawa nilai keberanian ini dapat dikaitkan dengan pendekatan moral yang terkandung dalam teori Pengkaedahan Melayu. Ini kerana unsur yang terdapat dalam nilai keberanian menerusi sikap mempertahankan diri, sikap berani kerana benar dan keberanian semasa menghadapi masalah dalam mencapai sebuah matlamat ini mempamer teras kebajikan dan turut menjadikan peristiwa yang berkaitan alam dalam cerita ini sebagai pengalaman hidup watak dalam cerita Kadazandusun yang dipilih. Dalam hal ini, pengkaji dapat membahaskan bahawa pengalaman- pengalaman yang berkaitan dengan unsur keberanian dalam cerita yang dipilih ini memperlihatkan sebuah contoh dan teladan yang baik dari segi nilai pendidikan dalam membantu seorang individu mencapai tujuan yang mahu dicapai.

#### **4.5 Nilai Rasional**

Menerusi pendidikan, setiap individu haruslah mempunyai nilai rasional bagi memastikan sebuah matlamat yang ditetapkan agar berjalan dengan lancar. Rasional menunjukkan seorang individu boleh berfikir dengan berasaskan alasan dan bukti yang kukuh dan nyata yang mampu mengambil sebuah tindakan berdasarkan pertimbangan yang wajar. Manakala, menurut Mohd Che Yaacob (2015), nilai rasional membawa maksud seorang individu yang mempunyai kebolehan berfikir secara benar, logik dan pikiran yang waras berdasarkan kepada alasan dan bukti yang nyata dan konkrit sebelum bertindak dan menyimpulkan sebuah keputusan

yang telus tanpa menimbulkan perasan ragu kepada orang lain. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan bahawa rasional merupakan sesuatu perkara yang benar sah sebelum seorang individu itu bertindak dengan alasan dan bukti yang kukuh, hujah dan falsafah yang waras dan membuat keputusan dengan tepat dan benar sebelum bertindak tanpa dipengaruhi oleh perasaan negatif. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan membincangkan rasional menerusi alasan dan bukti yang kukuh.

#### **4.5.1 Nilai Rasional Menerusi Alasan Dan Bukti Yang Kukuh**

Menurut Jumali Selamat (2001), sikap alasan dan bukti yang kukuh ialah sikap manusia yang mempunyai pendirian yang teguh dalam membuat keputusan secara rasional, bermampuan untuk menerima sebuah perkara yang baik mahupun buruk sebelum membuat keputusan yang tepat berlandaskan kepada pemikiran waras dan matang mengikut situasi, waktu dan tempat. Seterusnya, maksud 'alasan' adalah sebuah asas yang membawa kepentingan bersama, alasan juga sesuatu yang menjadi asas atau dasar sesuatu (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016). Manakala, bukti pula membawa maksud kepada keterangan yang nyata ataupun satu tanda kebenaran. Selain itu, kukuh pula bermaksud kuat atau dalam kata lain sebuah binaan yang tahan lama, teguh dan tidak akan berubah. Melihat kepada ketiga-tiga maksud ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa nilai rasional menerusi sikap alasan dan bukti yang kukuh adalah manusia yang mempunyai pendirian teguh dalam membuat keputusan dengan alasan dan bukti yang dalam membuat keputusan.

Sikap alasan dan bukti yang kukuh ini dapat dilihat menerusi cerita

Kadazandusun yang bertajuk *Tadau om Wulan* seperti dalam jadual dibawah:

Jadual 4.8: Contoh petikan cerita bertajuk *Tadau om Wulan* yang menyelitikan unsur rasional.

Nilai Pendidikan	Petikan Cerita Rakyat	
Nilai Rasional	Bahasa Kadazandusun	Bahasa Melayu
i. Nilai rasional menerusi alasan dan bukti yang kukuh	<p><i>“Nokotigog di tipi dau, om kposik no Puruan Sigar. Pomusorou no isio do nunu o komoyon di Kinomulok id tinipi dau. Ingkakat om ongoyo no disio i sopuk. “Ilo no kopio o tadau I minanmatai di sawo ku nga intangan no suab ka di Purusn Sigar do moninggolok po kototogod om tiduli dau”.</i></p> <p><i>(Manis Gilid, 2016: 56)</i></p>	<p>“Terkejut daripada mimpinya, Puruan Sigar pun terjaga. Dia berfikir apakah maksud pesan kinomulok dalam mimpinya itu. Dia bergegas bangun lalu mengambil sumpitannya. “Matahari itulah punca kematian isteriku. Tetapi lihatlah esok!”. Hatinya membuak marah penuh dendam”.</p>

Berdasarkan petikan yang ditunjukkan dalam jadual di atas, terdapat seorang lelaki yang bernama Puruan Sigar yang mempunyai sifat rasional dalam cerita *Tadau om Wulan*. Cerita ini mengisahkan tentang seorang lelaki yang baru sahaja kehilangan isterinya atas sebab yang tidak diketahui. Kematian isterinya ini berlaku apabila isterinya Kinomulok berangkat ke ladangnya dan ditemui meninggal dunia tanpa mengetahui punca kematiannya. Puruan Sigar yang berusaha siang dan malam bertanya sini sana tentang kematian isterinya berakhir apabila Kinomulok muncul dalam mimpinya dan memberitahu punca kematiannya. Pada masa dahulu, kemunculan seseorang dalam mimpi adalah satu kepercayaan bagi orang dahulu bahawa keajaiban yang harus dipercayai begitu juga dengan Puruan Sigar. Dalam

mimpi Puruan Sigar, isterinya memberi tahu bahawa mataharilah muncul dia meninggal dunia, kerana pancaran matahari yang sangat panas menyebabkan isterinya meninggal dunia. Puruan Sigar yang terjaga telah melancarkan dendamnya dengan menyumpit matahari kerana beliau mempunyai alasan dan bukti yang kukuh untuk menyumpit matahari tersebut. Pada akhir cerita ini, matahari telah mengaku bahawa dia yang membunuh Kinomulok tanpa sengaja. Menerusi pengamatan petikan ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa walaupun Puruan Sigar sedih atas kematian isterinya namun beliau tetap bersikap rasional. Hal ini dapat dilihat apabila beliau tidak menyerang orang lain tanpa bukti yang kukuh yang membuktikan kematian isterinya, Puruan Sigar hanya menyerang matahari apabila isterinya datang dalam mimpinya dan memberitahu sebab kematiannya.

Seterusnya, nilai rasional menerusi alasan dan bukti yang kukuh ini juga terdapat cerita Kadazandusun yang bertajuk *I Rara'a om songinan o Payou* seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 4.9: Contoh petikan cerita *I Rara’A om songinan o Payou* yang menyelitikan unsur rasional.

Nilai Pendidikan	Petikan Cerita Rakyat	
Nilai Rasional	Bahasa Kadazandusun	Bahasa Melayu
<p>i. Nilai rasional menerusi alasan dan bukti yang kukuh</p>	<p><i>“Kada udutai oku! Auso pokitanan nu do mintangar do napatai no I savo ku,” ka diri Rara’a do miampai do rumaatan isido. “Intangai om intutunai iti kungkung do payou novit ku. Iti nokulit di savo nu nokito ku do poinsavit id savat do raan do kaju,” ka diri tanak wagu do popoilo di Rara’a.”</i></p> <p><i>(Jauyah Lantag, 2016:101)</i></p>	<p>“Jangan tipu aku. Engkau tiada bukti yang mengatakan bahawa suamiku telah meninggal dunia”. Rara’a begitu marah.” “Lihat dankenali kulit rusa yang aku bawa ini. Inilah kulit suamimu yang aku lihat tersangkut di atas dahanpokok”, kata pemuda itu memberitahu Rara’a.</p>

Berdasarkan jadual di atas, pengkaji mendapati bahawa sikap rasional individu menerusi alasan dan bukti yang kukuh ini ada dalam cerita yang bertajuk *I Rara’a om songinan o Payou*. Cerita ini mengisahkan tentang seorang pemuda yang memberitahu seorang perempuan bernama Rara’a tentang kematian suaminya. Pemuda ini bersifat rasional semasa memberitahu Rara’a kematian rusa iaitu suami kepada Rara’a dengan bukti yang kukuh. Pemuda itu memberi bukti kulit rusa yang dijumpainya tersangkut atas dahan pokok yang dibaham oleh harimau. Pada mulanya, Rara’a tidak mempercayai kata-kata pemuda itu, namun dengan bukti yang kukuh itu menyebabkan akhirnya Rara’a bersikap rasional dengan mempercayai bahawa suaminya yang seekor rusa telah meninggal dunia dibaham harimau. Maka dengan ini, kita dapat melihat bahawa pemuda dalam cerita ini

bersikap rasional semasa memberitahu Rara'a tentang kematian suaminya rusa dengan bukti yang kukuh yang membuat Rara'a mempercayai beliau.

Selain itu, pengkaji juga mendapat bahawa nilai rasional ini dapat dilihat menerusi satu cerita dalam cerita rakyat Kadazandusun ini yang bertajuk *Kolibambang* dalam jadual di bawah:

Jadual 5.0: Contoh petikan cerita *Kolibambang* yang menyelitkan unsur rasional.

Nilai Pendidikan	Petikan Cerita Rakyat	
Nilai Rasional	Bahasa Kadazandusun	Bahasa Melayu
i. Nilai rasional menerusi alasan dan bukti yang kukuh	<p><i>“Amu po noompusan o boros di kolimbang nga, okuros nopo I kompios do minanangkus o minuli id walai do minooi pogihum do tau’ korikot do hiri walai, kokito no I Gompios do tau’ di alasu po tomod. Onuo tomod di Gompios I tau’om maai no dau pimbabalai.”</i></p> <p><i>(Rabina Ariu, 2016: 40)</i></p>	<p>“Belum pun sempat rama-rama menghabiskan kata-katanya, sepiantas kilat Gompios berlari balik ke rumah untuk mencari abu. Setelah dirumahnya, Gompios terlihat abu yang masih panas. Dia mengambil abu itu dan memakannya.</p>

Jadual di atas menunjukkan seekor Gompios yang menginginkan gigi hitam halus seperti rama-rama miliki. Hal ini berlaku apabila Gompios tertarik dengan gigi Rama-rama yang berwarnahitam berkilat, kuat dan cantik. Tertarik dengan gigi Rama-rama yang cantik berwarna hitam itu membuat Gompios bertanya kepada rama-rama cara dia mendapatkan gigi yang cantik seperti itu. Walaupun pada mulanya, Rama-rama malu untuk memberitahunya namun setelah dipaksa oleh Gompios akhirnya memberitahu rahasia beliau cara mendapatkan gigi yang hitam



dan berkilat itu. Rama-rama memberitahu Gomprios itu bahawa dia menggunakan arang hitam untuk membuat giginya yang hitam, berkilat dan kuat itu. Setelah berpikir secara rasional dengan mendapat bukti yang kukuh akhirnya Gomprias sepantas kilat pulang ke rumahnya untuk mencuba rahasia yang diberitahu oleh Rama-rama. Menerusi petikan dalam jadual itu, kita dapat melihat bahawa Gomprias tergesa-gesa balik kerumahnya setelah mendapat bukti yang kukuh untuk melakukan sesuatu yang diinginkannya. Oleh itu, pengkaji dapat merumuskan bahawa nilai rasional ini juga boleh dipraktikkan semasa kita membuat keputusan namun dengan alasan bukti yang kukuh seperti yang ditunjukkan oleh Gomprias dalam cerita *Kolibambang* ini.

Berdasarkan analisis yang dijalankan oleh pengkaji menerusi nilai rasional ini, pengkaji mendapati bahawa nilai ini dapat dikaitkan dengan penggunaan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral. Hal ini kerana, peristiwa-peristiwa yang berlaku menerusi ceritayang dipilih yang mempamerkan unsur rasional yang menjadikan hal ini sebagai pengalaman- pengalaman hidup manusia. Hal ini disokong oleh Hashim Awang (1999), beliau menyatakan bahawa pendekatan moral ini didasari oleh penggunaan gunaan iaitu berupa kejadian, namun dalam konteks ini pendekatan moral ini bukan lagi berbentuk sesuatu objek atau alat yang menyamai alat atau benda yang memberikan kegunaan tetapi sesuatu kejadian yang bersifat pengalaman hidup manusia. Dalam konteks ini, pengalaman yang dihadapi manusia yang menyelitkan unsur rasional dalam cerita yang dipilih oleh pengkaji juga akan menunjukkan sikap moral yang baik mahupun buruk. Hal ini dapat dilihat menerusi konsep yang diterangkan seperti di atas iaitu nilai rasional menerusi alasan dan bukti yang kukuh, seorang individu yang berpendidikan akan



sentiasa berfikir rasional sebelum melakukan sebuah perkara serta akan memandang dari sudut positif dan negatif.

#### **4.6 Nilai Kerjasama**

Nilai kerjasama juga salah satu nilai penting dalam nilai pendidikan bagi mencapai tujuan yang diinginkan. Hal ini kerana, tanpa kerjasama dalam sebuah kumpulan matlamat yang diinginkan tidak akan tercapai. Kerjasama ini dapat didefinisikan sebagai membantu atau bergabung dengan individu mahupun secara kumpulan untuk sama-sama memberikan sokongan dalam membuat sebuah kerja. Kerjasama ini juga bermakna menawarkan bantuan kepada orang lain, oleh itu kerjasama selalunya dikaitkan dengan perpaduan dan kemurahan hati seseorang. Seterusnya, menurut Norita Ariffin dan Hashim Musa (2008), kerjasama ini bermaksud sebuah tindakan yang dilakukan secara bersama-sama pada peringkat individu serta golongan masyarakat dalam melakukan sesuatu kerja atau tujuan yang memerlukan orang ramai yang memberikan kepentingan kepada semua orang. Hal ini dilakukan bagi memudahkan sesuatu kerja apabila dilakukan secara bersama-sama dengan orang lain. Menerusi penerangan maksud berkaitan dengan kerjasama yang dibincangkan, pengkaji dapat merumuskan secara keseluruhannya bahawa kerjasama ini merupakan satu bentuk tanggungjawab yang seharusnya dilakukan oleh individu mahupun masyarakat tidak mengira bangsa, agama dan keturunan. Ini kerana nilai kerjasama ini merupakan nilai pendidikan yang akan membawa kepada perpaduan sebuah komuniti yang bertolak ansur, saling menghormati salah satu dan lebih menyemarakkan lagi perpaduan antara satu sama lain. Melalui nilai kerjasama

ini, pengkaji akan membincangkan kerjasama menerusi ikatan persaudaraan dan kerjasama menerusi perpaduan dan toleransi berdasarkan contoh petikan dalam jadual yang disediakan.

#### **4.6.1 Kerjasama Menerusi Ikatan Bersaudaraan**

Ikatan persaudaraan ini merupakan sebuah hubungan yang sememangnya tidak akan pernah terputus dan saling memerlukan satu sama lain untuk bekerjasama dalam melakukan sesuatu perkara yang memberikan faedah dan kepentingan antara satu sama lain. Bukan itu sahaja, ikatan persaudaraan ini juga dapat dilihat menerusi hubungan yang akrab ataupun rapat antara masyarakat yang akan membentuk sebuah masyarakat yang aman dan harmoni. Hal ini disokong oleh Kamus Dewan Edisi Keempat (2016), yang mengatakan bahawa nilai kerjasama menerusi persaudaraan ini adalah perhubungan dengan orang lain seperti saudara dan mempunyai ikatan keluarga yang rapat. Hal ini kerana, pengkaji menyimpulkan bahawa hubungan yang rapat antara satu sama lain sama ada mempunyai ikatan kekeluargaan mahupun tidak merupakan satu contoh saudara kandung yang akan saling bekerjasama untuk membentuk sebuah masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Menerusi pernyataan ini, pengkaji akan membincangkan kerjasama menerusi ikatan persaudaraan kepada dua bahagian iaitu kerjasama ikatan persaudaraan berkait dengan ikatan kekeluargaan dan juga orang asing antara satu sama lain, antara contoh cerita yang pengkaji dapati terdapat kerjasama antara manusia yang mempunyai ikatan kekeluargaan terdapat dalam cerita *Rumpad Nipon* seperti jadual berikut:

Jadual 5.1: Contoh petikan cerita *Rumpad Nipon* yang menyelitkan unsur kerjasama.

Nilai Pendidikan	Petikan Cerita Rakyat	
Nilai Kerjasama	Bahasa Kadazandusun	Bahasa Melayu
i. Nilai Kerjasama Menerusi ikatan Bersaudaraan	<p><i>“Oruuhai I Tomou Langou om i Pidot Songsong do kopongo do kalaja tu’ okoris kopio kinouluno’om kasaasari do miuhup do mongimburu do timburuon id tumo. Ayayo daa maha diolo do mindahu nga tamaha di kohoro-horoon.”</i></p> <p><i>(Santim Yukim, 2016: 40)</i></p>	<p>“Tomou Langau dan Pidot Songsong dapat menyiapkan kerja dengan pantas kerana tubuh mereka kuat dan bekerjasama dalam membuat kerja-kerja di huma. Mereka berdua kuat kerja di huma tapi sangat kedekutdengan hasil yang mereka perolehi.”</p>

Jadual di atas merupakan sebuah contoh petikan yang diambil dari cerita Kadazandusun yang bertajuk *Rumpad Nipon* yang menunjukkan kerjasama yang baik antara dua adik-beradik yang bernama Tomou Langou dan Pidot Songsong. Cerita ini mengisahkan dua adik-beradik anak yatimpiatu kerana ibubapa mereka meninggal dunia disebabkan penyakit. Disebabkan desakan ini, Tomou Langou dan Pidot Songsong terpaksa bekerja sama mengusahakan tanah peninggalan ibu bapa mereka dari kecil lagi untuk mendapatkan sesuap nasi. Pada mulanya, mereka mengusahakan tanah peninggalan ibu bapa hanya untuk mengisi perut namun apabila keduanya meningkat dewasa mereka telah mendapat idea dengan membuka tanah lain yang ditinggalkan keluarga sebagai satu perniagaan. Hubungan kekeluargaan yang erat antara dua beradik ini menyebabkan mereka dapat bekerjasama dengan baik sehingga akan menjadi orang kaya di kampungnya. Melalui jadual di atas juga,

pengkaji dapat menjelaskan bahawa kerjasama antara dua beradik ini juga salah satu penyebab kerja mereka dapat berjalan dengan lancar sehingga membuat mereka kaya.

Selain itu, kerjasama menerusi ikatan persaudaraan ini juga dapat dilihat menerusi hubungan antara sama lain individu yang tidak mempunyai ikatan kekeluargaan contohnya dalam cerita yang bertajuk *Sugaring Tangkayau* seperti dalam jadual dibawah:

Jadual 5.2: Contoh petikan cerita *Sugaring Tangkayau* yang menyelitkan unsur kerjasama.

Nilai Pendidikan	Petikan Cerita Rakyat	
Nilai Kerjasama	Bahasa Kadazandusun	Bahasa Melayu
ii. Nilai Kerjasama Menerusi Ikatan Bersaudaraan	<p><i>“Okito ku do atangkangau kopio ko do magasak. Mokisapul ko daa doh?”</i>  <i>“Kawasa nogi. Kano pissopulai kito do magasak,”</i>  <i>ka di Yanakanak do otolid kopio o kinoulunon. “Oo, nga pogulu po do mokisada, kibito po doho ititanak ku,”</i>  <i>ka di sumandak do miampai do ponipotunui di tanak di poimbabo dau do kumaa di Yanakanak.</i></p> <p><i>(Solomiah Gurinput, 2016:39)</i></p>	<p>“Nampaknya awak sibuk sangat menangkap ikan. Nak saya tolongkah?”. “Boleh juga, marilah kita sama-sama menangkap ikan,” kata Yanakanak yang lurus bendul orangnya. “Baiklah, tapi sebelum menangkap ikan, tolonglah dukung sebentar anakku ini,” kata gadis sambil menghulurkan anak yang dikendongnya kepada Yanakanak.</p>

Jadual di atas menunjukkan nilai kerjasama antara dua individu yang tidak mempunyai hubungan kekeluargaan yang saling bekerjasama untuk mendapatkan

sesuatu perkara yang memberikan faedah antara satu sama lain. Menerusi cerita ini, kita dapat melihat bahawa cerita ini mengisahkan tentang dua individu yang saling tidak mengenal antara satu sama lain, namun saling berkerjasama iaitu Seorang gadis yang menghulurkan bantuan kepada seorang lelaki yang bernama Yanakanak semasa menangkap ikan. Kerjasama antara gadis itu dan Yanakanak telah menyebabkan Yanakanak mendapat banyak ikan. Hal ini kerana, sebelum ini Yanakanak pergi menangkap namun tidak mendapat jumlah yang banyak seperti yang dia perolehi semasa bekerjasama dengan gadis itu. Hal ini dapat dibuktikan menerusi jadual di atas apabila gadis itu melibaskan kainnya dan menangkap banyak ikan ditambah lagi hasil tangkapan Yanakanak sebelum itu. Maka dengan ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa nilai kerjasama ini dapat dilakukan antara satu sama lain tanpa mengira apa sahaja hubungan kerana kerjasama ini mampu membentuk sebuah ikatan persaudaraan antara satu sama lain menerusi kerjasama yang memberikan faedah dan kepentingan antara satu sama lain.

#### **4.6.2 kerjasama Menerusi Perpaduan Masyarakat**

Nilai kerjasama juga mampu dilihat menerusi perpaduan masyarakat dalam mewujudkan tujuan yang masyarakat mahukan. Hal ini kerana, dalam kerjasama antara masyarakat akan terbentuk perpaduan yang membentuk sebuah komuniti yang harmoni dan aman. Menerusi perpaduan ini, masyarakat secara tidak langsung akan membentuk sebuah sikap yang membawa kepada perpaduan iaitu toleransi. Maksud toleransi ialah satu sikap yang akan mewujudkan kesefahaman yang baik dalam menjalani kehidupan masyarakat. Manakala menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2016), perpaduan membawa maksud kepada pergabungan satu komuniti

kepada satu komuniti menerusi nilai kerjasama yang dilakukan oleh masyarakat yang saling bertolak ansur dalam kehidupan bermasyarakat terutamanya masyarakat majmuk. Oleh itu, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kerjasama menerusi perpaduan masyarakat ini sebuah kesepakatan dalam sebuah komuniti masyarakat yang saling membantu dalam menjalankan aktiviti antara satu sama lain yang membentuk sebuah perpaduan dan madani dalam sebuah masyarakat.

Nilai kerjasama menerusi perpaduan masyarakat ini dalam dilihat dalam cerita yang dianalisis oleh pengkaji yang bertajuk *Potiukan* berdasarkan jadual di bawah:

Jadual 5.3: Contoh petikan cerita *Potiukan* yang menyelitkan unsur kerjasama.

Nilai Pendidikan	Petikan Cerita Rakyat	
Nilai Kerjasama	Bahasa Kadazandusun	Bahasa Melayu
iii. Nilai kerjasama menerusi perpaduan masyarakat	<p><i>“Kopupusai I tondig dau nga ohugud nopo I kilau podos do ruminikot do minongoi pintangau di parai. Amu I’ nokirapan do mato om nokotonduli no ngawi I parai do hiri’ d torutip. Kokito no diboyoon om poboros no, “Atukoi, om oruhai ko no kopio do minomuhu dili parai!”.</i></p> <p><i>(Sanggim Sungkoling, 2016: 90)</i></p>	<p>“Sebaik sahaja selesai menyanyi, tiba-tiba semut api berduyun- duyun datang menggonggong padi itu. Dalam sekelip mata sahaja semua padi itu telah berada dalam kepuk. Melihat keadaan itu, ketua rumah pun berkata, “Amboi, cepat juga awak kutip padi itu.</p>



Berdasarkan contoh petikan cerita bertajuk *Potiukan* yang dianalisis oleh pengkaji menerusi cerita rakyat Kadazandusun ini, sudah terang memperlihatkan sikap kerjasama yang ditunjukkan oleh sekumpulan semut api. Kerjasama menerusi perpaduan ini bukan sahaja terjadi dalam masyarakat namun turut berlaku dalam golongan binatang seperti semut api. Menerusi petikan dalam jadual berikut, pengkaji dapat membahaskan bahawa sekumpulan semut merah telah menolong seorang lelaki bernama Goroi yang memerlukan bantuan untuk mengutip padi. Semua ini berlaku atas dua dasar iaitu perpaduan kuat antara kumpulan semut itu dengan lelaki yang memerlukan bantuan itu. Hal ini kerana, perpaduan yang kuat antara semut menyebabkan kumpulan semut ini berkerjasama antara satu sama lain untuk membantu Goroi yang sekaligus membentuk perpaduan antara kumpulan semut api merah dengan Goroi. Dasar kedua yang menyebabkan kumpulan semut api merah ini menolong Goroi kerana sikap toleransi yang dimiliki oleh sekumpulan semut api itu. Menerusi petikan dibatas, pengkaji dapat melihat kesepakatan antara dua pihak iaitu Goroi dengan sekumpulan semut api dalam bekerjasama dalam mengutip padi seperti yang disuruh oleh tuan rumah dalam cerita ini. Oleh itu, hal ini dapat dirumuskan bahawa kerjasama ini bukan sahaja membentuk perpaduan antara satu sama lain seperti Goroi dengan sekumpulan semut api malahan ia juga membawa kesepakatan yang memudahkan sebuah kerja dilakukan dengan cepat seperti yang diperlihatkan dalam petikan di atas.

Sehubungan dengan itu, pengkaji dapat merumuskan bahawa nilai kerjasama ini bertunjangan pendekatan moral yang terkandung dalam teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini kerana, menurut Hasyim Awang (2002), pendekatan moral ini satu pendekatan yang pengisiannya peristiwa-peristiwa serta maklumat diri



yang melibatkan persekitaran iaitu pengalaman dan kejiwaan manusia dari sudut moral yang positif dan negatif. Dalam konteks ini, nilai kerjasama menerusi konsep yang dibincangkan iaitu nilai kerjasama menerusi persaudaraan dan perpaduan dalam masyarakat ini dapat dipamerkan bahawa terdapat pengalaman dan peristiwa yang telah dilalui oleh masyarakat semasa bekerjasama antara satu lain yang akan membawa kepada perpaduan. Oleh itu, pengkaji dapat membuktikan bahawa nilai kerjasama ini bertunjangan dengan pendekatan moral kerana adanya pengalaman-pengalaman sama ada dari segi positif atau negatif yang berdasarkan moral.

#### **4.7 Nilai Hemah Tinggi**

Nilai hemah tinggi juga salah satu pemacu dalam pendidikan pada masa kini. Individu yang mengamalkan sikap hemah tinggi merupakan seorang individu yang berfalsafah tinggi dan berwawasan dalam kehidupan. Hal ini kerana, hemah tinggi ini merangkumi perilaku individu yang terpuji seperti bersikap sopan santun serta mengakui kesalahan yang dilakukannya. Hal ini disokong kuat oleh Tajul Arifin Nordin (1992), menurut beliau nilai hemah tinggi bermaksud seorang individu yang mempunyai perilaku dan sikap yang berbudi pekerti, sopan santun dan lemah lembut yang mampu menarik perhatian atau menjalin hubungan yang baik dengan orang sekelilingnya. Individu yang berhemah tinggi juga memiliki pemikiran yang aras tinggi dalam menangani masalah yang dihadapi serta dapat menyelesaikan dengan baik. Oleh itu, pengkaji dapat menyimpulkan secara keseluruhan maksud nilai hemah tinggi merupakan individu yang mempunyai perilaku yang sopan santun, berbudi pekerti dalam pergaulan terhadap masyarakat sekeliling serta

mampu menyelesaikan masalah dengan tenang yang menyebabkan individu ini disanjung dan dihormati oleh orang sekelilingnya.

#### **4.7.1 Hemah Tinggi Menerusi Sikap Menangani Masalah**

Nilai hemah tinggi ini juga dapat dilihat menerusi sikap yang dimiliki oleh individu semasa menangani masalah. Ini kerana apabila seorang individu menghadapi masalah maka kita dapat melihat cara individu berkenaan dalam menangani masalah yang dihadapinya sama ada dalam keadaan tenang mahupun serabut, bertindak meluluh tanpa usul periksa dan mengeluarkan perkataan yang kesat. Hal ini kerana, individu yang berhemah tinggi akan berfikir panjang dan memastikan setiap perkara yang dilakukan tidak akan mendatangkan masalah yang buruk pada masa depan.

Dalam pada ini, pengkaji mendapati sikap individu yang berhemah tinggi dalam menangani masalah ini terdapat dalam cerita rakyat Kadazandusun yang bertajuk *Kolibambang* seperti dalam jadual di bawah:

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Jadual 5.4: Contoh petikan cerita *Kolibambang* yang menyelitkan unsur hemah tinggi.

Nilai Pendidikan	Petikan Cerita Rakyat	
Nilai Hemah Tinggi	Bahasa Kadazandusun	Bahasa Melayu
<p>i. Nilai hemah tinggi menerusi menangani masalah</p>	<p><i>“Hiri nopo ginawo dau nga momusorau do ingkukuro domoguhup di Kindauh, sumandak di noimuri di Gompios. Noilaan no di kolibambang o kowowoyoon di Gompios tu’ nokosolowot no yau Kindauh. “Maai no posunudo’ doho, “ka di Gompios do amu no kaandad-andad. “Otopot nopo nga, oitom o nipon ku sabap do mangakan oku do tau’ it alasu po kopio.” Kaka di kolibambang.</i></p> <p><i>(Rabian Ariu, 2016:89)</i></p>	<p>“Di dalam hatinya sedang mencari akal untuk membantu Kinduah, gadis yang diseksa oleh Gompios. Rama –rama yang besar itu telah pun mengetahui kelakuan Gompios kerana dia sudah bertemu dengan Kindauh. “Beritahulah aku,” pujuk Gompios dengan tidak sabar lagi. “Sebenarnya, gigiku hitam kerana memakan abu yang masih panas”, kata rama-rama.</p>

Menerusi petikan cerita *Kolibambang* seperti dalam petikan di atas, kita dapat melihat bahawa watak dalam cerita ini menggunakan sikap hemah tinggi semasa menghadapi masalah. Petikan di atas menunjukkan seekor binatang yang bernama Gompios bersikap hemah tinggi semasa menangani masalah, hal ini dapat dilihat apabila Rama-rama mencari akal terlebih dahulusemasa menghadapi Gompias yang memang sudah terang membuli seorang gadis yang bernama Kindauh. Rama-rama telah menghadapi Gompias itu dengan tenang tanpa mengeluarkan kata-katayang kesat walaupun sakit hati kerana Gompias membuli sahabatnya Kindauh.

Contohnya, Rama- rama mencari akal untuk membalas perbuatan Gompias itu dengan memberitahu bahawa giginyahitam berkilat kerana menggunakan arang yang masih panas. Perbuatan Rama-rama ini menunjukkan bahawa ia bersikap hemah tinggi semasa menangani masalah dengan berpikir secara logik tanpa mengeluarkan kata-kata menyinggung perasaan orang sekeliling.

#### **4.7.2 Hemah Tinggi Menerusi Perilaku yang Sopan Santun**

Individu yang bersikap hemah tinggi juga dapat dilihat menerusi perilaku yang sopan santun dalam pergaulan harian. Menurut Hashim Musa (2008), sopan santun ini bermaksud sebuah perlakuan yang lemah lembut, beradab dan bertatatusila dalam pergaulan ataupun percakapan individu dalam kehidupan harian semasa dalam kalangan masyarakat. Bukan itu sahaja, kesopanan ini bermaksud perihal yang berkaitan dengan adat sopan santun, tingkah laku yang baik serta peradaban. (Kamus Dewan Edisi keempat, 2016). Oleh itu pengkaji dalam merumuskan bahawa sikap sopan santun ini sebagai individu yang mempunyai sikap yang lemah lembut, tingkah laku yang mulia, beradab tinggi tidak mengira status orang yang disekelilingnya.

Dalam konteks ini, sikap santun terpancar dalam sebuah cerita rakyat Kadazandusun yang bertajuk *Buayo Sumiliu do Tulun* seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 5.5: Contoh petikan cerita *Buayo Sumiliu do Tulun* yang menyelitikan unsur hemah tinggi.

Nilai Pendidikan	Petikan Cerita Rakyat	
Nilai Hemah Tinggi	Bahasa Kadazandusun	Bahasa Melayu
ii. Nilai hemah tinggi menerusi sopan-santun	<p><i>“Kopongo do monongkiboros di molohingan kampung dii, om ongoi no yau intutun om ambalut di tongoulun do hiri tu’ poingingisnopo kasari.”</i></p> <p><i>(Abong Ungget, 2016: 76)</i></p>	<p>“Setelah puas berbual dengan ketua kampung, baharulah pemuda itu beramah mesra dan menyantuni penghuni-penghuni di rumah panjang itu. Penghuni rumah panjang itu sangat baikhati dan peramah.”</p>

Berdasarkan jadual di atas, hemah tinggi menerusi sikap sopan santun ini dapat digambarkan menerusi watak pemuda yang sangat berkelakuan sopan santun dengan penghuni- penghuni rumah panjang itu. Cerita ini mengisahkan tentang seorang pemuda yang baik dari segi perlakuannya dan percakapan dengan orang sekelilingnya. Hal ini terbukti apabila beliau puas berbual ketua kampung di kampung itu, beliau tidak lupa menegur ataupun menyantuni penghuni lain di rumah panjang itu. Bukan itu sahaja, penghuni-penghuni rumah panjang itu bersikap sopan santun, ini kerana penghuni kampung menyambut tetamu dengan baik sekali dengan layanan yang baik. Penghuni-penghuni rumah panjang itu sangat menjaga adab semasa bercakap dan melayani pemuda itu walaupun pemuda orang asing bagi mereka. Begitu juga dengan pemuda itu, beliau sangat menjaga perilakunya dan percakapan agar tidak menyinggung mana-mana penghuni rumah panjang itu. Oleh

itu, dapat dirumuskan bahawa hemah tinggi menerusi sikap sopan santun ini dapat dilihat menerusi watak pemuda dalam cerita ini mahupun penghuni rumah panjang ini yang saling menyantuni antara satu sama lain.

#### **4.7.3 Hemah Tinggi Menerusi Sikap mengakui kesalahan**

Individu yang mengakui kesalahan dengan mudah juga seorang individu yang memiliki nilai hemah tinggi dalam dirinya. Mengakui kesalahan ini merupakan perkara yang tidak mudah kerana kebanyakan masyarakat mempunyai ego yang tinggi yang menyebabkan individu itu tidak mengakui kesalahan yang dibuatnya. Dalam konteks ini, “mengakui” merupakan individu yang mengaku akan kesalahan, mengangkap sesungguhnya atau menyatakan sesuatu perkara buruk yang menyebabkan orang lain kesusahan. Manakala menurut Siti Rabiatul Adawiah Jaffar (2013), kesalahan merupakan satu perbuatan yang buruk terhadap individu yang lain ataupun didapati bersalah kepada orang sekeliling. Lantaran itu, hemah tinggi menerusi mengakui kesalahan ini merupakan individu yang ikhlas yang mengaku semua kesalahan yang dilakukannya dan berjanji tidak akan mengulanginya lagi.

Rentetan itu, hemah tinggi menerusi mengakui kesalahan ini dapat dilihat dalam cerita rakyat Kadazandusun yang bertajuk *Potiukan* seperti jadual di bawah:

Jadual 5.6: Contoh petikan cerita *Potiukan* yang menyelitkan unsur hemah tinggi.


Nilai Pendidikan	Petikan Cerita Rakyat	
Nilai Hemah Tinggi	Bahasa Kadazandusun	Bahasa Melayu
iii. Nilai hemah tinggi menerusi mengakui kesalahan	<p><i>Mudukut no kak I sumandak om simbar no, "Minooi daa yahai pimposu dii nga otingayaman oku dii do dumandan tu'amu hino ii doho pogintuuhan." "Om araat no'd olimon, yoho I' minongoi di gonob nu nga amu ku dia patahakan nung amu ko no tumanud doho do muli id walaiku," kaka di Goroi do suminimbar.</i></p> <p>(Sanggim Sungkoling, 2016:34)</p>	<p>"Gadis itu tunduk malu lalu menjawab," kami pergi mandi tetapi kini aku malu keluar kerana kehilangan baju." "Tidak eloklah berbohong, sebenarnya akulah yang menyembunyikan sarungmu tetapi aku tidak akan berikan sekiranya awak tidak mengikutiku pulang rumah." "masih panas", kata rama-rama.</p>

Petikan dalam jadual di atas menunjukkan sikap seorang lelaki yang bernama Goroi yang mengakui kesalahan terhadap seorang gadis berbuat jahat kepada gadis itu semasa mandi di sungai. Cerita ini mengisahkan sekumpulan gadis yang sangat rupawan dari kayangan turun ke bumi untuk mandi-manda di sungai. Namun kegembiraan kumpulan puteri kayangan ini berakhir apabila mereka siap mandi selendang si adik hilang. Hal ini menyebabkan gadis yang kehilangan selendang terpaksa tidak mengikut kakaknya lain untuk pulang ke kayangan. Selang beberapa minit puteri yang lain bergerak pulang, Goroi pun muncul dan mengakui



bahawa dialah yang mencuri atau menyembunyikan selendang gadis itu. Contohnya, Goroi memohon maaf kepada gadis itu kerana mengambil selendangnya dan berjanji tidak akan mengulangi perbuatannya itu. Secara keseluruhannya, kita dapat melihat bahawa Goroi memiliki nilai hemah tinggi dengan mengakui kesalahannya iaitu mengambil selendang gadis itu.

Secara keseluruhannya, pengkaji dapat membuktikan nilai hemah tinggi ini melalui menangani masalah, sikap sopan santun dan mengakui kesalahan ini menyelitkan pengalaman-pengalaman manusia dalam kehidupan harian sama ada dari sudut positif ataupun negatif yang menjadi teladan dalam kehidupan manusia. Rentetan itu, hal ini dapat selari dengan pendekatan moral yang terkandung dalam teori Pengkaedahan Melayu yang berlandaskan pengalaman hidup yang dijadikan sebagai satu asas pengajaran dan pengetahuan dalam genre-genre sastera. Lantaran itu, nilai hemah tinggi menerusi sopan santun ini juga bertepatan dengan pendekatan moral kerana pendekatan ini bertujuan untuk membentuk sebuah masyarakat mahupun komuniti yang bersikap positif rentetan daripada pengalaman yang di pelajari manusia dalam cerita-cerita Kadazandusun ini dari alam sekitar dan pengalaman-pengalaman dalam cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji. Oleh itu, hal ini dapat disimpulkan bahawa nilai hemah tinggi merupakan sebuah pendoman dan pengajaran berdasarkan moral yang terdapat cerita rakyat Kadazandusun yang berkait dengan pendekatan moral yang bersifat daripada pengalaman-pengalaman manusia dalam kehidupan harian yang dilalui.



Rajah 4.2: Analisis jumlah nilai yang digunakan dalam setiap cerita rakyat Kadazandusun.

Cerita	Tajuk Cerita Rakyat	Cerita	Tajuk Cerita Rakyat
1	<i>Yanakanak om Rogon Gayo</i>	9	<i>Rumpad Nipon</i>
2	<i>Tutod om Kara</i>	10	<i>Kolibambang</i>
3	<i>Potiukan</i>	11	<i>I Poinuun om I Poundapu</i>
4	<i>Saai om Biik</i>	12	<i>Nontodon do Toru om Pongidu do Toru</i>
5	<i>I Maki do Gobulan</i>	13	<i>I Rara'a om Songinan o Payou</i>
6	<i>Buayo Sumiliu do Tulun</i>	14	<i>Sugaring Tangkayau</i>
7	<i>Bootiza</i>	15	<i>I Landang om I Mandatan</i>
8	<i>Tadau om Wulan</i>		

Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati nilai kerajinan ini paling banyak digunakan melalui cerita *I Maki do Gobulan* sebanyak 4 kali. Manakala, nilai keberanian digunakan sebanyak 4 kali dalam cerita *Buayo Sumiliu do Tulun* dan *Tadau om Wulan*. Manakala nilai rasional dan kerjasama paling banyak digunakan dalam cerita *Potiukan* dan *Nontodon do Toru om Pongidu do Toru*, masing-masing 3 dan 4 kali digunakan. Akhir sekali nilai hemah tinggi banyak dipaparkan dalam cerita

om Kara sebanyak 4 kali. Oleh itu, pengkaji dapat merumuskan bahawa nilai pendidikan ini masih banyak digunakan dalam cerita rakyat terutamanya cerita rakyat Kadazandusun.

#### **4.8 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, bab 4 ini dapat dirumuskan sebagai bahagian untuk menganalisis dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji. Dalam konteks ini, pengkaji telah mendapati bahawa teks *Tinimungan Tangin Kadazandusun* (Himpunan Cerita Kadazandusun) ini sepenuhnya memaparkan nilai pendidikan berdasarkan nilai kerajinan, nilai keberanian, nilai rasional, nilai kerjasama dan juga nilai hemah tinggi. Bukan itu sahaja, cara penceritaan setiap tajuk yang dipilih juga mudah difahami untuk di analisis menerusi pendekatan moral yang terkandung dalam teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini kerana, setiap cerita ini menunjukkan unsur alam yang bersifat pengalaman manusia tidak kira dari jenis cerita binatang, asal usul, mitos mahupun penglipur lara. Hal ini dapat dikaitkan dengan pendekatan moral kerana menurut Hashim Awang (2002), pendekatan moral merupakan satu kejadian atau objek sama seperti pendekatan gunaan namun kejadian ini berlandaskan moral yang tidak lagi sesuai dengan pengalaman seseorang dalam sebuah keadaan. Oleh itu, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa nilai pendidikan yang terdapat dalam teks *Tinimungan Tangin Kadazandusun* (Himpunan Cerita Kadazandusun) ini begitu relevan pada masa ini dan wajar menjadi teladan kepada masyarakat yang ingin mencapai kejayaan dalam kehidupan.

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Bab 5 ini merupakan bab terakhir dalam kajian projek penyelidikan kajian yang disediakan oleh pengkaji ini. Dalam konteks ini, bab 5 ini bertujuan untuk merumuskan keseluruhan analisis, dapatan dan perbincangan yang dibahaskan dalam kajian ini. Bukan itu sahaja, bab ini juga akan merumuskan tentang implikasi serta cadangan daripada pelbagai pihak seperti orang awam, kerajaan, industri dan juga pengkaji lain berkaitan dengan kajian pengkaji ini. Hal ini bagi memudahkan dan membantu pengkaji-pengkaji generasi yang akan datang untuk menghasilkan kajian yang berkaitan dengan kajian pengkaji ini dengan baik.

#### 5.2 Rumusan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini adalah sebuah analisis nilai pendidikan yang terdapat dalam *Tangon-tangon* (cerita rakyat Kadazandusun) menerusi pendekatan moral yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Analisis pendidikan ini dilakukan menerusi teks *Tinimungan Tangon Kadazandusun* (Himpunan Cerita Kadazandusun) yang dibukukan oleh Minah Sintian dan Rosliah Kiting. Menerusi analisis ini, pengkaji mendapati bahawa cerita rakyat Kadazandusun yang dibukukan oleh Minah Sintian Rosliah Kiting ini menunjukkan dan menanamkan nilai-nilai pendidikan sebuah teks cerita rakyat yang dianalisis oleh pengkaji. Rentetan itu, setiap nilai pendidikan yang ditunjukkan dalam cerita rakyat ini sememangnya penting bukan hanya sekadar hiburan semata-mata namun untuk

memberikan teladan dan pengajaran kepada orang ramai terutamanya kanak-kanak bagi membentuk jati diri mereka apabila dewasa nanti.

Objektif pertama kajian ini adalah mengelaskan jenis-jenis cerita-cerita rakyat Kadazandusun yang terdapat dalam *Tinimungan Tangon Kadazandusun* (Himpunan Cerita Kadazandusun). Melalui teks ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa terdapat empat jenis-jenis cerita ini antaranya ialah cerita binatang, asal-usul, mitos dan juga penglipur lara menerusi 15 cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji. Secara keseluruhan, dapatan kajian pengkaji menunjukkan bahawa cerita rakyat Kadazandusun ini bukan hanya tertumpu kepada satu jenis sahaja namun ia juga mempunyai pelbagai jenis seperti yang ditunjukkan dalam teks kajian pengkaji ini. Hal ini bagi memberikan pendedahan kepada masyarakat bahawa cerita rakyat ini bukan hanya tertumpukepada manusia malahan kepada binatang dan asal-usul sebuah terjadinya sebuah perkara. Hal inijuga akan membantu masyarakat untuk lebih memahami persekitaran bukan sahaja manusia namun persekitaran binatang.

Seterusnya, objektif kedua kajian ini juga dapat dirumuskan sebagai satu kajian dan analisis nilai pendidikan yang terdapat dalam cerita rakyat Kadazandusun berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu bagi memenuhi objektif kedua kajian ini. Kajian ini dapat dirumuskan bahawa terdapat pelbagai nilai pendidikan dalam setiap cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji namun pengkaji hanya mengambil lima nilai yang paling banyak digunakan dalam setiap cerita rakyat dalam teks *Tinimungan Tangon Kadazandusun* (Himpunan Cerita Kadazandusun) ini. Antara nilai yang diperolehi oleh pengkaji ialah nilai kerajinan, keberanian, rasional, kerjasama dan juga hemah tinggi. Menurut dapatan kajian ini, pengkaji mendapati cerita rakyat atau

*Tangon-tangon* ini banyak memaparkan kelima-lima nilai ini yang boleh dijadikan teladan dan pengajaran kepada orang ramai dalam menjalani kehidupan yang penuh mencabar kini. Setiap nilai pendidikan ini, pengkaji telah membahas nilai berdasarkan cerita rakyat yang menunjukkan unsur yang nilai pendidikan dengan disokong dengan tiga cerita setiap nilai bagi mengukuhkan lagi nilai pendidikan yang terdapat dalam cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji.

Menerusi kajian ini juga, pengkaji juga mengaplikasikan pendekatan moral yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Pendekatan moral dapat dirumuskan sebagai satu kejadian atau objek sama seperti pendekatan gunaan namun kejadian ini berlandaskan moral yang sesuai dipaparkan menerusi pengalaman seseorang. Hal ini diaplikasikan cerita-cerita rakyat yang terdapat dalam teks yang dipilih. Hal ini kerana, setiap cerita ini memaparkan pengalaman dan kejadian alam watak dalam cerita yang dipilih. Rentetan itu, setiap pengalaman yang terdapat dalam cerita rakyat ini memberikan nilai-nilai moral yang sekaligus nilai pendidikan kepada pembaca. Bukan itu sahaja, nilai pendidikan juga dapat membina kepribadian seseorang yang baik pada masa akan datang. Maka dengan itu, pengkaji dapat menyimpulkan secara keseluruhan bahawa kajian ini dijalankan bagi mengkaji nilai-nilai pendidikan yang terdapat dalam *Tangon-tangon* Kadazandusun yang membina jati diri seseorang berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu serta memenuhi kelompongan kajian lepas yang berkaitan dengan sastera lisan pada akan datang.

Manakala dari segi bidang sastera, hal ini akan memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang sastera lisan seperti cerita rakyat ini merupakan sebuah bidang sastera yang perlu diberi tumpuan sepenuhnya dan menggalakkan generasi akan datang lebih banyak melakukan penyelidikan yang berkaitan dengan sastera lisan iaitu cerita rakyat dikira cerita rakyat Kadazandusun mahupun Melayu. Rentetan daripada itu, pengkaji juga mengelaskan jenis-jenis cerita rakyat Kadazandusun berdasarkan teks yang dipilih bagi memenuhi objektif pertama kajian ini. Bukan itu sahaja menerusi mengelaskan jenis-jenis cerita rakyat Kadazandusun ini, hal ini akan membantu pengkaji agar lebih mudah memahami kajian ini dengan lebih mendalam dan membantu dalam menganalisis nilai-nilai pendidikan yang terdapat dalam teks yang dipilih menerusi pendekatan moral yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Oleh itu, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa cerita rakyat Kadazandusun yang disampaikan pada zaman ini mempunyai pelbagai jenis yang seperti dibahaskan iaitu cerita binatang, asal-usul, mitos dan juga penglipur bagi mengelakkan orang ramai mudah bosan dan hal ini juga bertujuan untuk memberikan pengajaran kepada masyarakat dari pelbagai sudut.

### **5.3 Implikasi Kajian**

Menerusi kajian ini, pengkaji juga mendapati bahawa kajian ini mempunyai impak yang ketara sama ada dari segi positif dan negatif yang berkaitan dalam bidang sastera yang berhubung dengan nilai-nilai pendidikan. Dalam konteks ini, pengkaji mendapati bahawa impak pemikiran setiap cerita rakyat Kadazandusun dalam teks *Tinimungan Tangon Kadazandusun* (Himpunan Cerita Kadazandusun) dilihat lebih



mengutamakan nilai-nilai pendidikan yang boleh dijadikan sebagai pedoman kepada masyarakat untuk membentuk jati diri yang lebih baik. Setiap nilai pendidikan yang diterapkan dalam cerita ini juga menunjukkan sebuah realiti kehidupan sebenar sama ada kehidupan manusia dan binatang. Hal ini kerana walaupun jenis cerita yang disampaikan dalam teks ini seperti binatang, manusia dan juga mistik namun matlamatnya hanya satu iaitu memperlihatkan nilai-nilai pendidikan yang boleh diteladani dalam kehidupan agar mencapai sebuah matlamat yang ditetapkan. Sastera lisan seperti cerita rakyat yang disampaikan oleh pencerita pada zaman dahulu ini bukan sahaja dianggap sebagai hiburan semata-mata namun cerita rakyat Kadazandusun atau *tangon-tangon* ini mempunyai mesej dan pengajaran yang disampaikan dalam kehidupan harian manusia. Sehubungan dengan itu, pengkaji mendapati bahawa cerita- cerita yang terdapat dalam teks yang dipilih ini menggambarkan kehidupan sebenar yang dihadapi manusia mahupun binatang yang menerapkan nilai-nilai pendidikan.

Selain itu, cara penceritaan setiap cerita rakyat ini juga memberi impak yang positif kepada pembaca cerita rakyat yang terdapat dalam teks *Tinimungan Tangon Kadazandusun* (Himpunan Cerita Kadazandusun). Cara penceritaan yang berulang-ulang serta menggunakan kata-kata yang manis, lembut dan juga nada yang berubah-ubah semasa menceritakan cerita ini sama ada secara lisan dan bertulis juga memberi kesedaran dan emosi kesedihan kepada para pembaca ataupun mendengar. Dari segi impak negatif pula, cara penceritaan ini juga menampilkan gambaran berperang antara satu lain atau membuli golongan lemah, hal secara tidak langsung akan menjadi iktikutan kepada masyarakat terutamanya golongan kanak-kanak yang

masih tidak boleh membezakan yang baik dan buruk suatu perkara.

Justeru itu, cara penceritaan cerita rakyat Kadazandusun ini juga tidak dapat dinafikan padat dengan elemen moral dan pendidikan. Rentetan itu, hal ini dapat menjadikan individu yang lebih matang dan mempunyai pemikiran yang luas dan terbuka dalam menghadapi cabaran dalam kehidupan seharian berhubung dengan nilai-nilai pendidikan yang diterapkan dalam teks yang dipilih oleh pengkaji. Oleh itu, secara keseluruhannya implikasi ini kajian dapat dirumuskan agar sastera lisan seperti cerita rakyat mampu dijadikan sebagai satu nasihat yang berguna kepada masyarakat bagi membetulkan kesalahan yang sering dilakukan dalam kehidupan manusia. Nilai-nilai pendidikan yang diterapkan dalam cerita rakyat Kadazandusun merupakan suatu perkara penting dalam membentuk jati diri masyarakat terutamanya kanak-kanak yang masih tidak dapat membezakan buruk dan baik suatu perkara dalam kehidupan ini.

#### **5.4 Cadangan daripada Hasil Kajian**

Sehubungan dengan dapatan kajian dan analisis yang dijalankan oleh pengkaji berdasarkan kajian ini, pengkaji akan mengetengahkan beberapa cadangan daripada pihak yang berkenaan seperti orang awam, kerajaan, industri dan juga pengkaji lain yang relevan dan boleh diguna pakai pada masa akan datang. Hal ini demikian kerana, nilai pendidikan yang terdapat dalam cerita rakyat Kadazandusun atau *tangon-tangon* dalam teks *Tinimungan Tangon Kadazandusun* (Himpunan Cerita Kadazandusun) ini dapat membentuk dan membina jati diri masyarakat agar lebih berbudi pekerti dari segi tingkah laku, pertuturan dan sebagainya. Dalam konteks

ini, pengkaji mendapati beberapa cadangan daripada hasil kajian yang sesuai dan bertepatan dalam membentuk akhlak moral generasi muda pada masa ini.

#### **5.4.1 Orang Awam**

Menerusi kajian ini, pengkaji dapat mengusulkan beberapa cadangan yang bersesuaian dengan tajuk kajian ini yang melibatkan orang awam. Antara cadangan pengkaji yang dikemukakan adalah orang awam menjadi penerus penyampai cerita rakyat yang diceritakan oleh nenek moyang kita. Dalam konteks ini, ibu bapa berperanan besar untuk menjadi teladan dan contoh kepada kanak-kanak zaman sekarang. Misalnya, ibu bapa menyampaikan cerita rakyat kepada anak-anak mereka sebelum tidur atau bila-bila sahaja sama seperti nenek moyang sampaikan pada zaman dahulu. Hal ini bertujuan agar masyarakat terutamanya kanak-kanak mengenal atau lebih menghargai cerita-cerita rakyat agar terus dikekalkan sehingga hari ini. Hal ini kerana, pada zaman sekarang kanak-kanak lebih terdedah dengan permainan atas talian berbanding dengan kanak-kanak zaman yang belum di dedahkan dengan permainan teknologi seperti sekarang.

Rentetan itu, pengkaji juga mencadangkan orang awam juga haruslah melibatkan diri dalam program-program yang berkaitan dengan kesusasteraan seperti Pertandingan Hikayat Cerita Rakyat yang diadakan oleh Pusat kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (UPM) pada tahun 2021 yang melibatkan orang awam. Tujuan pertandingan adalah mengekalkan cerita rakyat sekaligus menerapkan nilai-nilai

pendidikan yang ada dalam cerita itu dalam kehidupan seharian. Sehubungan itu, hal ini juga akan membantu orang awam dalam membina jati diri serta akan membantu masyarakat untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan untuk menjadi orang berjaya pada masa depan. Bukan itu sahaja, Penglibatan ini juga akan menyedarkan orang awam serta memahami lebih mendalam berkaitan dengan kepentingan mengekalkan cerita rakyat. Oleh itu, pengkaji berhadap agar orang awam bekerjasama dalam mengekalkan cerita rakyat bukan sahaja Kadazandusun namun cerita rakyat bangsa lain.

#### **5.4.2 Kerajaan**

Seterusnya, pengkaji juga akan mengemukakan cadangan yang melibatkan kerajaan. Antara peranan yang dapat dilakukan oleh kerajaan dalam menyumbang kepada pekekalan cerita rakyat adalah menerusi penganjuran program berkaitan dengan karya sastra rakyat yang melibatkan kepada cerita rakyat. Penganjuran program ialah sebuah cara yang dapat digunakan oleh kerajaan dalam memberi pendedahan kepada masyarakat berkaitan dengan cerita rakyat. Hal ini kerana, penglibatan masyarakat dalam program yang diadakan oleh kerajaan ini penting kerana cerita rakyat merupakan sebuah khazanah lisan sastra tradisional untuk didedahkan kepada generasi muda, khususnya pelajar sekolah bagi membantu pelajar membina jati diri menerusi nilai-nilai yang terdapat dalam cerita rakyat. Oleh itu, pengkaji dapat merumuskan bahawa kerajaan haruslah memperbanyakkan program yang berkaitan dengan sastra rakyat untuk memberi pendedahan kepada

masyarakat.

Justeru itu, kerajaan mempunyai hak untuk mendokumentasikan cerita rakyat dalam sebuah buku. Dalam konteks, pihak kerajaan seperti pensyarah mendengar dan mengumpulkan koleksi cerita rakyat daripada orang pakar dalam perkara ini. Hal ini bagi memudahkan masyarakat untuk membaca cerita rakyat mahupun membuat analisis berkaitan dengan cerita rakyat. Contohnya Minah Sintian seorang pensyarah di Universiti Pendidikan Sultan Idris telah mendokumentasikan sebuah koleksi khazanah sastera rakyat pada tahun 2016 yang mengandungi 32 cerita rakyat dengan kerjasama Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia. Rentetan itu, pihak kerajaan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) juga boleh menyampaikan cerita rakyat dalam bentuk lirik lagu, pantun, syair dan sebagainya. Cara penyampaian yang berbeza ini juga dapat menarik perhatian masyarakat untuk membaca cerita rakyat yang disampaikan secara turun-temurun ini. Oleh itu, hal ini dapat dirumuskan bahawa pihak kerajaan juga memainkan peranan penting dalam cerita rakyat ini terus terpelihara dan tidak dilupakan.

#### **5.4.3 Industri**

Selain itu, industri juga mempunyai peranan penting dalam bidang kesusasteraan terutamanya sastera rakyat iaitu mengadaptasikan cerita rakyat kepada filem pendek. Bidang industri perfileman mengangkat sebuah cerita rakyat untuk difilemkan dalam sebuah filem yang pendek mahupun dalam bentuk animasi. Hal ini dapat dilihat menerusi adaptasi cerita rakyat

jenaka seperti Pak Pandir, Si Luncai dan sebagainya. Manakala dari segi animasi kita dapat melihat kartun padazaman dahulu yang mengandungi cerita rakyat jenis binatang. Cerita rakyat yang diadaptasikan inibukan sahaja dapat menyumbang kepada ekonomi negara malahan dapat memdedahkan sastera rakyat kepada masyarakat secara digital. Dalam konteks ini, pengkaji mendapati bahawa teknologi digital ini dapat dimanfaatkan sebagai sebuah kaedah untuk mempromosikan cerita rakyat kepada masyarakat agar terus dikekalkan.

Sehubungan itu, industri lain yang terlibat dalam mengembangkan bidang kesusasteraan seperti rakyat rakyat ialah industri kreatif negara. Industri kreatif seharusnya memanfaatkan khazanah warisan sastera negara agar boleh menembusi pasaran global. Dalam konteks ini, Industri kreatif boleh menerbitkan karya-karya kreatif, diterjemah dan juga diadaptasi dalam sebuah karya yang bermutu. Pengkaji juga mencadangkan agar pihak industri mencari atau menggali semula cerita- cerita tradisinonal seperti sastera rakyat untuk diadaptasikan sebagai sebuah naratif yang baru. Menerusi kaedah ini, sastera rakyat seperti cerita rakyat dapat dikekalkan dan juga menyumbang kepada peningkatkan ekonomi negara.

#### **5.4.4 Pengkaji Lain**

Berdasarkan kajian ini, pengkaji juga ingin mengetengahkan cadangan yang perlu dilakukan oleh pengkaji lain. Antara cadangan yang pengkaji cadangan adalah para pengkaji lain mempelbagaikan lagi kajian yang berkaitan dengan cerita rakyat Kadazandusun mahupun cerita rakyat bangsa lain seperti

Melayu, Iban dan sebagainya yang menerapkan nilai-nilai pendidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian ini hanya terbatas kepada nilai pendidikan yang terdapat dalam *tangon-tangon* Kadazadusun dengan mengaplikasikan pendekatan Moral yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Tambahan itu, kajian ini juga tidak menyeluruh serta tidak melibatkan aspek-aspek lain. Bukan itu sahaja, pengkaji juga berharap agar pengkaji lain dapat menjadikan kajian sebagai rujukan untuk menghasilkan yang berkaitan dengan cerita rakyat Kadazandusun. Rentetan itu, pengkaji juga mencadangkan agar lebih banyak koleksi buku yang mendokumentasikan cerita-cerita rakyat dari pelbagai bangsa yang menerapkan nilai pendidikan dalam cerita rakyat yang seterusnya menjadi teladan kepada pengkaji lain. Melalui penghasilan dokumentari koleksi cerita rakyat ini, maka kajian berkaitan nilai pendidikan pada masa akan datang lebih banyak kerana mempunyai rujukan yang sudah tersedia.

### **5.5 Kesimpulan**

Secara keseluruhan kajian ini, pengkaji dapat melihat penerapan nilai pendidikan dalam *tangon- tangon* Kadazandusun berdasarkan teks *Tinimungan Tangon Kadazandusun* (Himpunan Cerita Kadazandusun) adalah sesuatu perkara yang perlu diteladani oleh masyarakat pada masa kini. Dalam konteks ini, nilai pendidikan ini dapat mendidik masyarakat terutamanya kanak-kanak agar mempunyai jati diri yang unggul dan berpendidikan pada masa akan datang. Bukan itu sahaja, nilai pendidikan ini dapat membentuk keperibadian masyarakat agar



lebih berbudi pekerti dalam kehidupan harian sekaligus mampu mewujudkan sebuah negara yang aman dan harmoni. Pengaplikasian pendekatan moral yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu ini juga sesuai dengan nilai pendidikan dalam cerita rakyat. Hal ini dikatakan demikian kerana, cerita rakyat merupakan sebuah cerita yang berdasar dengan pengalaman watak dalam kehidupan merekaberkait dengan alam sekitar yang menunjukkan unsur moral dan pendidikan.

Melalui kajian ini juga, pengkaji berharap agar masyarakat dapat memanfaatkan kajian ini dengan mengambil kesan yang positif seperti nilai-nilai pendidikan yang dibincangkan dalam kajian ini. Semua individu, masyarakat dan juga pihak yang berwajib haruslah mencontohi nilai- nilai yang dianalisis dalam kajian ini berdasarkan cerita rakyat Kadazandusun untuk membina jati diri yang unggul. Kajian ini juga akan menyumbang kepada perkembangan bidang kesusasteraan kerana sedikit sebanyak membuka minda masyarakat. Hal ini demikian kerana, teks sastera bukannya saja dijadikan sebagai platform untuk menyampaikan buah fikiran, idea serta sebagai penulisan untuk mendapatkan keuntungan sahaja. Namun teks sastera ini akan menerapkan dan memaparkan nilai pendidikan dan moral yang boleh dicontohi oleh masyarakat pada hari ini.

## Rujukan

- Aprilina & Ida Wahyu Liana. (2019). *Pendekatan Moral dalam upaya perlindungan hak anak dari dampak perkembangan teknologi*. Fakultas Hukum Universitas Trunojoyo Madura.
- Aripin Said. (1996). *Koleksi terpilih cerita rakyat Zakaria Hitam. Sastera kanak-kanak*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmiaty Amat & Norsuhaila Sulaiman. (2019). Analisis kepercayaan etnik Kadazandusun Sabah dalam antologi *tangon*. Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(1), 97-108.
- Azura Abdullah (2000). *Sastera kanak-kanak: Meninjau aspek budaya Melayu dalam cerita binatang dan kesan kepada kanak-kanak*: Penerbit Universiti.
- Bacharach, S. B. (1989). Organizational theories: Some criteria for evaluation. *Academy of Management Review*, 14(4), 496-515.
- Budi Anto Mohd Tampring (2018). Mikorot dalam konteks kebudayaan etnik Dusun di Sabah: Analisis dari perspektif hubungan etnik. *Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 1(27), 93-120.
- Ceroliza Matin. (2021). Relevanan Huguan Siou dalam konteks kesatuan masyarakat Kadazandusun. *Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah)*, 6(1), 59-77.
- Che Abdullah Che Ya. (2018). Manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dalam Bedar Sukma Bisu. *Jurnal Melayu Bil.* 17(2), 23-34.
- Cyrene Rimani Junis & Minah Sintian. (2019). *Unsur jenaka dalam pengajaran bahasa Kadazandusun: Satu pengenalan*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Malaysia.
- Danandjaja & James. (2007). *Folklore Indonesia: Ilmu gosip dan lain lain*. Pustaka Utama Grafiti.
- Dewey. J. (1957). *Democracy and Education: An introduction to the philosophy of education*. The MacMillan Company.
- Dingding Haerudin. (2016). Mengkaji nilai-nilai moral melalui karya sastera. *Jurnal Peradaban Melayu*, 1(1), 1-14.

- Ezra Alfandy M Duin. (2013). *Cerita rakyat Dusun Yanak-Anak Om I Kogiu dalam Stail Broadway*. (Tesis Ijazah Sarjana Muda), Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak.
- Florina Jumil & Norjietta Julita Taisin. (2017). Nilai Murni dalam *Tangon-tangon* Masyarakat Etnik Kadazandusun. *Journal of the Malay Language, Education and Literature (PENDETA)*, 4(8), 36-46.
- Halina Sendera Mohd Yakin, Chiew Tung Moi & Andreas Totu. (2020). Impak modernisasi dan pengkomersilan terhadap keaslian makanan tradisi dan identiti budaya etnik Kadazandusundi Sabah. *Borneo International Journal*, 2(4), 37-46.
- Hashim Awang. (1994). *Pengkajian sastera: Pengkaedahan Melayu*. Pengarang, teks dan khalayak. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (2002a). *Teori Pengkaedahan Melayu dan prinsipnya*. Bengkel teori Sastera. Dewan Sastera dan Pustaka.
- Hashim Awang (2002b). Teori Pengkaedahan Melayu dan prinsip penerapan. *Seminar bengkel kajian teori sastera Melayu*. Riviera Bay Resort, 20-23 Jun.
- Hashim Musa (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan menghadapi cabaran abad ke -2*. Serdang:Penerbit Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Hera Aprilia, Nur Nisai Muslihah & Inda Puspita. (2022). Analisis struktural novel Ethile karya Benny Arnas melalui pendekatan Moral. *YLI (Yayasan Linggau Inda Pena)*, 2(1), 29-49.
- Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid. (2021). Nilai kepahlawanan dalam *tangon* terpilih suku Kimaragang di Sabah. *MANU*, 32(1), 175-201.
- Jefferson, Ann. (1988). "*Formalisme Rusia*" dalam teori kesusasteraan moden: *Pengenalan secara perbandingan*. (Terjemahan Edisi Malaysia oleh Mokhtar Ahmad). Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Julia Santi, Rusmana Dewi & Agung Nugroho. (2022). Kajian psikologi tokoh utama kumpulan cerpen Bertarung dalam Sarung Karya Alfian Dippahatang melalui pendekatan Moral. *Jurnal of Elementary School Education*, 8(13), 15-22.
- Jumali Selamat (2001). *Nilai-nilai dalam Pantun Melayu*. Thesis Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.

- Jumali HJ. Selamat. (2009). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam menjaras ribut menerusipendekatan Dakwah. *Jurnal Personalia pelajar*, 12(3), 19-37.
- Kamal Abd. Manaf. (1996). *Manusia dan personaliti: Membentuk insan yang sempurna*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Kadjim. (2011). *Ekonomi Mikro*. Yogyakarta BPFE: Yogyakarta.
- Kamarudin. (2017). Jati diri Melayu dalam kumpulan puisi terpilih A. Aziz Deraman: Analisis teori Pengkaedahan Melayu, *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 7(11), 47-63.
- Kamus Dewan*. (Edisi kelima). (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kerlinger. (1970). *Foundation of behavioural research*. Rinehart and Winston.
- Mansur dan Muslich. (2011). *Psikologi pendidikan karakter*. Bumi Aksara.
- Mastura Binti Othman. (2021). *Nilai-nilai kemanusiaan dalam novel Srengenge Karya Shanon Ahmad: Aplikasi teori Pengkaedahan Melayu*. (Tesis Ijazah Sarjana Muda), Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Minah Sintian. (2019). *Amalan memotong kepala dalam masyarakat tradisional Kadazandusun: survival atau budaya*. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). *Nilai-nilai murni dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Minah Sintian. (2017). *Variasi leksikal dalam dialek keluarga Dusun di Sabah*. Doctoral Thesis, Universiti Putra Malaysia.
- Minah Sintian. (2016). *Nilai-nilai kearifan lokal dalam cerita rakyat Kadazandusun*. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Minah Sintian & Norazimah Zakaria. (2016). Unsur pemikiran kreatif masyarakat Melayu tradisimelalui teks sastera tulisan dan lisan terpilih. *Journal of Social Science*, 12(23), 67-74.

- Minah Sintian & Saripah Banseng. (2016). Pelestarian alam sekitar dari perspektif tempatan masyarakat Kadazandusun di kawasan Banjaran Gunung Kinabalu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 17(2), 1–11.
- Minah Sintian. (2016). Penggunaan tatabahasa Kadazandusun dalam kalangan guru bahasa Kadazandusun. *Jurnal Peradaban Melayu* 6(12), 1-32.
- Minah Sintian & Rosliah Kiting. (2016). *Tinimungan Tangon Kadazandusun: Himpunan Cerita Kadazandusun*. Pejabat Karang Mengarang Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohamad Saleeh Rahamad. (2015). Analisis pendekatan Moral dalam karya sastera. *Jurnal Peradaban Melayu*, 4(23), 36-55.
- Mohd Fahmi, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop. (2015). Cerita rakyat Melayu: Suatu analisis pancaran jati diri masyarakat Melayu sebagai cerminan kebudayaan Melayu. *International Journal of Education and Training*, 3(1), 4-79.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Siti Nurul Suhadah. (2020). Akal budi dalam cerita rakyat penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu penelitian kemasyarakatan. *Jurnal Melayu*, 21(1), 129-144.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). *Nilai-nilai murni dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi. (2017). Cerminan moral positif dalam cerita-cerita rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 9(6), 35-44.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). Nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu suatu aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*, 4(2), 45-57.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). *Nilai-nilai murni dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat*. Tesis Ijazah Sarjana Master Sastera. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd. Rahim. (2014). Cerita rakyat membentuk moral positif kanak-kanak melalui nilai murni. *Journal of Business and Social Development*, 2(2), 74-85.



- Mohd. Majid Konting. (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sheffie Abu Bakar. (1991). *Metodologi penyelidikan untuk ekonomi dan bidang-bidang berkaitan*, c. 2. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Taib Osman. (1976). *Sastera rakyat tinjauan umum dalam A. Bakar Hamid (Ed)*. Diskusi Sastera Jilid 1: Sastera Tradisi. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mouly, G.J. (1963). *The science of educational research*. American Book Company.
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin. (2019). Aspek dakwah dalam novel Suriati berdasarkan pendekatan Dakwah teori Pengkaedahan Melayu. *Malay Literature* 32(1), 116-144.
- Nasha Azreena Binti Mohd Jaihan. (2023). *Nilai-nilai moral dan pembentukan akhlak dalam gurindam Jiwa Penawar Duka karya Ami Masra: Pendekatan Moral*. (Tesis Ijazah Sarjana Muda), Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Norazimah Zakaria & Rusniyati Mahiyaddin. (2016). Cerita Mitos dalam Dua Dunia. *Jurnal Peradaban Melayu*, 9(23), 45-60.
- Normaliza Abd Rahim. (2014). Cerita rakyat membentuk moral positif kanak-kanak melalui nilaimurni, *Journal of Business and Social Development*, 2(3), 23-45.
- Norita Ariffin (2006). *Nilai-nilai budi masyarakat Melayu dalam Pantun Tesis Sarjana Sastera*, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Nor Muhammad Shahir. (2022). *Unsur mitos dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. (Tesis Ijazah Sarjana Muda), Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Noviatin Syarifuddin. (2016). Manifestasi legenda kepahlawanan Monsopiad sebagai identiti etnik Kadazandusun: Citra dari Kacamata Peribumi Penampang, Sabah. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(5), 136-147.
- Nur Hanis Binti Mohd Ramlee. (2022). *Unsur Patriotisme dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa: Satu kajian berdasarkan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu*. (Tesis Ijazah Sarjana Muda), Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.

- Prima Wuri Handayani (2016). Dekonstruktur moralitas tokoh dalam karya sastra. *Jurnal IlmiahIndonesia*, 7(23), 32-44.
- Roslina Abu Bakar & Arba'ie Sujud. (2013). World-view dan sistem politik masyarakat Melayu: Penelitian terhadap cerita rakyat Melayu. *Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastra Melayu*,4(1), 143-161.
- Sahlan Mohd Saman. (1999). Pengkaedahan Melayu Islam dalam kritikan sastra. *Jurnal Melayu*,3(7), 77-99.
- Sanubarianto, Salimullah Tegar, and Wiyatmi Wiyatmi. (2015). Nilai pendidikan karakter dalam cerita rakyat Kakak Beradik Tange dan Berei. *Jurnal Lingko*, 6(10), 23-45.
- Sharifah Darmia Binti Sharif. (2020). Pengaruh budaya dalam keharmonian etnik di Sabah. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 2(1), 62-68.
- Shaiful Bahri Mohd Radzi & Jacqueline Karimon. (2021). Merungkai rahsia mistik kehidupan etnik Murut Paluan dalam mitos tumbuhan. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 9(1), 81-96.
- Shaiful Bahri Md. Radzi (2015). Si Tanggung Moden dan perubahan makna dalam cerita bermotifkan anak derhaka. *Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 247-261.
- Siti Rabiatul Adawiyah Jaffar (2013). *Nilai-nilai murni dalam Komik Upin dan Ipin suatu gambaran kebudayaan Melayu*. Tesis Sarjana Muda, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Suwardi Endraswara. (2005). *Tradisi lisan Jawa: Warisan Abadi Budaya Leluhur*. Penerbit Narasi.
- Syaidul Azam Kamarudin & Arbai' e Sujud. (2017). Jati diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 7(17), 47-63.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor Aini Dan (1992). *Pendidikan dan wawasan 2020*. *Arena Ilmu Sdn.Bhd*.
- Warih Budiarti. (2010). Nilai moral dalam novel Merpati Biru Karya Achmad Munif: Kajian sosiologi sastra. *Jurnal KIBASP (Kajian Bahasa, Sastra dan Pengajaran)*, 5(2), 139-152.




Wiyadi. (1991). *Manajemen Pemasaran I*. Surakarta: Fakultas Ekonomi, UMS.

Yunus Sauman Sabin, Adnan Jusoh, Muhammad Rermizi Hasni & Zuliskandar Ramli. (2018). Penemuan terkini bukti kebudayaan megalitik dan pengebumian tempayan di Sabah. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 31(2), 1-16.

Zafirah Zaidi. (2021, Disember 15). Remaja kini sudah mula tidak kenal cerita rakyat. *Buletin JendelaDBP*.



## LAMPIRAN



Buku *Tinimungan Tangon Kadazandusun* (Himpunan Cerita Rakyat)



Minah Sintiah (Editor)



Roslian Kiting (Editor)

Sumber: Internet